Tuan Yang di-Pertua, baharu sa-kejap tadi Yang Berhormat Ahli dari Ipoh telah bergaduh tentang saya memberi sokongan untuk Kerajaan membelanjakan di-atas perbicharaan Yang Berhormat wakil dari Kuantan—Menteri Pelajaran dahulu. Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara itu masing² berhak kepada pendapat-nya—He is entitled to his contention; I am entitled to mine. Now, we cannot leave a Minister to spend himself all the costs of the litigation. Now, at the time when the litigation was taken up, he was a member of the Cabinet. Now, I say it is the principle of collective responsibility for the Cabinet to see to the integrity, to the dignity of its member. Now, I say in this case it is only fair for the Cabinet to bear the expenses for the litigation or at least part of the expenses for the litigation of Honourable Enche' Abdul Rahman. Tuan Yang di-Pertua

Tuan D. R. Seenivasagam (Ipoh):

Mr Speaker, Sir, on a point of clarification. The Honourable Member said that it was on the question of responsibility to see that the integrity was preserved that this \$88,000 was paid. Then I asked, on a point of clarification, whether the Member would advocate that since that integrity was not upheld and, in fact, destroyed by the Court, will you resign en bloc? That is all I asked.

Dato' Abdullah bin Abdul-rahman:

Mr Speaker, Sir, there is no reason why we should. I said in this case it is only fair for the Cabinet to pay for the expenses of the litigation.

Tuan Yang di-Pertua, baharu² ini kita ada melihat beberapa pertubohan penulis telah di-tubuhkan dalam negara kita Malaysia ini. Saya rasa patut benar pehak Kerajaan memberi sokongan kewangan kepada persatuan² penulis ini dan sa-lain daripada memberi kewangan—bantuan kewangan—kapada persatuan² penulis ini pehak

Kerajaan juga akan mengadakan per-untukan hadiah pelajaran bagi penulis² ini mengambil pelajaran tinggi bahagian kewartawanan (journalism) dan lain² dalam chawangan itu. Dengan jalan ini, Tuan Yang di-Pertua, kita berharap penulis² di-negara Malaysia ini akan dapat meninggikan taraf kesusasteraan di-dalam negara Malaysia ini dan dengan jalan itu kita akan mendapat tempat yang baik di-dalam bahagian kesusasteraan di-dalam dunia international.

Tuan Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, kesusasteraan, keristerawan, saya kurang faham.

Dato' Abdullah bin Abdul-rahman: Sekarang, Tuan Yang di-Pertua, dengan kita dapat berbaik² sa-mula dengan pehak Indonesia dan Filipina saya berharap benar pehak Kerajaan akan menghantar lebih banyak lagi rombongan² muhibbah ka-negara² itu, dan saya berharap Kerajaan tidak akan lupa mengambil beberapa orang Ahli² Yang Berhormat daripada Parlimen ini untuk menyertai sama di-dalam rombongan² muhibbah itu.

Saya juga, Tuan Yang di-Pertua, sukachita melihat ia-itu ketua² pejabat tidak lama lagi akan di-beri kuasa balek di-dalam bahagian disiplin. Ini sangat mustahak, dan di-samping itu saya ada satu shor juga kapada pehak Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu ia-lah mengenai report sulit atau pun confidential report terhadap pegawai² federal yang ada berkhidmat di-dalam negeri². Pada masa sekarang ini confidential report atau pun report sulit ini ada-lah di-buat oleh pegawai² di-Kuala Lumpur bagi pegawai² federal yang berkhidmat di-negeri² seperti Pegawai Pelajaran, Pegawai Kesehatan, Engineer dan lain². Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, dengan pesat-nya berjalan ranchangan pembangunan di-dalam negeri dan untuk melichinkan lagi pentadbiran di-tingkatan Federal dan tingkatan Negeri patut sangat, dan saya shorkan kapada pehak Kerajaan supaya kuasa membuat report² sulit ini ada pada Yang Berhormat Setia-Usaha Kerajaan di-tiap² negeri.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga suka menyentuh sedikit apa yang dikatakan oleh pihak wakil Yang Berhormat daripada Ipoh tadi mengenai perlantikan dan kenaikan pangkat di dalam sa-tengah² Perkhidmatan Awam. Kata beliau, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah tidak 'adil di-dalam chawangan ini atau pun bahagian ini. Pada pendapat saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, tidak-lah 'adil pula bagi pihak Yang Berhormat itu membuat tuduhan yang seperti itu terhadap Kerajaan. Kita semua tahu, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu di-dalam negara kita ini kita ada mempunyai Surohan Jaya Perkhidmatan Awam, Public Service Commission, yang mana Public Service Commission ini atau Surohan Jaya ini ada-lah satu badan yang bebas, independent, dan ada-lah tanggung-jawab Surohan Jaya ini mengenai perkara² lantikan dan kenaikan pangkat di-antara pegawai² Kerajaan semua.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penghabisan ia-lah tentang soal pergerakan sharikat kerjasama. Oleh kerana pergerakan sharikat kerjasama ini ada-lah satu²-nya harta yang dapat main peranan besar untuk meninggikan taraf ekonomi penduduk² di-dalam negeri ini, maka saya berharap pihak Kerajaan akan dapat menubuhkan satu jawatan-kuasa mengkaji samula syarat² di-dalam undang² pergerakan sharikat kerjasama dan membuat pindaan² atau pun perubahan² yang sa-mesti dan yang sa-wajar bagi membolehkan pergerakan sharikat kerjasama ini memainkan peranan yang lebih cekap dan supaya perjalanan-nya lebih licin di-dalam peranan meninggikan taraf ekonomi penduduk² di-dalam negeri ini. Sekian sahaja.

Sitting suspended for 15 minutes.

Sitting resumed at 5.50 p.m.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong ucapan dasar ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya suka-lah memberi pandangan bagaimana yang sedia ma'alum patut Majlis

ini memberikan satu penghormatan kepada Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri, yang telah membuat kejayaan besar baru² ini di-Bangkok berhubung dengan konfrantasi dengan Indonesia. Untuk mengingati jasa Yang Amat Berhormat patut-lah Kerajaan membuat batu peringatan kepada kedua² orang jagoh, ia-itu kepada Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak dan Tuan Adam Malek daripada Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu, dalam ucapan yang selalu kita dengar daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan berhubung dengan kekurangan wang Kerajaan kita bagi menyelenggarakan Rancangan Lima Tahun Malaysia Yang Pertama, kita telah gagal membuat perundingan dengan Kerajaan British bagi meminjam wang. Saya berpendapat bagi pihak Kerajaan patut membuat tindakan segera dengan menaikkan cukai² tanah yang di-punyai orang British yang ada dalam Tanah Melayu kita ini. Hendak-nya kekurangan wang yang telah di-terangkan itu jangan-lah dikenakan kepada ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan wakil Ipoh tadi, sangat-lah menyedihkan saya kerana kalau ta' silap, wakil Ipoh telah menuduh Yang di-Pertuan Agong telah membuat salah. Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai ra'ayat yang ta'at setia di-dalam negeri ini rasa saya tidak sa-layak-nya seperti wakil Ipoh itu membuat kechaman kepada sa-orang raja yang di-agong²kan oleh ra'ayat negeri ini. Kalau-lah salah sa-kali pun kecham-lah kepada Perdana Menteri atau pun kepada Kerajaan negeri ini. Saya tidak-lah hendak mengulang ucapan-nya yang panjang itu tetapi di-sini dapat kita saksikan dengan ada-nya tamat konfrantasi daripada Indonesia ini bermacam² belang telah tumbuh di-dalam negeri ini dengan ucapan² yang di-buat sama ada dalam Dewan ini atau di-luar Dewan ini daripada mereka² yang tidak ta'at setia kepada negeri ini. Ini saya berharap pihak Menteri yang berkenaan mengambil kenyataan kepada mereka² yang sarpupa itu.

Tuan Yang di-Pertua, ka-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyebutkan berhubung dengan pelajaran. Saya juga berpendapat ada-lah pelajaran sangat mustahak di-dalam sa-sabua negara yang membangun. Bagi pihak Kementerian Pelajaran patut-lah di-beri terima kaseh bagi menguruskan pelajaran di-negeri ini yang pada satu masa nanti dengan chara pelajaran ini-lah boleh menyambung di-antara semua bangsa yang ada dalam negeri ini. Tetapi saya suka-lah meminta kepada Kementerian Pelajaran apa yang telah berlaku baru² ini berhubung dengan pemogokan penuntut² di-Sekolah Trade School di-Bukit Senyum, Johor Bahru. Penuntut² ini mula mogok mula² 5-6-66 walau pun telah tersiar di-dalam surat² khabar berhubung dengan apa sebab penuntut² ini mogok tetapi saya suka menyuarakan kepada Menteri di-dalam Dewan ini supaya Menteri yang berkenaan mengambil tindakan bagi menolong penuntut² yang sedang mogok itu. Sa-tahu saya penuntut² sekolah ini ada-lah 200 orang ramai-nya. Daripada 200 orang ini kalau ta' silap, ada 180 orang yang duduk di-dalam asrama sekolah itu. Sebab² murid² itu mogok, saya di-beri tahu, kerana satu daripada sebab²-nya segala surat² rayuan yang di-hantar oleh murid² itu tidak mendapat layanan langsung daripada Guru Besar sekolah itu. Saya ta' tahu-lah perkara yang sa-benar-nya tetapi banyak perkara lagi yang penuntut² itu mogok kerana banyak kekurangan² yang di-dapati di-dalam sekolah itu. Satu daripada-nya ia itu murid² yang duduk dalam asrama itu ada 180 orang tetapi 80 sahaja yang sekolah itu mengadakan tilam. Jadi, ini nyata-lah kurang chekap-nya, pada pendapat saya, Guru Besar yang mengelolakan sekolah itu, dan penuntut itu juga kena bekerja sendiri membersihkan kawasan kebun sekolah sa-hingga kepada tandas sekolah itu sendiri. Jadi, sa-bagai penuntut tentu-lah maruah-nya hendak di-jaga. Saya berharap sangat supaya dapat Kementerian menyasiat dengan sa-berapa segera.

Sa-lain daripada itu perasaan tidak puas hati penuntut ini ia-lah berhubung dengan sijil-sijil yang di-

keluarkan daripada Trade School ini, pada masa ini di-sain oleh Guru Besar dengan kertas yang kurang baik. Jadi taraf sekolah itu sengaja di-rendahkan, pada hal yang sudah² di-sain oleh Menteri Pelajaran sendiri. Jadi saya berharap-lah, Tuan Yang di-Pertua, supaya dapat Menteri yang berkenaan menjalankan penyasiatan bagi melayakkan sa-benar² dalam negeri kita yang membangun berkehendakkan penuntut² yang layak saperti penuntut di-sekolah yang tersebut.

Banyak lagi perkara yang patut saya sebutkan tetapi satu perkara yang mustahak lagi berhubung dengan guru yang mengajar. Ini ada rungutan juga, guru yang di-letakkan mengajar, umpama-nya dia lulus bangunan, berhubung dengan bangunan, di-suroh-nya mengajar berhubung dengan letrik. Jadi, Che' Gu itu pun hendak mengajar kepada penuntut² itu tidak bagitu seronok. Jadi, harapan saya supaya dapat perkara ini di-betulkan dengan sa-berapa segera. Sa-tahu saya pihak penuntut ini telah membuat rayuan kepada Lembaga Sekolah itu pun tidak bagitu dapat layanan daripada Kerajaan sendiri dan juga daripada Kerajaan Pusat.

Sa-lain daripada itu berhubung dengan pelajaran dalam negeri Melaka kalau tidak salah, telah ada 23 buah Sekolah Menengah Kebangsaan, patut-lah Menteri Pelajaran menimbangkan supaya di-negeri Melaka di-bangunkan sa-buah Sekolah Tingkatan Enam saperti yang ada Sekolah Alam Shah di-Kuala Lumpur ini, kerana memang kena-lah masa-nya hendak mengisi tahun 1967 ini bahasa Melayu akan menjadi bahasa kebangsaan yang rasmi dalam tanah ayer kita. Ini-lah rayuan saya.

Sa-lain daripada itu saya berchakap berhubung dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Tuan Yang di-Pertua. Kita mengaku dengan bijak-sana Menteri yang berkenaan, aman tenteram dalam negeri ini, dapat kita saksikan sa-hinggakan pada hari ini walau pun bagi pihak yang ta' sukakan aman, yang ta' sukakan damai sentiasa menchercha, menudoh Menteri yang berkenaan. Saya hanya merayu di-sini kira-nya salah, saya minta

ma'af, ia-itu mengikut sempena Hari Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang baru dan baru pula Yang di-Pertua Agong mengishtiharkan dengan resmi-nya persidangan dua hari yang lalu dan sempena tamat-nya konfrantasi Indonesia, saya minta-lah dengan jasa baik Yang Amat Berhormat Tun Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menimbangkan kalau boleh melepaskan sama sa-kali sa-orang tahanan anak Melaka sendiri, ia-itu Enche' Hasnul Hadi. Saya berpendapat Enche' Hasnul ini pada masa sekarang tidak ada berparty lagi, dahulu dia dudok dalam *Socialist Front* tetapi party ini telah di-bubarkan. Jadi, kalau dia ini di-lepaskan, rasa saya, dia tidak membahayakan kepada negeri ini, kerana ada orang yang lebeh merbahaya yang di-tangkap itu sudah pula di-lepaskan dan ada yang lebeh merbahaya lagi dia belum kena tangkap ini pula tidak di-tangkap. Tuan Yang di-Pertua, ini-lah rayuan saya mengikut sempena tamat-nya konfrantasi Indonesia sa-orang anak Melaka orang Melayu yang di-tahan itu patut di-lepaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sa-lain daripada itu berhubung dengan Kementerian Pertanian dan Kerjasama, saya tidak-lah hendak menapikan Kerajaan telah mendirikan Bank Bumiputra di-Kuala Lumpur, dan ada chabang-nya yang telah di-bangunkan di-Melaka. Bank Bumiputera ini pada masa ini saya ta' nampak dapat memberi pertolongan yang sa-penoh-nya kepada ra'ayat terutama kaum tani dan kaum yang susah di-luar bandar. Sharat² saya tidak-lah hendak menerangkan satu persatu. Tujuan saya berkata saya berharap sangat kepada Menteri Yang berkenaan supaya dapat terutama sa-kali Menteri Kewangan memberikan peruntokan wang bagi menyokong menjalankan Bang Agong Kerjasama yang telah pun kami bena pada masa ini. Jadi, Bank Agong ini tujuan-nya sa-mata² kerana hendak membela kaum tani dan memberi pertolongan kepada nelayan serta lain² ra'ayat di-luar bandar. Jadi, kalau-lah Kerajaan boleh memberikan pertolongan satu peruntokan wang yang besar kepada Bank Bumiputra, maka rasa saya Kerajaan tidak teragak lagi akan memberikan

pertolongan yang kami telah tunjukkan jasa, telah tunjukkan benda-nya bagi membena Bank Agong ini dengan tujuan ta' lain ta' bukan kerana memberi bantuan kepada petani² dan nelayan² yang ada di-sekitar tanah ayer kita ini. Kita tidak melupakan bagi pehak Kementerian Kerjasama, bagi pehak Kerajaan yang telah memberikan peruntokan yang besar wang bagi kemajuan Sharikat Kerjasama tetapi satu peruntokan yang betul² bulat seperti beri peruntokan kepada Bank Bumiputra ini belum lagi. Hajat Bank Agong hendakkan peruntokan pinjaman ini bukan-lah banyak kalau tidak silap saya beri-lah kami peruntokan pinjaman sa-banyak \$5 juta ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, tidak siapa pun boleh menapikan apa yang telah di-boktikan oleh Kementerian ini berhubung dengan pembangunan negara terutama sa-kali dalam ranchangan tanah, sama ada Ranchangan Tanah Pinggir atau pun F.L.D.A. Yang saya maksudkan di-sini hanya saya berharap kepada Menteri yang berkenaan, sekarang umpama-nya, di-Kemendor dalam kawasan saya di-Jasin telah pun memungut hasil—peserta² di-sana telah pun mengeluarkan hasil dengan menureh getah daripada tanah ranchangan ini sa-hingga sa-orang telah dapat meningkat \$405 sa-bulan. Kalau dahulu Parti Pembangkang membuat tuduhan apa yang di-katakan oleh Yang Amat Berhormat Tun supaya kita memberi kemudahan dan kesenangan kepada ra'ayat melalui ranchangan tanah ini, kalau boleh tiap² satu keluarga itu dapat \$300 sa-bulan, tetapi pada hari ini telah nyata \$405 ka-atas pun ada lagi dapat pada sa-bulan. Jadi apa yang saya kehendaki peserta² ini hendak-lah kita kawal. Yang sudah² getah² yang ada itu hanya chuma di-tender, di-konterek kepada satu kompeni. Saya berharap pehak Kerajaan beranikan mengeluarkan wang supaya membuat factory bagi membeku getah itu, dan akhir-nya factory itu akan di-serahkan kepada ranchangan tanah itu sendiri.

Berhubung dengan ranchangan ini, saya menyampaikan rayuan daripada

kaki²-tangan ranchangan tanah sama ada ranchangan tanah pinggir dan F.L.D.A. ini, kalau boleh kata dia, dia di-beri peluang sama mendapat ranchangan tanah yang sa-umpama itu, kerana dia pun bekerja buat sementara.

Dr Mahathir bin Mohamad (Kota Star Selatan): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengalu²kan ucapan Titah di-Raja yang mana terkandung di-dalam-nya beberapa chadangan² dan ikhtiar² Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mendatangkan lebeh lagi kemajuan kepada negara kita. Saya tidak shak yang ra'ayat menanti² ucapan Titah di-Raja sa-bagai satu perkara yang besar, yang berharga dan besar ma'ana-nya bagi negara demokrasi berparlimen yang kita 'amalkan. Tetapi ucapan Titah di-Raja bukan sahaja satu soal 'adat demokrasi. Ucapan ini ia-lah satu langkah yang penting bagi Kerajaan untuk membayangkan polisi² Kerajaan, dan dengan di-bahathkan polisi² ini maka dapat-lah Kerajaan menimbangkan ada-kah polisi² yang telah di-buat itu di-faham dan di-terima oleh Dewan ini khas-nya dan ra'ayat 'am-nya, atau pun polisi² ini tidak kena dan akan memburokkan nama Kerajaan. Dari bahathan yang berlaku juga dapat Kerajaan memperbetulkan dan membersekan untuk kepentingan negara.

Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lewat² ini masa yang di-hadkan oleh Parlimen untuk membahathkan sangat-lah pendek, dan tiap² kali Ahli Yang Berhormat bangun untuk membuat ucapan, maka terpaksa-lah, Tuan Yang di-Pertua, mengingatkan Ahli itu supaya merengaskan ucapan-nya untuk menjaga masa yang sengkat. Saya sendiri telah dapat amaran yang begitu, dan banyak perkara² yang mustahak yang saya tidak dapat mengemukakan oleh kerana saya tidak di-beri masa. Juga oleh kerana Ahli² Pembangkang sedikit, maka mereka di-beri masa yang lebeh lama daripada ahli² penyokong Kerajaan. Tidak-lah saya maksudkan yang Ahli² Pembangkang patut di-beri masa yang kurang akan tetapi penyokong²

Kerajaan patut-lah juga di-beri masa yang sama, terutama, Tuan Yang di-Pertua, dalam membahathkan ucapan Titah yang terkandung di-dalam-nya polisi² Kerajaan yang akan di-jalankan. Kalau di-dalam membahathkan ini pun saya di-suruh dudok dengan chepat, maka perasaan² tidak puas hati akan timbul di-kalangan ra'ayat, terutama di-kawasan saya yang telah meminta saya mengemukakan beberapa perkara penting di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, di-dalam ucapan Titah di-Raja telah pun disebutkan berkenaan dengan keadaan yang baik dalam bidang perniagaan. Sa-bahagian besar dalam kehidupan dan kekayaan orang² Malaysia ia-lah bersangkut dengan perniagaan. Sungoh pun kita tidak terikat dengan *ism*² dalam bidang ekonomi, Kerajaan selalu-lah nampak-nya mengambil perhatian supaya kekayaan tidak dimiliki oleh sa-bahagian yang kecil sahaja tetapi semua—ra'ayat dapat mengechap sedikit sa-banyak daripada hasil usaha baharu. Umpama-nya, dalam keluaran lesen², keutamaan selalu di-beri kepada sharikat² orang ramai dan bukan kepada perusahaan persendirian. Malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, usaha² yang lama belum lagi dapat perhatian Kerajaan yang sa-patut-nya. Pada pandangan saya ini telah menimbulkan satu keadaan yang tidak sehat yang mana beberapa golongan kecil² terdiri daripada warga-negara dan yang lebeh menyedehkan lagi orang² yang bukan warga-negara dapat mengawal beberapa perusahaan sa-hingga mereka yang sedikit ini boleh di-katakan ada monopoli dalam negara kita ini (*Tepok*). Monopoli ini di-dapati dalam banyak perusahaan², tetapi sa-bagai contoh saya ingin menarek perhatian Kerajaan kepada dua perusahaan sahaja ia-itu perusahaan filem dan wayang gambar dan perusahaan surat-khabar dan buku². Tuan Yang di-Pertua, di-dalam Tanah Melayu ini perusahaan filem dan wayang gambar ini di-control oleh dua sharikat sahaja. Sharikat² ini pula bukan public company, tetapi dimiliki oleh dua family, di-antara dua *dynasty* ini semua perusahaan filem dari mengeluarkan, menayang sa-hingga

membakar filem yang burok di-kawal-kan. Semua panggong wayang di-punyai atau di-control oleh mereka dan semua impot filem² di-jalankan oleh mereka.

Apa-kah akibat-nya, Tuan Yang di-Pertuan. Yang pertama tidak dapat lain² orang menchari keuntungan daripada perusahaan filem di-mana² peringkat. Umpama-nya kalau saya mengimpotkan filem dari luar negeri saya tidak dapat menayang filem² ini oleh kerana semua panggong² wayang di-kontrol oleh dua family tadi. Saya akan di-paksa mengikut sharat² yang di-letak oleh dua family ini kalau saya ingin juga mengimpot filem. Sharat² ini sa-habis² baik-nya akan memberi keuntungan yang besar kepada dua family tadi dan yang kechil kepada saya, sa-burok²-nya saya akan di-paksa merentikan usaha ini dan memberikan usaha ini kepada dua family yang tadi. Kalau pun saya ingin mengadakan panggong wayang saya sendiri saya tidak akan ada gambar² untuk menayangkan. Kalau dapat sa-kali pun chuma gambar² yang tidak baik dan tidak beruntung. Kalau saya chuba impot terus saya tidak akan dapat berhubung dengan sharikat yang kenamaan oleh kerana semua-nya di-bolot kontrek-nya oleh dua family tadi. Kalau pun boleh saya impot satu filem chuma dengan di-tayangkan di-panggong saya yang satu itu dan di-boikot oleh dua family tadi akan mendatangkan kerugian yang besar. Kalau-lah pula saya tidak serek dan saya adakan filem studio saya sendiri yang mengeluarkan filem Melayu sa-juta bintang, saya tidak akan dapat menjual atau menyewa filem yang saya keluarkan kerana sudah tentu family tadi akan boikot saya. Akhir-nya saya akan di-paksa menutup dan menjualkan alat² saya. Dalam ini pun yang boleh beli chuma dua family tadi sahaja dengan harga yang di-tetapkan oleh mereka. Tetapi yang bernasib burok sa-kali ia-lah pelakun² filem² Melayu di-seluruh Malaysia ini mereka boleh memilih di-antara dua majikan sahaja. Di-Kuala Lumpur sa-tahu saya chuma ada satu film studio. Telah pun ada ura² membuka lain² film studio tetapi oleh sebab ketakutan yang dua family tadi akan boikot

filem² yang di-keluarkan maka semua chadangan² ini telah tinggal chadangan² sahaja. Di-dalam filem studio yang ada sungguh pun banyak gelima yang terbukti keadaan pelakun² dan pekerja² sangat-lah burok. Mereka bergaji kechil walau pun gambar² yang di-keluarkan menarek berpuluh ribu penuntun. Mereka di-beri tahu tiap² gambar yang di-keluarkan mendatangkan kerugian kepada family² tadi. Gaji mereka pula sa-chara kontrek yang berlainan di-antara satu pekerja dengan yang lain. Ada kala mereka di-buang kerja kalau sakit. Ada yang bergaji hari di-bayar kalau ada filem atau kalau ada kerja pada hari itu sahaja. Walau pun mereka telah kerja lama dengan kompeni itu kerja mereka tidak terjamin, mereka boleh di-buang kalau sahaja tidak di-suka² oleh mana² pegawai kompeni itu.

Akhir-nya mereka tidak di-benar mengadakan kesatuan sekerja. Kalau ada ura² membentok kesatuan apa² di-antara pekerja² dalam filem studio maka dengan serta merta pekerja² yang active di-dalam usaha ini di-buang dan amaran di-beri kepada yang lain. Oleh kerana kalau di-buang tidak ada filem studio² lain yang akan menerima mereka, sikap yang bengis ini di-takuti oleh semua pekerja². Dari itu sa-hingga sekarang tidak ada-lah kesatuan² sekerja di-dalam perusahaan filem² di-Malaya.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya dengan saya mengeluarkan perkara ini di-dalam Dewan ini tindakan yang burok akan di-ambil ka-atas pekerja² tadi. Saya ingin mengingatkan Kementerian Buroh supaya mengawasi keadaan ini dan bertindak sa-chara yang 'adil.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keadaan monopoli berlaku di-dalam perusahaan surat khabar bahasa Inggeris. Surat khabar ia-lah kuasa yang keempat, dalam bahasa Inggeris ia-lah fourth estate. Di-dalam sa-suatu negeri surat khabar boleh membentokkan fikiran ra'ayat dan menggulingkan Kerajaan. Surat khabar boleh membayangkan fikiran ra'ayat dan Kerajaan atau pun berpura² merupakan fikiran ra'ayat dan Kerajaan. Surat

khobar boleh memburok atau memperbaikki image sa-saorang atau sa-buah negara.

Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang keempat ini ia-lah kuasa yang besar. Tuan Yang di-Pertua, kuasa yang besar saperti ini boleh menimbulkan korupsi. Di-dalam bahasa Inggeris di-katakan "Power Corrupt". Kalau-lah kuasa yang sa-bagini besar di-pegang oleh sa-bilangan kecil orang pendorongan nafsu untuk menggunakan kuasa ini untuk kepentingan diri sendiri amatlah kuat. Kalau di-biarkan dengan tidak di-tegor atau di-sekat, maka sudah tentu nafsu dan kepentingan diri sendiri akan mengurus dan mengarah kuasa besar ini.

Di-negara kita, Straits Times Press boleh di-katakan memegang monopoli dalam perusahaan surat khabar bahasa Inggeris. Surat khabar harianya ada circulation sa-banyak 150,000 naskhah sa-hari ia-itu hampir lebeh besar daripada jumlah lain² surat khabar bahasa bukan Inggeris. Akhbar petang dan mingguan keluaran Straits Times juga ratusan ribu naskhah. Sa-lain daripada ini, Federal Publication sa-bahagian daripada Straits Times Press telah membolot boleh di-katakan semua majallah² yang masuk daripada luar negeri. Dari itu tidaklah shak lagi yang Straits Times Press ini menjadi sa-benar-nya kuasa yang keempat di-dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Straits Times Press ini ia-lah public company dan terta'alok kapada undang² company di-Malaysia, tetapi yang sa-benar-nya kuasa dalam Straits Times Press ini di-milik oleh sa-bilangan kecil sahaja daripada pemegang² saham, yang lebeh bermaana pula ia-lah orang yang sedikit ini bukan warga negara Malaysia, tetapi orang dari luar negeri. Orang² ini-lah yang membuat polisi² Straits Times Press dan memilih kaki-tangan-nya. Tuan Yang di-Pertua, orang² ini pandai dan chekap. Mereka memang berusaha supaya surat khabar mereka berupa sa-olah² satu surat khabar national. Nama pengarang² dan correspondent mereka selalu-lah nama orang² Malaysia tetapi saya tahu

banyak daripada kaki-tangan yang berkuasa di-dalam sharikat ini ia-lah orang yang bukan warga negara. Mereka ia-lah yang menjaga dengan sa-chara tidak langsung supaya polisi pemegangan² saham yang bukan warga negara di-laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun ada masa yang kaki-tangan yang terdiri daripada anak negeri tidak berpuas hati dengan polisi, mereka ini tidak dapat membuat apa². Ini ia-lah oleh sebab mereka takut di-buang kerja dan tidak ada lain sharikat yang boleh menerima mereka. Walau pun gaji mereka ini tidak cukup mereka tidak dapat juga mengambil apa² tindakan. Tuan Yang di-Pertua, keadaan yang sa-macam ini memang tidak sehat.

Kuasa yang keempat di-dalam satu negara tidak patut di-pegang oleh bangsa asing. Kalau pula bangsa ini ada monopoli dalam kuasa itu, ini akan merugikan negara kita lebeh² lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengshorkan kapada Kerajaan supaya monopoli Straits Times Press ini di-pechahkan dengan apa jalan sa-kali pun dan bukan sahaja monopoli patut di-pechahkan di-dalam perusahaan surat khabar, orang² yang bukan warga negara tidak boleh di-biarkan sama sa-kali berchampur tangan. Ini bukan perniagaan biasa, ini kuasa politik yang besar. Bagaimana juga orang yang bukan warga negara tidak di-benarkan champor tangan di-dalam politik negeri bagitu juga-lah usaha surat khabar yang menjadi kuasa politik yang keempat di-dalam sa-suatu negara tidak boleh di-champur tangan oleh orang yang bukan warga negara (*Tepok*).

Mr Deputy Speaker: Panjang lagi!

Dr Mahathir bin Mohamed: Panjang.

Mr Deputy Speaker: Masa sudah cukup.

ADJOURNMENT

Tun Abdul Razak: Sir, I beg to move that this House do now adjourn.

Tan Sri V. T. Sambanthan: Sir, I beg to second the motion.

ADJOURNMENT SPEECHES

I. Direct elections to Federal Parliament and Legislative Assembly, State of Sabah

Tuan C. J. O. Majakil (Sabah): Mr Speaker, Sir, according to the Malaysia Act, it is provided that Sabah's representatives to Parliament and the State Assembly shall be indirectly elected until August, 1968. It is also provided that by the order of His Majesty the Yang di-Pertuan Agong and with the concurrence of the Yang di-Pertuan Negara, Sabah, direct elections in Sabah could be held earlier than August, 1968.

The State Legislative Assembly, Sabah, unanimously decided on 22nd December, 1964, to hold direct elections earlier than August, 1968. In fact, the Local Government elections which were due to be held in March 1966 was postponed to March 1967 and the reason given was to give priority to the holding of direct elections in 1966. The people of Sabah are anxious to elect directly their representatives to Federal Parliament and to the State Legislative Assembly. The Assemblymen in Sabah were convinced of the clear wishes of the people to have direct elections; otherwise they would never have unanimously decided that direct elections should be held in 1966. The troubles, of course, were over the delimitation of Parliamentary and State constituencies and the preparation of the electoral rolls and that was why direct elections could not therefore be held earlier. Mr Speaker, Sir, the de-limitation of Parliamentary and State constituencies in Sabah have already been completed. The registration of the voters was completed yesterday. The electoral rolls should be ready in no time. There should be no more obstacles, technically or otherwise, for the Central and for the State Governments to set now a date for the long-awaited direct elections in Sabah. There should be no more excuse if we do not want to keep on disappointing the people of Sabah by holding back the promises that the direct elections will be held soon.

Mr Speaker, Sir, having 30 years experience with the weather in Sabah, I humbly suggest that if the long-awaited direct elections in Sabah is to be held within this year then it should be held either in September or October. This, Sir, is to avoid the heavy rain that usually falls in Sabah between November and early February. If the date of the direct election in Sabah cannot be fixed for September, then it should be fixed now to be held in February, 1967 at the latest and before the Local Government election is held. I say this, Sir, because communications in Sabah are still very much undeveloped. The vast majority of the rural population travel up hills and down hills and across and long rivers and streams and if there is heavy rain for a considerable length of time, as we have in Sabah, it is very difficult to travel in the kampongs and the rivers and streams because there would be terrible flooding.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I on behalf of the peoples of Sabah whom I met and who have asked me to air their opinion in this Honourable House, make this humble plea to the Central Government not to ignore the wishes of the people but to show them that the Central and State Governments are sincere to the promises which they made. Thank you, Sir.

Tun Haji Abdul Razak: Mr Speaker, Sir, in replying to the Honourable Member, I like to assure him that the Malaysian Government is as anxious as the Honourable Member and also the peoples of Sabah that direct elections to the State Assembly of Sabah and to the Federal Parliament in respect of the 16 Parliamentary seats be held as soon as possible. It is the intention of the Central Government that direct elections should be held in Sabah as soon as possible. However, as the Honourable Member is aware, registration of the electors in Sabah commenced on the 1st May, 1966 and ended on the 14th June, 1966. With the maximum possible speed, draft rolls can only be displayed in Sabah for the purpose of claims and objections on 1st September, 1966.

The rolls will have to be displayed over a statutory period of 28 days.

Now giving allowances for other statutory requirements, claims and objections can only be settled by the 23rd of October, 1966 and the rolls certified on the 24th October, 1966. It is quite impossible to dispense with these statutory requirements as they are the rights of the people who are the prospective voters in the coming elections. Now with the certification of the rolls on the 24th October, nominations and polling can be held in Sabah at the earliest in late November or early December, 1966 respectively.

As the Honourable Member himself has said in his speech that there is heavy rainfall between November and early February it would appear therefore that the elections cannot be held in December. The Honourable Member has further suggested that the elections should be held in February, 1967 at the earliest. Well, Sir, as far as the Central Government is concerned, this date is agreeable but I am advised that weather conditions in Sabah are still not good in February and that it would be better to have the elections in early March, and it is I think, the present intention that the elections should be held round about early March.

II. The Mental Hospital, Tampoi

Dr Tan Chee Khoo: Mr Speaker, Sir, this evening I wish to bring to the attention of this House and more particularly to the notice of the Honourable Minister of Health the trials and tribulations of the Mental Hospital, Tampoi.

I note that the Member for Kuala Kangsar on 9th December, 1964, had made an Adjournment Speech on PENDERITAAN ORANG² YANG SAKIT OTAK. I wish to associate myself with all that has been said by the Honourable Member for Kuala Kangsar.

Before the war there was a picture "Snake Pit" depicting the horrors of a mental assylum. Since World War II however most governments are more enlightened and such horrors do not

exist now. Nevertheless if one walks through the Mental Hospital, Tampoi, as I have done, one very soon comes to the conclusion that while much has been done to relieve the patients of their suffering much still remains to be done.

Thus in the occupational therapy section there is a woeful shortage of sewing machines. I do hope that the Minister of Health will look into this matter and provide the hospital with a few more sewing machines so that the patients can have a chance to learn sewing.

Then if one walks through the wards, one will see that on one side of some of the wards there are still no windows, a grim reminder of the past. It will not cost the Government much to provide windows for these wards so as to make life more bearable for these unfortunate patients and I commend this to the Minister of Health. There is also a shortage of materials in the art section. This provides a very useful form of occupational therapy and could do with more funds for expansion. The same could also be said of the beauty parlour provided by the hospital. With more funds these facilities could be increased so that more patients can take part in this form of occupational therapy.

I gather that the beggarly and pitiable sum of \$100,000 has been allocated under the First Malaysian Five-Year Plan for this hospital. This sum I gather is a carry over from the Second Malaysia Five-Year Plan. The staff had all the plans for expansion ready, but the execution had been held up by tardiness on the part of the Ministry officials, and now the hospital has only \$100,000 for much needed expansion. What, may I ask the Minister of Health, can the staff do with this paltry sum of \$100,000 for expansion? I hope the Minister will give this matter his personal attention.

Then there is the perennial question of the shortage of staff. For a hospital of more than 2,000 patients this hospital is woefully under-staffed. At almost every session of this House I

have always asked the Minister to send more young doctors abroad to be trained in the less fashionable specialities, in particularly psychiatry. Unfortunately, I regret to say that very little has been done in this direction and tonight I appeal once again to the Honourable Minister of Health to send more young doctors abroad to study psychiatry.

The specialist medical officer Dr Tan Eng Seong has left Tampoi and has just joined the University of Malaya. The Hospital is now without a medical officer with the D.P.M. This is incomprehensible as there is a medical officer with the D.P.M., namely Dr S. M. Haq, who is in charge of a 34-bed mental unit at the General Hospital, Penang. This is one example of the muddled thinking in the Ministry of Health. Are Dr Haq's services more needed for the care of 34 patients at Penang, or can he be more usefully and gainfully employed to look after 2,000 patients at Tampoi? The answer is simple—his services are more needed at Tampoi and I ask the Minister of Health to send him to Tampoi without further delay.

While on the question of staff shortage, I gather that two of the young doctors at Tampoi have been asked to report for medical examination for National Service. Again this is difficult to understand. The Minister knows fully well that it is very difficult to get young doctors to work in such institutions. Surely when young doctors are not only willing but eager to work in such institutions the Minister should do nothing to hinder their work. If medical officers are needed in the army, then I suggest that they can be called from other hospitals but not from Tampoi. In any case, since we are told that confrontation is coming to an end surely the medical manpower could be put to more urgent medical needs.

While we are on the question of shortage of staff it is shocking to learn that there are 25 male wards, but there are only 15 trained male staff on the establishment. Of these, 4 are used for administrative work and if you deduct the leave reserve, the effective strength

of hospital assistants is 9 per day for 25 wards.

This is a shocking state of affairs and one that calls for immediate action on the part of the Minister. He should send more young men either to Woodbridge in Singapore or further abroad, for training in psychiatric nursing.

Unless more staff are trained there is no point in inviting WHO experts to come to this country to advise us on mental health. *En passant* what has happened to the report of the WHO expert that the Minister talked about in December, 1964 when he replied to the speech made by the Member for Kuala Kangsar? The answer is that precious little has been done. There is an urgent need to set up a Mental Health Service and I commend it to the Minister.

In conclusion, Mr Speaker, Sir, I wish to pay a tribute to the unstinting work done by all categories of staff at the Mental Hospital, Tampoi. Their work has been well depicted in the film made by the Malaysian Film Unit entitled "Corridors of Faith". This film has been screened at our theatres recently and I wonder if the Minister of Health has seen it. If he hasn't, then perhaps he should arrange for a special screening of this film not only for himself but for those M.Ps who have not seen it.

Give our doctors and other ancillary staff the money and the tools and they will be equal to the noble task of attending to the healing of our mentally ill patients.

Tuan Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, betulkan saya kalau silap. Saya nampak quoram ta' chukup Menteri kita na' jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Kalau beri ucapan penanggohan rasa saya ta' apa-lah.

The Minister of Health (Tuan Bahaman bin Samsudin): Mr Speaker, Sir, I would like to reply briefly to the speech of my Honourable friend for Batu. He has stated that much has been done to relieve the sufferings of

the patients at the Mental Hospital, Tampoi and I would like to join him in his tribute to the good work done by all categories of staff of that hospital. I have seen the film "Corridors of Faith". It is a very good film. This was done on the initiative of my Ministry.

The Tampoi Mental Hospital has shown great improvement in every direction during the last ten years, but of course I agree with him much remains to be done. I am as anxious, or more anxious than the Honourable Member, in further improving the situation not only at Tampoi Hospital but in all other services as well. I am sure the Honourable Member is aware that the question is primarily of funds and staffing. Our development is hampered by the diversion of funds for defence purposes due to confrontation. I can assure the Honourable Member that improvements to the Tampoi Mental Hospital will be considered together with other projects as soon as funds are available.

Coming to some of the specific questions raised by the Honourable Member, on the question of staff the Psychiatrist at Tampoi has now left to join the University and a replacement from Penang will be sent to take his place. The shortage of Psychiatrists is real and medical officers are not keen

to pursue further post-graduate studies abroad in this particular field. Perhaps it is because it is a less fashionable speciality as the Honourable Member put it. In the meantime, short courses for medical officers at the mental institutions have been organised and since 1964 not less than twelve medical officers have taken advantage of this training. Scholarships are still available for those who wish to pursue further studies in this field. This Ministry is aware of the need of a mental health service. The training of male staff for mental institutions is now being processed. WHO experts have come to this country and made short-term and long-term recommendations. These recommendations have been accepted and will be implemented gradually as funds become available.

With regard to the question of sewing machines, it is considered that the number of sewing machines is adequate for the present use of the patients in therapy. With regard to the windows mentioned by the Honourable Member, the Ministry had in 1964 provided windows for at least five wards and more will be provided when funds are available—as I said, I stress when funds are available. Thank you.

Question put, and agreed.

Adjourned at 6.55 p.m.

WRITTEN ANSWERS TO QUESTIONS

MINISTRY OF AGRICULTURE AND CO-OPERATIVES

FAMA

1. Tuan Haji Ahmad bin Abdullah bertanya kepada Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama :

- (a) ada-kah menjadi tujuan² FAMA hendak menghapuskan orang² tengah (middlemen) yang telah menyebabkan kemiskinan ra'ayat jelata di-kampong² atau pun FAMA akan bekerjasama dengan orang² tengah;
- (b) ada-kah benar getah dan tembakau akan di-masokkan dalam senarai barang² yang akan di-pasarkan oleh FAMA; dan
- (c) bila-kah FAMA akan mula ber-jalan.

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi):

- (a) Dasar Kerajaan Perikatan ia-lah hendak menggalakkan perusaha-an bebas dan oleh kerana itu FAMA tidak sa-kali² berniat menghapuskan orang² tengah. Tetapi FAMA akan menjadi sa-bagai suatu panduan bagi merancang sekim², membaiki pemasaran supaya dapat di-adakan kemudahan² yang chukup dan patut bagi pemasaran hasil² pertanian dengan chekap, dan bagi menetapkan harga² hasil pertanian tersebut, untuk men-jamin pengeluar² hasil dari luar bandar supaya mendapat harga yang 'adil.
- (b) Hasil² pertanian termasuk juga getah dan tembakau.
- (c) FAMA telah di-tubuhkan mulaī daripada 1hb Oktober, 1965 dan telah mula bergerak sejak dari-pada tarikh itu.

Fish

2. Tuan C. V. Devan Nair asks the Minister of Agriculture and Co-

operatives to give (a) the annual quantity and value of fish imported into the country for internal consumption since Merdeka; (b) the annual quantity and value of fish locally landed since Merdeka; and (c) the annual quantity and value of fish consumed locally since Merdeka.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi:

- (a) The annual quantity and value of fish imported into the country for internal consumption since Mer-deka :

Year	Quantity	Value \$M
1958	13,702.54 tons	13,598,467
1959	15,326.06 „	15,217,776
1960	24,633.27 „	27,545,685
1961	23,750.51 „	28,501,935
1962	24,561.43 „	29,962,152
1963	26,406.55 „	30,786,491
1964	29,554.31 „	31,782,124
1965	31,749.00 „	30,393,327

- (b) The annual quantity and value of fish locally landed since Mer-deka :

Year	Quantity	Value \$M
1958	112,104 tons	110,098,711
1959	118,622 „	106,191,270
1960	139,469 „	118,053,361
1961	150,650 „	133,868,862
1962	170,207 „	154,348,608
1963	183,636 „	157,008,760
1964	192,158 „	163,428,172
1965	198,377 „	173,785,211

- (c) The annual quantity and value of fish consumed locally since Mer-deka :

Year	Quantity	Value \$M
1958	102,238.92 tons	110,758,751
1959	103,676.26 „	106,247,533
1960	133,124.87 „	128,966,739
1961	144,157.91 „	146,525,151
1962	164,205.03 „	167,535,434
1963	175,892.02 „	168,751,185
1964	176,397.66 „	166,035,124
1965	175,553.00 „	169,303,481

Tenant Farmers

3. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister for Agriculture and Co-operatives if he is aware that the tenant farmers who work more than half of Malaya's rice land are at the mercy of their absentee landlords, and if so, what steps he has taken to see that these tenant farmers have a better deal.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: Yes. Action is being taken to amend certain provisions of the Padi Cultivators (Control of Rent and Security of Tenure) Ordinance, 1955, in order to protect the interests of all tenant farmers. These amendments will be brought to this House when ready.

Coconut Rehabilitation Scheme

4. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister for Agriculture and Co-operatives the reason for the poor response for the coconut rehabilitation scheme in Kelantan the steps the Government has taken to persuade the small-holders to replant and whether he is aware that in other States, e.g., Kedah, there are small-holders who want to replant but are unable to get a grant.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: The response for coconut rehabilitation and replanting in Kelantan has not been poor. But many small-holders have not been able to participate because of the difficulty of ascertaining the true identity of ownership as land office records in Kelantan are not up-to-date. To persuade small-holders to participate in the scheme a special house-to-house campaign is being carried out by the field staff of the Department of Agriculture. The coconut rehabilitation and replanting scheme was extended to Province Wellesley and Selangor this year. Further extension will be considered in due course.

Inshore Fishermen and Trawler Operators

5. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister for Agriculture and Co-operatives to state if he is aware that

trouble has broken out again between inshore fishermen and trawler operators and what steps have been taken to protect the inshore fishermen from competition from trawlers, e.g., by modernizing their methods.

Tuan Haji Mohd. Ghazali bin Haji Jawi: The recent trouble was between inshore fishermen and illegal trawlers. Trawling is prohibited in water of less 12 miles from the coast or of less than 15 fathoms deep, whichever is the further, and within 1 mile of any stationary fishing gears. With the help of the Royal Malaysian Police patrolling of inshore waters has since been intensified. It has always been the policy of the Government to encourage all fishermen to modernise their methods. But as it is true with all adjustment some of our fishermen are slow in adopting new methods.

MINISTRY OF DEFENCE

Pulau Tioman

6. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Defence if it is true that roads and a runway are being built at Pulau Tioman, and if so, to state what is the reason for this expenditure of public funds, seeing that Pulau Tioman is unsafe for air travel during the months of the North-East Monsoon.

The Minister of Defence (Tun Haji Abdul Razak): The construction of the runway and the building of roads were undertaken by an Engineer Unit of the Armed Forces. This task was undertaken as a training exercise.

The only expenditure incurred were for materials used which could not be obtained locally, and to the British Navy for transporting materials and personnel to the island by Landing Ship Tank. However, this expenditure is considered to be offset by the training and experience gained in the field by personnel of the Engineer Unit.

The airstrip is necessary for the security of the area and for the supply of food if in cases of emergency should

it arise in the monsoon season and is also desired for medical evacuation of urgent medical cases. The road is also important and beneficial to the people of the area as this is the only means of getting across the island.

The airstrip is used weekly by Single Engine Pioneers of the RMAF supplying rations, etc., to a detachment stationed on the island. This service has been maintained for the past 18 months and to date no difficulty in respect of air travel during the months of the North-East Monsoon have been encountered.

Loss of Government Money

7. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Defence if it is true that \$43,000 was stolen from the Army Paymaster's Office at the Ministry for Defence in Gurney Road in December, 1965, if so, whether the thieves have been apprehended; whether there was any negligence on the part of the officers concerned, and if so, whether disciplinary action has been taken against them.

Tun Haji Abdul Razak: It is true that \$43,000 was stolen from the Army Paymaster's Office at the Ministry for Defence in Gurney Road during the month of December, 1965. The officer concerned has been charged with negligence and is awaiting trial by Court Martial. The thieves have not yet been apprehended.

8. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Defence if it is true that the April payroll of the Federation Military College in Sungei Besi amounting to \$94,000 has been embezzled, and if so, whether the culprit has been brought to book.

Tun Haji Abdul Razak: It is true that a sum of \$94,000 has been lost from the Federation Military College Pay Office during the month of April. The Paymaster responsible has been placed under close arrest pending completion of police investigation. Appropriate

action, either Court Martial or criminal will be taken against him.

Malayan Navy Reserve Unit

9. Dr Tan Chee Khoon asks the Minister of Defence if there is a Reserve Unit of the Malayan Navy at Gurney Road under the name of "Klang", whether it is true that most of the officers are British Commercial houses employees, and that this unit has just recruited a clerical staff on secondment from the British Navy, and if so, to state what is the justification for this recruitment when there are clerks galore in the labour market.

38. Oleh kerana maseh ada kakitangan Kerajaan yang bukan Melayu yang belum boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam menjalankan kerja² resmi mereka, maka Kerajaan telah memutuskan hendak mengadakan kelas² Bahasa Kebangsaan di-Kementerian² dan Jabatan² dalam masa bekerja. Kelas² itu diadakan daripada jam 4 petang sa-hingga 5 petang, 2 kali sa-minggu supaya sedikit sahaja masa bekerja di-gunakan. Bayaran tidak di-kenakan untuk memasoki kelas² itu dan elaun guru²-nya di-bayar oleh Kerajaan. Ada-lah di-harapkan bahawa dengan ada-nya kemudahan ini semua kakitangan Kerajaan akan boleh menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam menjalankan kerja² resmi mereka apabila Kerajaan memutuskan hendak menjadikan Bahasa Melayu sa-bagai bahasa resmi yang tunggal dalam tahun 1967.

TUNTUTAN KAKITANGAN

39. Semua tuntutan daripada Pihak Pekerja untuk perubahan gaji yang di-terima sa-belum 1hb Januari, 1963 telah di-selesaikan dan tuntutan² yang di-terima pada atau sa-lepas tarikh itu sedang di-timbangkan oleh Surohanjaya Khas Gaji. Sementara menunggu pengkajian gaji² kakitangan perkhidmatan 'awam oleh Surohanjaya Khas Gaji itu dan supaya mengurangkan kesusahan pegawai² dalam kumpulan pendapatan rendah, Kerajaan telah meluluskan elaun khas sa-banyak 5 peratus daripada gaji pokok dengan syarat tambahan itu tidak kurang daripada \$12.50 sa-bulan kepada kakitangan Bahagian IV dan Kumpulan Pekerja Perusahaan dan Buroh Kasar mula² daripada 1hb Januari, 1965.

PERTUKARAN PEGAWAI² ANTARA NEGERI² BORNEO DENGAN NEGERI² TANAH MELAYU

40. Satu sekim bagi menukar pegawai² pentadbir antara Negeri² Borneo dengan Negeri² Tanah Melayu telah di-susun dan di-laksanakan. Di-bawah sekim ini pegawai² daripada sa-sabua negeri di-tukarkan dengan pegawai² di-negeri yang lain untuk memenohi jawatan² di-daerah² supaya mereka dapat mengalami sendiri akan keadaan dan masaal² yang terdapat di-daerah itu dan dengan yang demikian dapat menghargai tugas² mengembangkan pandangan sa-bagai orang Malaysia. Pegawai² daripada Negeri² Tanah Melayu ada-lah juga di-hantar ka-Negeri² Borneo untuk memegang jawatan² apabila tidak ada pegawai² tempatan yang sesuai kelayakan dan pengalaman-nya untuk memegang jawatan² itu.

Ranchangan ini ia-lah satu langkah sementara sahaja ia-itu hingga sampai masa pegawai² tempatan di-Negeri² Borneo boleh mengambil alih daripada pegawai² dari Negeri² Tanah Melayu itu. Ada juga pegawai² Negeri² Sabah dan Sarawak di-hantar ka-Negeri² Tanah Melayu untuk mendapat latehan dan pengalaman yang mustahak.

PERANGKAAN

41. Dalam tahun 1965 Jabatan Perangkaan telah melaksanakan beberapa tugas perangkaan baharu. Satu daripada kejayaan² yang besar dalam tahun itu ia-lah melaksanakan Banchi Perusahaan Membuat Barang² yang meliputi lebeh kurang 14,000 buah perusahaan. Kerja membanchi ini di-jalankan bersama² dengan Ranchangan Membanchi Perusahaan Seluroh Dunia. Satu penyata mengenai Banchi Perusahaan Membuat Barang² mengandongi ma'alumat² berkenaan dengan bentok ekonomi pembuat barang² yang sangat-lah berguna bagi usaha membuat dasar² pembangunan perusahaan.

42. Dengan bantuan sa-orang pakar Bangsa² Bersatu kerja menyiasat padi telah siap di-jalankan bersama² dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama bagi musim 1964/65. Penyiasatan ini mengandongi anggaran pengeluaran padi yang tepat dan sangat² di-kehendaki. Di-bawah arahan pakar itu juga satu Penyiasatan Tenaga Ra'ayat untuk mengetahui kekuatan tenaga ra'ayat negara dan membuat anggaran mengenai kehendak²-nya di-masa hadapan telah juga di-laksanakan dengan jaya-nya. Keputusan penyiasatan itu telah di-serahkan kepada Bahagian Peranchangan Ekonomi bagi maksud membuat deraf Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

43. Jabatan ini sangat kekurangan kakitangan yang terlatah di-Sabah dan Sarawak. Walau pun kekurangan kakitangan, Jabatan ini, sa-bagai satu usaha memberi khidmat perangkaan kepada Negeri² Borneo itu, telah mengeluarkan satu bulletin perangkaan tahunan bagi tiap² satu wilayah Borneo itu dan juga satu bagi Malaysia seluroh-nya. Usaha mengumpul dan menerbitkan bulletin perangkaan tersebut boleh-lah di-anggap sa-bagai langkah permulaan dalam penyatuan perangkaan seluroh Malaysia.

44. Ada-lah sa-makin nyata kelihatan bahawa oleh kerana banyak-nya kerja² yang di-jalankan maka mesin² kad bertebok (Punch Card) itu tiada sesuai lagi. Oleh yang demikian kebenaran telah di-dapati bagi membeli satu komputer elektronik. Tawaran² telah di-minta dan taksiran² di-buat dan satu penyata yang lengkap telah di-hantar ka-Perbendaharaan sa-lepas Lembaga Tawaran itu mengadakan meshuarat-nya.

45. Satu daripada langkah² kemajuan yang utama ia-lah penubuhan satu seminar latehan yang di-adakan untuk ahli² perangkaan Jabatan ini dengan kerjasama Surohanjaya Ekonomi Bangsa² Bersatu bagi Asia dan Timor Jauh. Seminar itu telah berjalan dengan baik-nya kerana ECAFE telah mengambil perhatian yang berat mengenai-nya. Keperluan mengadakan ranchangan latehan saperti itu telah lama di-rasai terutama sa-kali bagi membaiki keadaan yang di-hadapi oleh Jabatan ini beberapa tahun lama-nya, ia-itu: ia tiada dapat hendak melepaskan ahli² perangkaan-nya pergi mengambil kursus di-sabatang laut kerana Jabatan ini sangat kekurangan kakitangan. Dalam masa seminar itu di-adakan ahli² perangkaan itu telah berpeluang menyertai perbahathan dan cheramah yang di-beri oleh pakar² dari badan² yang terkenal saperti ECAFE, ILO, WHO dan sa-bagai-nya.

46. Jabatan Perangkaan telah di-peruntukkan dengan wang sa-banyak \$6 juta di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi menjalankan beberapa tugas perangkaan. Tugas² ini antara lain ia-lah membanchi penduduk² sa-lepas sepuluh tahun dan pertanian yang di-jadual akan di-jalankan dalam tahun 1970.

47. Jabatan ini bermaksud untuk menjalankan penyiasatan untuk mendapatkan ma'lumat di-atas pandangan² dan kebiasaan terhadap ranchangan keluarga. Ranchangan ini akan di-anjorkan dengan kerjasama sa-kumpulan pakar² Yayasan Ford. Kerajaan baharu² ini telah mempersetujui bagi mengadakan Lembaga Peranchang Keluarga.

48. Dalam bulan Jun tahun ini, Jabatan ini akan melancharkan penyiasatan penganggoran dan pekerjaan tahunan yang meliputi lima bandar² besar di-dalam Negeri ini. Kerja permulaan berkenaan dengan menjalankan penyiasatan penganggoran dan pekerjaan yang luas yang akan di-jalankan pada tahun 1967 akan di-anjorkan pada tahun ini. Jabatan ini juga meranchang untuk menjalankan penyiasatan kegunaan tanah bagi Negeri² Tanah Melayu yang telah di-chadangkan pada tahun 1966.

49. Jabatan ini akan juga mendapat sa-buah komputer elektronik pada penghujung tahun ini. Pegawai² akan di-hantarkan ka-luar negeri untuk latehan sa-bagai penyiasatan sistem dan pengelola² ranchangan.

50. Bantuan² Penasihat Ranchangan Colombo di-atas Pembahagian Perangkaan telah di-berikan kepada Jabatan ini melalui kerjasama Kerajaan Australia. Hingga sekarang belum ada di-jalankan kerja pengumpulan perangkaan di-dalam bidang yang tidak kurang mustahak-nya, ia-itu bidang perniagaan "distributive". Kekurangan ma'lumat² yang tertentu di-bidang ini, menambahkan lagi masalah² kira² negara dan menyekat berbagai² hal berkenaan dengan penyiasatan ekonomi. Bagi membaiki keadaan ini persediaan akan di-buat bagi mengadakan penyiasatan pada awal dalam tahun 1967.

ARKIB NEGARA

51. Rang Undang² Arkib Negara, apabila di-jadikan undang², akan memberi kuasa undang² kepada tugas² Arkib Negara Malaysia, saperti yang terdapat di-lain² negeri yang merdeka dan maju, telah di-peredarkan ka-semua Kerajaan² Negeri dan pendapat² mereka telah pun di-terima. Langkah² sedang di-ambil sekarang untuk membentangkan rang undang² ini dalam Parlimen dengan sa-chepat mungkin.

52. Satu kemajuan yang besar bagi Arkib Negara ia-lah pembenaan bangunan baharu, Pusat Urusan Rekod di-Petaling Jaya yang telah siap pada akhir tahun yang lalu. Pusat ini sekarang sedang berjalan dengan pesat-nya dan telah memberi Arkib Negara satu pusat simpanan rekod yang chukup lengkap dengan alat² dan perkakas² yang di-perbekalkan khas untuk urusan-nya. Rekod² Kerajaan yang tidak di-gunakan lagi ada-lah di-pindahkan ka-bangunan ini untuk di-simpan hingga di-beri keputusan atas rekod² yang mana yang patut di-simpan buat selama²-nya sa-bagai arkib dan baki-nya di-musnahkan sa-bagai rekod² yang tidak mempunyai nilai yang berkekalan. Bangunan yang memakan belanja \$373,000 ini di-lengkapi dengan rak² menyimpan rekod yang moden yang boleh di-gerakkan dengan kuasa letrik. Rak² rekod ini boleh menyimpan rekod² sa-banyak 15,000 kaki panjang-nya.

53. Satu lagi kemajuan yang besar bagi Arkib Negara ia-lah berkaitan dengan Undang² Pemeliharaan Buku² yang baharu sahaja di-luluskan. Undang² ini mempunyai dua tujuan ia-itu memperluaskan pemakaian undang² yang lama, yang di-bentok sa-belum Merdeka dalam tahun 1950 dahulu, untuk menguasai seluroh Malaysia, dan juga meminda undang² lama itu dengan jalan membetulkan peruntukan² yang sudah tidak sesuai bagi faedah negara. Buku² dan lain² penerbitan akan terus di-terima saperti biasa oleh Arkib Negara di-bawah undang² ini bagi sementara waktu sa-hingga tertuboh-nya Perpustakaan Negara di-Ibu Kota Malaysia.

54. Pada bulan Februari yang lalu Kerajaan telah melantek suatu Jawatan-kuasa untuk menasihati dan membuat rancangan bagi mendirikan Perpustakaan Negara tersebut dan Jawatan-kuasa ini di-jangka akan mengambil langkah² yang penting dalam urusan-nya. Sa-bagai permulaan Arkib Negara telah mengadakan tempat dan kemudahan² bagi menyelenggarakan pekerjaan Perpustakaan Negara itu.

55. Dalam tahun 1965 Pejabat² Kerajaan dan penyelidek² sejarah telah lebeh banyak menggunakan kemudahan² yang di-sediakan di-Arkib Negara. 26 Pejabat² Kerajaan perengkat Persekutuan dan Negeri telah memindahkan rekod² mereka yang tidak di-pakai lagi, dan rekod² daripada tahun 1910 ka-atas, berjumlah sa-banyak 215 kaki, yang di-pindahkan dari Negeri Kelantan ada-lah di-anggap sa-bagai satu pemindahan yang sangat penting dalam tahun itu. Penyelidek² sa-ramai 789 orang yang datang bukan sahaja dari negeri² di-Malaysia tetapi juga dari luar negeri telah mengunjongi Arkib Negara untuk menyelideki arkib² simpanan-nya. Bilangan ini menunjukkan tambahan 99 orang kepada angka bagi tahun 1964 dan bilangan ini di-jangka akan bertambah lagi pada tahun 1966 apabila kemudahan² yang ada sekarang ini bertambah baik dan bahan² penyelidikan pun bertambah banyak bilangan-nya.

KEMENTERIAN BUROH

56. Kerajaan akan terus mengambil berat akan dasar-nya hendak mengusahakan kebijakan pekerja² sa-bagai satu langkah yang sangat mustahak untuk kemajuan ekonomi dan sosial negara di-dalam suasana yang tetap, perchaya-memperchayai dan bekerjasama.

57. Peratoran² Yang Mustahak (Essential Regulations) berkenaan dengan pertikaian antara majikan dengan pekerja², sunggoh pun tidak sepenoh-nya memuaskan kepada sa-tengah² kesatuan sekerja dan juga majikan, tetapi dengan-nya telah dapat di-selesaikan sa-tengah² pertikaian yang sukar hendak di-selesaikan yang berlaku di-dalam bahagian ekonomi yang penting dengan tiada mengambil tindakan perusahaan yang merosakkan. Sunggoh pun pada mula-nya Peratoran ini telah menimbulkan shak wasangka pada awal tahun 1965, tetapi kesatuan² sekerja dan majikan² pada 'am-nya telah menerima chara menjalankan dasar ini.

58. Mahkamah Perusahaan Orang tengah telah membicharakan 11 pertikaian yang di-rujokkan kepada-nya dan 4 pertikaian yang telah di-adukan kepada Menteri di-bawah Peratoran² ini, telah pun di-selesaikan sa-chara perdamaian pada tahun 1965.

59. Ada tanda² menunjukkan bahawa kesatuan² sekerja dan majikan sa-makin yakin dan sanggup menggunakan kemudahan² untuk menyelesaikan pertikaian dengan sa-chara sukarela yang di-adakan di-bawah Undang² Mahkamah Perusahaan, Tahun 1948. Dengan bertambah-nya kesatuan sekerja dan perkembangan-nya gerakan kesatuan sekerja maka tanda² ini sangat-lah memuaskan.

60. Pada penggal Perlimen yang sudah beberapa undang² yang mustahak berkenaan dengan buroh telah di-luluskan, saperti Undang² Pekerja Pelabohan (Peratoran Pekerjaan) Tahun 1965, Undang² Pekerja (Sa-rendah² Darjah Perumahan), Undang² Kanak² dan Orang² Muda dan pindaan² kepada Undang² Kesatuan Sekerja, 1959, dan Undang² Mahkamah Perusahaan, 1948.

61. Kerajaan berchadang hendak mengadakan dalam masa penggal Parlimen ini beberapa undang² yang penting dan langkah² lain. Dalam hal ini Kerajaan akan sa-makin banyak memberi perhatian kepada keadaan di-Negeri² Borneo.

Rundingan telah pun mula di-jalankan untuk mengadakan Undang² Perburohan yang sama bagi semua Negeri² dalam Malaysia dan satu chara yang terator untuk menghantar pekerja² yang mahir dan tidak mahir ka-Negeri² Borneo yang sedang kekurangan pekerja² akan di-jalankan tidak berapa lama lagi.

62. Undang² Buroh di-Negeri² Tanah Melayu pun akan di-kaji dan di-semak sa-mula. Pindaan² yang mustahak akan di-buat kapada undang² berkenaan dengan kesihatan dan keselamatan di-dalam kilang², kemalangan sa-masa bekerja dan sharat² pekerjaan.

63. Kerajaan sedar betapa perlu-nya masalaah² pekerjaan dan latehan di-uruskan dengan terator. Oleh hal yang demikian, tiada beberapa lama lagi Kerajaan akan mengadakan sa-buah jabatan baharu ia-itu Jabatan Pekerjaan dan Latehan, sa-bagaimana yang di-chadangkan dalam Rancangan Malaysia Yang Pertama. Dengan bantuan daripada negeri² asing, terutama-nya daripada Pertubohan Buroh Antarabangsa, ia-itu tentang kakitangan dan membuat ranchangan maka Pejabat ini akan dapat menguruskan tiga perkara yang berkait²an ia-itu penerangan dan penyelidekan berkenaan dengan pekerjaan, latehan dan perkara mencharikan pekerjaan untuk orang² negeri ini. Pusat² latehan yang baharu akan di-buka dan dalam pada itu juga ranchangan² latehan akan di-perbanyakkan lagi.

64. Dalam perkara Kesejahteraan Sosial (Social Security) Kerajaan berharap hendak mengadakan satu sekim untuk orang² yang mendapat kemalangan dalam masa bekerja dan juga kemalangan yang membawa kechederaan sa-lama²-nya. Kajian dan ranchangan akan di-buat untuk meluaskan ranchangan itu ka-lain² lapangan kesejahteraan sosial dan untuk menyatukan ranchangan² itu.

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

FAHAM KOMIUNIS DAN GERAKAN SABVERSIF

65. Dua chara serangan yang di-lancharkan oleh komiunis terhadap Malaysia, ia-itu dengan jalan sabversif dan dengan jalan keganasan, terus berjalan dan hal ini menyebabkan keselamatan dalam negeri ini sentiasa terancham. Ada bukti yang menunjukkan bahawa pehak komiunis sedang menchuba hendak mendapatkan bantuan antara-bangsa dalam pemberontakan senjata mereka untuk menimbulkan satu revolusi di-Asia Tenggara di-bawah anjoran Parti Komiunis China.

66. Dalam lapangan sabversif Barisan Komiunis Bersatu telah menjalankan kempen menghasut dengan tujuan hendak membinasakan ra'ayat.

67. Kerajaan sedar tentang ada-nya anchaman² ini dan langkah² yang sesuai sedang di-jalankan bagi mengatasi-nya.

GERAKAN KEGANASAN KOMIUNIS DI-UTARA TANAH MELAYU

68. Dalam Titah Uchapan di-Raja yang lalu telah di-sebut berkenaan dengan kerjasama dan perhubungan yang sangat rapat antara Negeri kita dengan Negeri Thai. Kerjasama ini terus menjadi sifat yang nyata dalam usaha bersama bagi menghapuskan Pertubohan Komiunis dalam kawasan sempadan Thai/Malaysia.

69. Baharu² ini ada tanda² menunjukkan bahawa Parti Komiunis Tanah Melayu akan berbalek kapada dasar lama-nya ia-itu berjuang dengan senjata melawan Kerajaan Malaysia yang di-tubuhkan menurut perlembagaan dengan harapan Konferansi Indonesia akan memberi peluang untuk berbuat demikian.

Kegagalan Komunis hendak merampas kuasa di-Indonesia dan kemudian diikuti pula dengan pengharaman Parti Komunis di-sana mungkin telah memutuskan harapan Parti Komunis Tanah Melayu dan Kerajaan sedang memberikan perhatian yang berat kepada keadaan yang demikian.

PASOKAN POLIS DI-RAJA MALAYSIA

70. Pasokan Polis di-Raja Malaysia, sa-bagai pengawal keamanan dan ketenteraman Negara, terus menchapai kemajuan dan mendapat nama yang baik dalam dunia sa-belah sini. Bukti-nya ia-lah sa-jumlah 662 orang Pegawai² Polis dari negeri² Brunei, Burma, Laos, Thai dan Vietnam telah menghadriri berbagai² kursus di-Sekolah² Latehan Polis. Untuk mengekalkan mutu yang tinggi dan kecekapan Pasokan Polis, dasar memberi latehan di-luar Negeri kepada Pegawai² Polis sedang di-jalankan dan dalam tahun 1965 sa-banyak 35 orang pegawai² telah menghadriri kursus² di-luar Negeri.

71. Dasar Kerajaan hendak meninggikan lagi taraf hidup ahli² Polis biasa sentiasa di-utamakan. Dalam Ranchangan Lima Tahun 1961-1965 di-negeri² Tanah Melayu sa-banyak 1,452 buah rumah untuk pegawai² rendah dan Mata², dan 15 buah rumah untuk Merinyu telah di-dirikan.

72. Di-Sarawak 544 buah rumah untuk pegawai² rendah dan Mata², 31 buah rumah untuk Merinyu dan 6 buah rumah untuk pegawai² yang di-siarkan nama mereka dalam *Warta Kerajaan* telah juga di-bena.

73. Di-Sabah sa-banyak 120 buah rumah untuk pegawai² rendah dan Mata² telah siap di-bena.

74. Sa-lain daripada itu 31 buah Balai Polis kechil atau Pondok Polis dan 6 buah bangunan Ibu Pejabat bagi Kumpulan² Polis yang besar telah juga di-dirikan bersama² dengan 7 buah Balai Polis kechil di-Sarawak.

75. Dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama 1966-1970 Kerajaan berharap akan menyiapkan lebeh dari 5,000 buah rumah untuk pegawai² rendah dan Mata², 300 buah rumah untuk Merinyu dan lebeh dari 50 buah rumah untuk pegawai² yang di-siarkan nama mereka dalam *Warta Kerajaan* serta beberapa buah lagi Balai Polis yang baharu.

76. Kerajaan suka menyatakan bahawa di-bawah bantuan Pertahanan Commonwealth Pasokan Polis di-Raja Malaysia telah mendapat alat² kelengkapan pertahanan. Motosikal² telah pun di-terima daripada Canada dan senjata serta peluru daripada Australia dan New Zealand dan beberapa banyak alat kelengkapan lagi akan di-terima pada masa hadapan. Kerajaan sangat berhutang budi kepada negeri² itu dan mengambil peluang di-sini menguchapkan terima kaseh atas bantuan yang telah di-berikan kepada Malaysia.

PASOKAN SENOI PRA'AQ

77. Senoi Pra'aq sentiasa memainkan peranan-nya dengan chekap. Dalam tahun 1965 ahli-nya telah bertambah 9 orang lagi. Pasokan ini telah menghantar satu kumpulan ka-Sekolah Latehan Peperangan Dalam Hutan Commonwealth Johor untuk mengajar chara hidup di-dalam hutan dan chara mengesan jejak langkah.

PASOKAN KAWALAN

78. Pasokan Kawalan yang di-tubuhkan dengan chara sukarela pada akhir tahun 1964 telah menunjukkan kecekapan-nya sa-bagai mata dan telinga Kerajaan apabila Indonesia melakukan pencherobohan sa-chara berterang² dengan menghantar askar² mereka mendarat di-bumi Malaysia. Ma'alumat yang

di-beri oleh ahli²-nya telah menyebabkan musuh itu tertawan atau terhapus. Dengan tujuan hendak memperkemaskan lagi langkah berjaga² dan mengawal kerja² yang di-jalankan oleh Pasokan Kawalan ini Kerajaan telah mengadakan Peratoran² (Pasokan Kawalan) Penting.

JABATAN KIMIA

79. Jabatan Kimia dan ma'amal²-nya di-Petaling Jaya, Pulau Pinang dan Kuching telah memberi perkhidmatan cherakinan dan nasehat kepada semua Jabatan² Kerajaan yang berkehendakkan pertolongan-nya. Kerja² ini telah diperluaskan lagi dengan mendirikan sa-buah ma'amal gula dengan terkawal sejok panas dan lembab-nya sa-bagaimana yang di-shorkan oleh Surohanjaya Antara Bangsa bagi Chara² Cherakinan Gula yang sama.

80. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama ada-lah di-chadangkan supaya di-bena ma'amal² di-Pantai Timor dan Johor Tengah untuk membantu Jabatan ini menjalankan perkhidmatan²-nya yang sa-makin bertambah.

PEJABAT² PERCHETAKAN KERAJAAN

81. Chawangan Perchetakan di-Ipoh, Johor, Kedah dan Trengganu serta Ibu Pejabat-nya di-Kuala Lumpur pada masa ini telah di-lengkapkan dengan jentera² yang baharu untuk mengechap dalam Bahasa Kebangsaan. Jabatan Perchetakan ini sekarang boleh menguruskan segala perchetakan Kerajaan yang dahulu-nya di-selenggarakan dengan jalan konterek.

JABATAN PENJARA

82. Dasar menghantar Pegawai² Penjara ka-luar Negeri supaya mereka dapat mempelajari chara² baharu bagi mentadbir hukuman sedang di-teruskan. Pegawai² itu di-hantar untuk berlatah di-Yayasan Timor Jauh bagi menchegeh jenayah dan chara melayan orang² salah di-Fuchu, Tokyo dan juga di-United Kingdom.

83. Perusahaan² di-Penjara telah di-perbesarkan untuk mengadakan lathan perusahaan bagi orang² salah. Tanah yang chukup telah di-beri kepada Sekolah Henry Gurney dan sekarang kanak² dalam sekolah itu dapat di-ajar berbagai² chara pertanian, tanaman dan lain² perkara yang berkaitan dengan pertanian.

JABATAN PENCHEGAH RASUAH

84. Kerajaan chukup sedar tentang bahaya² rasuah. Kedua² Jabatan Pencheгах Rasuah dan Chawangan Pencheгах Rasuah Polis telah bekerja dengan chergas. Dalam tahun 1965, 22 kes yang melibatkan 35 orang telah di-siasat dan 15 kes telah pun di-bawa ka-mahkamah. Semua yang di-tudoh telah di-dapati thabit kesalahan mereka. 7 kes lagi akan di-bicharakan.

85. Sa-buah Jawatan-kuasa Kechil Jema'ah Menteri telah di-lantek dengan Menteri Dalam Negeri menjadi pengerusi-nya bagi mengkaji susunan Jabatan Pencheгах Rasuah dengan tujuan hendak mengokohkan-nya supaya dapat menguruskan kes² rasuah dengan lebih sempurna.

JABATAN IMIGRESHEN

86. Ibu Pejabat Jabatan Imigreshen telah di-pindahkan dari Pulau Pinang ka-Ibu Kota Persekutuan pada 1hb April, 1965. Langkah² ini telah di-ambil supaya dapat ia menjalankan kerja yang sa-makin bertambah/ banyak dan melaksanakan pertadbiran Jabatan sa-hari² dengan lebih chekap.

87. Sa-buah Pejabat Setia-usaha yang di-uruskan oleh Pengawal Besar Imigreshen telah di-tubuhkan. Pejabat Setia-usaha ini menjalankan usaha bagi menentukan bahawa Pegawai² dagang dalam lapangan perdagangan dan perusahaan di-gantikan dengan pegawai² anak negeri dalam masa yang berpatutan. Ini ada-lah sesuai dengan dasar yang di-nyatakan oleh Kerajaan hendak memberi peluang bekerja yang lebih banyak lagi kepada warga-negara Malaysia yang berkelayakan sa-telah mereka lulus dalam pelajaran² tinggi di-dalam dan di-luar negeri.

88. Berkenaan dengan perkara ini Kerajaan telah menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Tetap (Pengerusi-nya Setia-usaha, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri) yang mengkaji ranchangan² yang di-buat oleh gedong² perniagaan, pertubuhan, perdagangan dan perusahaan. Kerajaan gembira melihat bahawa pertubuhan² perusahaan dan perdagangan sedar betapa mustahak-nya menggantikan pegawai² dagang dengan pegawai² anak negeri. Jawatan-kuasa itu telah menimbangkan sa-banyak 139 chadangan² untuk mengganti pegawai² dagang.

JABATAN PENDAFTARAN NEGARA

89. Semenjak tertubuh-nya Malaysia dasar Kerajaan ia-lah hendak mengadakan sa-berapa yang dapat, satu sistem berkenaan dengan pendaftaran kad² pengenalan, beranak dan mati di-Sabah dan Sarawak. Langkah² telah pun di-ambil untuk menjalankan sistem kad² pengenalan di-Tanah Melayu di-Sarawak dan lepas itu di-Sabah pula. Perkara menggunakan undang² Tanah Melayu berhubung dengan pendaftaran nikah dan anak angkat di-kedua² negeri itu sedang di-timbangkan juga.

90. Di-Negeri² Tanah Melayu, dalam tahun 1965, sa-banyak 46,312 orang telah menjadi warga negara. Dengan ini jumlah sijil² kewarga-negaraan yang telah di-keluarkan semenjak 31hb Ogos, 1957, ia-lah 1,730,196. Dari Sabah dan Sarawak sa-jumlah 46,966 permohonan telah di-terima (Sabah 17,752, Sarawak 29,214) dan sa-banyak 38,347 sijil² kewarga-negaraan telah di-keluarkan (Sabah 16,315, Sarawak 22,032).

KEMENTERIAN HAL EHWAL SABAH DAN PERTAHANAN 'AWAM

91. Tujuan utama Kementerian ini ia-lah untuk meluas dan menyatu padukan susunan Pertahanan 'Awam, dan memberi penerangan kepada orang ramai hal² berkenaan dengan Pertahanan 'Awam supaya mereka bersiap sedia. Pegawai² dan alat² latehan telah di-untukkan bagi negeri² Borneo.

92. Kementerian ini telah juga menubuhkan Bahagian Perkhidmatan Bomba Tambahan. Ahli² bomba tambahan sedang di-lateh di-semua chawangan Pertahanan 'Awam di-dalam tiap² negeri. Alat² menchegeh kebakaran berharga sa-banyak \$1.9 juta telah di-beli oleh Kementerian ini.

93. Ranchangan Amaran Serangan Udara (Air-Raid Warning Scheme) untuk Negeri² di-Tanah Melayu dan Negeri² Borneo telah di-siapkan. Ranchangan ini akan di-laksanakan bila di-persetujui oleh Juma'ah Menteri.

94. Jawatan-kuasa Penyama Pertahanan 'Awam (Co-ordinating Committee) di-perengkat² negeri, bahagian dan bahagian kecil telah juga di-tubuhkan.

KEMENTERIAN TANAH DAN GALIAN

A. JABATAN UKOR

95. Dalam tahun 1965 peta-memeta telah mencapai beberapa kemajuan lagi. Dalam tahun itu Kerajaan telah meluluskan penubuhan Jabatan Pengarah Pemetaan Malaysia. Jabatan itu yang mengandongi unsur tentera dan unsur 'awam telah mula bertugas dengan beberapa orang kakitangan. Dengan pembelian sa-buah lagi jentera cetak dua warna dan dengan pertolongan wakil² peta-memeta British di-Negeri² Borneo, dapat-lah Jabatan itu mengadakan peta² untuk kegunaan pasokan² keselamatan dan pembangunan negara dan luar bandar. Ada kira² 1,259,205 peta telah di-cetak dalam tahun 1965.

96. Sungguh pun Singapura telah berpisah daripada Malaysia tetapi kerja peta-memeta tidak juga kurang banyak-nya. Semua peta rupabumi dan bandar Singapura yang di-kehendaki bagi Gerakan² Bersekutu masih lagi di-lukis dan di-cetak oleh Jabatan Pengarah Pemetaan.

97. Dengan tujuan supaya kerja² peta-memeta dan ukor di-sempadan Malaysia dengan Negeri Thai dapat di-jalankan dengan kerjasama yang sa-habis² rapat, suatu perjanjian yang di-namakan Perjanjian Pertukaran Peta telah di-tandatangani oleh Pengarah, Jabatan Ukor di-Raja Thai dan Pengarah Pemetaan Negara Malaysia.

98. Dalam hal ukoran tanah, Jabatan Ukor telah dapat menyiapkan kerja² ukor tanah yang perlu bagi Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Jumlah lot yang telah di-ukor dalam tahun 1965 ia-lah 53,677 keping.

99. Jabatan Ukor akan meneruskan kerja mengukur tanah bagi Ranchangan² Tanah Kerajaan ia-itu baki daripada kerja ukor tanah bagi Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan juga kerja ukor tanah bagi Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menyatakan tanah yang hendak di-majukan-nya dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama adalah lebih sa-banyak 8,000 ekar daripada tanah yang di-majukan-nya dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, tetapi Jabatan Ukor yakin dapat menyempurnakan kerja mengukur tanah itu.

100. Telah menjadi dasar Jabatan Ukor hendak menambah lagi tenaga-nya dalam pekerjaan peta-memeta supaya ia dapat mengambil sa-penoh² tanggung-jawab dalam pekerjaan peta-memeta di-Malaysia sa-belum habis tahun 1970. Alat² photogrammetry dan penchetak akan di-beli lagi dalam masa lima tahun yang akan datang. Pada masa ini Kerajaan Canada ada-lah menolong Jabatan ini mengambil sa-mula gambar Tanah Melayu dari udara. Dengan pertolongan ini, kerja mengeluarkan peta² rupabumi untuk menyiapkan ranchangan peta-memeta Tanah Melayu akan dapat di-segerakan dan Jabatan Ukor akan mendapat sa-baik² peluang untuk melengkapkan sa-tengah² peta yang di-buat kira² sa-puluh tahun dahulu. Kutubkhanah Peta dan Foto Udara Negara dan Setor Peta Besar ada-lah sedang di-ranchangkan untuk kegunaan tentera dan 'awam bagi beberapa tahun yang akan datang.

101. Berkenaan dengan menggantikan pegawai² dagang dengan pegawai² Malaysia, semua pegawai Jabatan Ukor sekarang ini ia-lah pegawai² Malaysia, kechuali dua orang pegawai dagang yang berkhidmat sa-chara konterek dalam tingkatan biasa. Sa-orang daripada-nya akan berhenti pada hujung tahun ini dan yang sa-orang lagi akan berhenti pada akhir tahun hadapan.

B. JABATAN GALIAN

102. Pengeluaran bijih timah pada tahun 1965 ia-lah pengeluaran yang terbanyak sa-kali semenjak tahun 1941, ia-itu 63,670 tan. Pengeluaran yang banyak ini ia-lah kerana harga bijih timah baik sa-panjang tahun dan dengan hal yang

demikian banyak-lah di-buka lombong² kecil dan juga lombong² yang tiada banyak bijeh boleh mendatangkan keuntungan. Di-jangka had pengeluaran bijeh timah dalam tahun 1966 akan sama dengan had pengeluaran pada tahun 1965 jika harga tiada turun.

103. Pengeluaran bijeh besi dalam tahun 1965 telah bertambah sa-banyak 6.3 peratus ia-itu daripada 6.4 juta tan pada tahun 1964 menjadi 6.9 tan. Maka bertambah-nya itu ia-lah kerana pembeli² di-Negeri Jepun berkehendakkan lebih banyak bijeh besi dan dengan sebab itu bertambah banyak-lah lombong² yang di-usahakan, ia-itu 27 buah pada akhir tahun 1965 berbanding dengan 23 buah dalam tahun 1964.

104. Pengeluaran boksait telah bertambah sa-banyak 81.8 peratus, daripada 463,829 tan pada tahun 1964 menjadi 843,172 tan pada tahun 1965 ia-itu sah-sahis banyak sa-kali di-keluarkan. Maka bertambah-nya itu ia-lah kerana pembeli² di-luar negeri berkehendakkan lebih banyak boksait dan dengan sebab itu dua buah lombong telah di-buka. Pengeluaran boksait dalam tahun² yang akan datang nampak-nya akan menurun; walau bagaimana pun pengeluaran di-jangka akan tetap sa-banyak 500,000 tan sa-tahun dalam masa beberapa tahun yang akan datang.

105. Dalam tahun 1965 pengeluaran minyak mentah daripada Lombong Minyak Miri di-Negeri Sarawak kurang sedikit daripada jumlah pengeluaran dalam tahun 1964. Minyak yang maseh ada lagi pada lombong² ini sa-makin kurang dari sa-tahun ka-satahun. Charigali pada perayeran di-kawasan ini telah di-jalankan juga lagi dalam masa beberapa tahun yang lalu.

106. Dalam tahun 1965 Pasokan Gerudi Menyiasat Galian telah meneruskan kerja mencharigali di-kawasan Resab Melayu di-Perak, Selangor dan Pahang. Beberapa kawasan itu di-dapati ada mengandongi galian dan di-jangka mana² kawasan yang telah sah ada banyak bijeh timah akan di-usahakan tiada berapa lama lagi oleh Sharikat² Melayu dan orang² Melayu. Ada di-tentukan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama hendak menolong orang Melayu membuka lombong pada tanah dalam kawasan² Resab Melayu.

107. Dalam tahun 1965 sharikat lombong bertambah chenderong hendak mencharigali pada kawasan² perayeran Malaysia. Penyiasatan² hendak menchari minyak di-kawasan² perayeran Sabah dan Sarawak telah di-mulakan. Permohonan² hendak mencharigali bijeh timah dan minyak di-kawasan² perayeran Negeri² Tanah Melayu sedang di-timbangan. Berkenaan dengan dasar dan undang² bagi melombong minyak, Jema'ah Menteri telah melantek sa-buah jawatan-kuasa sementara untuk mengkaji laporan dan shor² yang di-kemukakan oleh sa-buah sharikat penasihat minyak antara bangsa dengan tujuan hendak menggubal satu Undang² Melombong Minyak bagi seluruh Malaysia.

C. PESUROHJAYA TANAH NEGERI² TANAH MELAYU

108. Undang² Tanah Negara telah di-luluskan oleh Parlimen dalam masa Meshuarat Belanjawan pada akhir tahun lalu. Undang² itu telah di-kuatkuasakan pada 1hb Januari tahun 1966. Undang² itu di-pakai di-Negeri² Tanah Melayu sahaja kerana Negeri² Borneo ada Undang² Tanah mereka sendiri. Undang² Tanah itu ada-lah menggantikan berbagai² undang² tanah yang tiada sesuai lagi.

109. Sunggoh pun dalam Undang² Tanah itu banyak perubahan² yang penting telah di-buat kepada isi² Undang² Tanah yang telah di-mansokhkan itu tetapi asas² Undang² Tanah yang telah di-mansokhkan itu tiada banyak di-ubah. Beberapa peruntokan baharu telah di-adakan, yang paling penting ia-lah berkenaan dengan surat milek bagi rumah pangsa (flat). Peruntokan ini di-sambut baik oleh semua pihak yang berkenaan.

110. Kursus pada peringkat Negeri untuk menerangkan Undang² Tanah yang baharu itu kepada pegawai² tanah telah di-adakan. Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Timbalan Pesuruhjaya Tanah telah menjelaskan peruntukan² Undang² itu kepada Pesuruhjaya² Tanah dan Galian, Pemungut² Khazanah Tanah dan penolong² mereka. Beberapa kerumitan di-jangka mungkin timbul pada melaksanakan Undang² itu dan untuk mengatasi kerumitan² ini Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Timbalan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan akan selalu melawat Pejabat² Tanah untuk memastikan Undang² Tanah itu di-tadbirkan dengan lchin.

111. Satu Daftar bagi semua tanah kepunyaan Kerajaan Pusat yang di-bawah kuasa Pesuruhjaya Tanah Persekutuan ada di-selenggarakan di-pejabat Pesuruhjaya Tanah itu. Pada hujung tahun lalu 338 lot tanah yang bersurat milek dan 2,224 lot tanah Resab Persekutuan berjumlah kira² 11,538 ekar semua-nya sa-kali telah di-siasat dan di-tandakan sempadan²-nya oleh empat orang Pegawai Petempatan yang bekerja di-pejabat ini. Tanah² ini telah di-chatetkan dalam Daftar Tanah itu.

112. Kerja mengeluarkan surat² milek mengikut sistem Torrens dengan berasaskan kerja ukor yang betul dalam Ranchangan Penyelesaian Tanah Kelantan dan Ranchangan Pertadbiran Tanah Perlis terus berjalan dengan maju-nya. Dalam Ranchangan Kelantan yang di-mulakan pada tahun 1956, sa-jumlah 89,805 kes telah di-selesaikan; 73,322 lot telah di-ukor dan daripada-nya 61,195 lot telah di-beri surat milek sa-belum habis tahun 1965. Dalam Ranchangan Perlis itu yang di-mulakan pada tahun 1960, sa-jumlah 8,398 lot telah di-pereksa, 6,085 surat milek yang belum di-isi telah di-terima daripada Pejabat Ukor dan daripada-nya 3,065 telah di-isi dan di-keluarkan sa-belum habis tahun 1965.

D. JABATAN HUTAN

113. Kerja² yang telah di-jalankan dalam lapangan kehutanan amat memuaskan hati. Tahun 1965 ia-lah tahun yang akhir bagi Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua; maka pada tahun itu kebanyakan projek yang di-mulakan dalam masa melaksanakan ranchangan itu telah siap. Projek² itu termasuk-lah tambahan bagi bangunan Pusat Penyelidikan Hutan, sa-buah Sekolah Hutan baharu dan sa-buah Ma'amal Kimia baharu. Bagi projek di-Negeri² Tanah Melayu sa-buah Pejabat Hutan Daerah telah siap di-bena di-Gua Musang, Kelantan dan Ladang Kayu Jati di-Utara Kedah telah di-perluaskan lagi.

114. Pengeluaran kayu kayan hutan² di-Negeri² Tanah Melayu pada tahun 1965 ada-lah sa-banyak 2,331,876 tan ia-itu berlebeh daripada pengeluaran tahun 1964. Pada tahun 1964 pengeluaran ia-lah sa-banyak 2,105,168 tan. Hasil yang di-dapati daripada chukai kayu yang di-keluarkan pada tahun 1965 ia-lah 26.6 juta ringgit.

115. Kayu yang di-eksepot pada tahun 1965 ia-lah sa-banyak 325,871 tan ia-itu berlebeh daripada yang di-eksepot pada tahun 1964. Eksepot pada tahun 1965 telah mendapat wang negeri asing sa-banyak 58.7 juta ringgit. Jadi kemajuan pada pengeluaran dan eksepot kayu di-dapati memuaskan.

116. Bagitu juga, penggunaan dan perusahaan kayu telah mencapai kemajuan yang besar. Pada tahun 1965 sa-banyak 447 buah kilang papan telah berjalan berbanding dengan 426 sahaja pada tahun 1964. Maka bertambah-nya itu ia-lah kerana kilang² papan lapis telah di-buka. Pembukaan kilang² papan lapis itu ada-lah satu langkah kemajuan dalam usaha penggunaan kayu negeri ini.

117. Dalam tahun 1965 semua pegawai dagang dalam Jabatan ini telah di-ganti dengan pegawai² Malaysia. Pegawai dagang yang penghabisan sa-kali berkhidmat dalam Jabatan ini telah bersara pada bulan September, 1965. Dengan kejayaan

pada menggantikan pegawai² dagang itu, timbul-lah masaaalah mengisi jawatan² kerana Jabatan ini kekurangan pegawai² Malaysia yang berkelayakan. Sunggoh pun kekurangan itu beransur² di-atasi apabila pegawai² Malaysia kembali dari sa-berang laut—8 orang kembali pada tahun 1964 dan sa-orang pada tahun 1965—tetapi kekurangan itu maseh banyak lagi. Menilek kapada bilangan pegawai² yang berkelayakan kembali dari sa-berang laut pada masa ini, Jabatan ini tiada akan mendapat pegawai² yang berkelayakan sa-banyak yang di-perlukan sa-hingga tahun 1972, kechuali jika suatu kempen menchari pegawai² yang berkelayakan di-jalankan dengan bersunggoh².

118. Dalam lapangan penyelidekan, beberapa penyiasatan telah di-jalankan. terutama-nya yang di-jalankan di-Bahagian "Forest Resources Reconnaissance Survey". Di-bahagian ini penyiasatan hutan² di-beberapa buah Negeri Malaysia telah di-jalankan. Dalam Bahagian Kimia, penyiasatan membuat palpa dan kertas telah di-jalankan dengan bersunggoh².

119. Bumiputera yang mengambil bahagian dalam perusahaan kayu sa-makin banyak. Tanda-nya bilangan mereka itu bertambah ia-lah bilangan lesen yang telah di-keluarkan kapada mereka telah bertambah daripada 413 lesen pada tahun 1964 menjadi 567 pada tahun 1965. Di-dapati beberapa buah Sharikat Bumiputera telah membesarkan kegiatan²-nya dan sharikat² ini sedang menchapai kemajuan yang besar. Sharikat² ini di-jangka akan menchapai kemajuan lagi tiada berapa lama lagi.

120. Maka di-dapati usaha² mengambil hasil hutan telah di-jalankan dengan amat chepat hingga boleh mengancham hasil² hutan negeri ini pada masa yang amat datang. Dasar Hutan Persekutuan sekarang ini sedang di-kaji untuk memelihara hasil² hutan negeri ini.

121. Oleh kerana Jabatan Hutan sedar bahawa kawasan² hutan negeri ini sa-makin habis dan desakan hendak membuka hutan² tanah rendah sa-makin kuat maka ia akan mengkaji kemungkinan hutan² bukit dan akan menanam sa-mula kawasan² hutan yang tiada banyak pokok dengan pokok² yang chepat tinggi. Projek menanam pokok² jenis conifer pada tanah² yang luas telah di-luluskan oleh Kerajaan untuk di-masokkan dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama dan langkah² sedang di ambil bagi menchari bantuan daripada Kumpulan Wang Khas Bangsa² Bersatu untuk perbelanjaan projek itu. Tujuan projek itu ada dua; hendak mengadakan dengan deras kayu untuk kegunaan di-negeri ini dan mengadakan bahan untuk di-buat palpa dan kertas sa-banyak yang perlu bagi negara.

E. JABATAN ORANG ASLI

122. Dalam Ranchangan Pembangunan Luar Bandar untuk Orang Asli, 15 buah kampong telah di-buka di-beberapa buah Negeri, tiap² satu ada rumah² baharu, balai raya, jalan² dan kemudahan² yang lain. Sa-lain daripada itu beberapa projek pertanian kechil telah di-laksanakan, termasuk mengadakan ternakan binatang dan beneh² tanaman dan membena kolam² ikan.

123. Dalam tahun 1964 ada 64 buah sekolah khas untuk kanak² Orang Asli. Pada hujung tahun 1965 sekolah² itu telah bertambah menjadi 74 buah, dan sa-ramai lebeh daripada 3,600 kanak² ada belajar di-sekolah² ini, di-sekolah Melayu dan di-sekolah Inggeris biasa. Dan lagi sa-ramai 3,426 Orang Asli ada belajar di-Kelas² Orang Dewasa.

124. Kemudahan² perubatan bagi Orang Asli telah banyak di-tambah. Dalam tahun 1964 ada 87 buah pondok perubatan dan pondok orang² sakit menunggu sa-belum di-bawa ka-rumah sakit. Pada hujung tahun 1965 Perkhidmatan Doktor Menggunakan Kapal Terbang telah menjalankan perkhidmatan meliputi 111 buah pondok itu. Ini berma'ana pada masa ini kemudahan² perubatan moden

boleh di-dapati oleh semua kumpulan Orang² Asli di-dalam hutan. Rumah sakit di-Gombak telah di-besarkan lagi dan sekarang sa-ramai 300 orang boleh berubat di-situ.

125. Pada hujung tahun 1965 Jabatan ini melancarkan satu ranchangan yang disebut Ranchangan Pembangunan Kilat. Untuk mengusahakan ranchangan ini dua Pasokan Pembena Orang Asli mengandongi tukang² kayu dan tukang² rumah telah di-tubuhkan. Tujuan Pasokan Pembena ini ia-lah untuk memimpin penduduk² kampung Orang Asli bergotong-royong dalam usaha membena rumah, sekolah, kelinik, balai raya, bekalan ayer dan lain² lagi.

126. Kerajaan akan terus berusaha bagi memperbaiki keadaan masharakat dan ekonomi Orang Asli dengan jalan mengadakan ranchangan² yang lebih besar bagi kemajuan kampung, pelajaran dan kesihatan. Ranchangan Malaysia Yang Pertama, 1966-70 ada-lah mengutamakan ranchangan ekonomi untuk membuka tanah² baharu bagi Orang Asli bertanam getah, kelapa sawit dan pokok buah²an. Tiada shak lagi bahawa dengan taraf hidup Orang Asli sa-makin naik, mereka akan beransor² berchampur adok dengan masharakat negara ini.

F. JABATAN KAJIBUMI

(a) NEGERI² TANAH MELAYU

127. Dalam tahun yang lalu pasokan² kerja luar Jabatan Kajibumi telah bergerak chergas di-beberapa buah Negeri Tanah Melayu menjalankan kerja pemetaan luar yang biasa, yang dengan-nya dapat di-taksirkan dengan betul barang² galian Negeri ini. Sa-lain daripada itu Pejabat ini telah banyak menggunakan masa untuk membantu jurutera² penasehat berkenaan dengan ranchangan kejuruteraan 'awam yang besar² terutama-nya kajian kemungkinan mengadakan Ranchangan Letrik Hydro di-Hulu Perak dan Ranchangan Pembekalan Ayer Kuala Lumpur.

128. Dasar Jabatan Kajibumi tidak berubah ia-itu memberi sa-banyak² pertolongan yang mungkin dalam usaha memajukan negeri ini dalam hal² yang berkenaan dengan kawasan luar bandar dan perusahaan. Dasar ini di-laksanakan dengan membuat kerja pemetaan jangka panjang yang tersusun dan mengkaji berjenis² keadaan bentok batu², dan dengan jalan membuat penyiasatan jangka pendek ka-atas masalaah² yang tertentu berkenaan dengan benda² galian, penggunaan tanah, asas² kejuruteraan dan perbekalan² ayer (termasok ranchangan² letrik hydro dan taliayer sa-lain dari puncha² di-bawah tanah). Jadi Jabatan ini mesti-lah mengumpulkan ma'alumat² saintifik berkaitan dengan kejadian batu² dan barang² galian dan juga mengumpulkan dan memadan²kan butir² untuk di-gunakan sa-bagai panduan penyiasatan dan pembenaan pada masa yang akan datang.

(b) NEGERI BORNEO

129. Jabatan Kajibumi Borneo telah terus menerus melaksanakan pekerjaan menyiasat ekonomi dan menyelidek kajibumi dalam tahun yang lalu sungguh pun kakitangan amat kekurangan. Kejadian yang penting sa-kali ia-lah tembaga (porphyry copper) telah di-jumpai dengan banyak-nya di-Sabah, ia-itu di-sabelah timur Gunong Kinabalu, oleh satu pasokan daripada Kumpulan Wang Khas Bangsa² Bersatu (United Nations' Special Fund) dengan kerjasama Jabatan ini. Kawasan tempat tembaga itu di-jumpai telah di-buatkan peta-nya dengan lengkap oleh Jabatan ini dan nilai tembaga itu sedang di-taksirkan dengan menjalankan kerja menggerudi.

130. Jabatan Kajibumi Borneo menjalankan kegiatan² dengan bersungguh² dan ini ada-lah ternyata bila di-lihat akan banyak-nya ia menerbitkan buku² berkenaan dengan sain. Dalam tahun yang lalu ia telah menerbitkan enam siaran yang besar² serta beberapa laporan yang pendek sedikit dan peta² kajibumi.

131. Dalam tahun yang lalu kerja penyiasatan peninjauan kajibumi (geological reconnaissance survey) di-kedua² buah Negeri Borneo itu telah siap dan kerja pemetaan lengkap yang telah di-mulakan di-Sarawak telah di-jalankan di-Sabah pula. Di-Sarawak perhatian di-tumpukan kepada kawasan Arang Batu Bintulu dan di-bahagian selatan kawasan Arang Batu Bau. Di-kawasan Arang Batu Bintulu charigali telah di-jalankan dengan menggali dan menggerudi. Di-kawasan Arang Batu Bau satu penyiasatan yang halus sedang di-jalankan. Sementara itu di-Sabah kerja pemetaan sa-buah kawasan yang mungkin banyak hasil galian-nya ada-lah berjalan dengan maju-nya. Kawasan ini ia-lah pada bahagian hilir Lembah Labuk.

132. Jabatan ini juga telah menjalankan beberapa banyak penyiasatan yang kechil² dan telah memberi nasihat berkenaan dengan keperluan² kemajuan, kebanyakan-nya berkaitan dengan bahan² pembinaan, bekalan² ayer, ampanan, jambatan dan asas² bangunan.

133. Jabatan ini telah terus menerus melaksanakan dasar-nya hendak bekerja sama dengan Universiti Malaya dan dengan beberapa buah sharikat minyak dan sharikat lombong yang di-Malaysia Timor. Pada masa ini ada lima buah sharikat minyak sedang menjalankan kerja menyiasat (exploration) kawasan² pantai dan rusok benua dekat Sarawak dan Sabah dan lain² sharikat lombong ada kena mengena dengan usaha hendak melombong arang batu, tanah liat (fireclay), pasir, kacha, boksait dan tembaga.

G. JABATAN MERGASETUA

134. Tugas utama Jabatan Mergasetua ia-lah memberi perlindungan kepada binatang² liar dan mengawal binatang² itu. Pada tahun lalu sa-buah Kawasan Simpan Mergasetua yang baharu telah di-adakan di-Pahang dan ada chadangan hendak mengadakan beberapa banyak lagi di-beberapa tempat di-negeri ini.

135. Oleh kerana tempat tinggal dan lain² kemudahan di-Taman Negara telah di-perelokkan maka pelanchong² tempatan dan negeri luar ka-Taman itu telah bertambah.

136. Wang sa-banyak \$750,000 akan di-belanjakan dalam masa lima tahun yang akan datang ini untuk memperelokkan lagi Taman Negara; kemudahan² dan tempat² tinggal akan di-adakan lagi bagi pelawat² yang sa-makin bertambah banyak itu.

KEMENTERIAN KE'ADILAN

137. Dalam tahun 1965 Parlimen telah meluluskan 14 buah Undang² Menyemak Undang² Termaktub yang memansokhkan lebih daripada 300 buah Undang² Persekutuan yang telah lama dan tidak di-pakai lagi. Undang² yang di-mansokhkan itu termasuk-lah Undang² bagi Negeri² Melayu Bersekutu yang dahulu dan bagi lima buah negeri² Melayu yang lain, Undang² Negeri² Selat yang dahulu dan Kesatuan Malaya, dan beberapa perishtiheran yang telah di-buat oleh Pentadbiran Tentera British, yang maseh ada lagi sunggoh pun tidak ada gunanya lagi.

138. Dua Perintah telah di-buat di-bawah "Malaysia Act" bagi mengishtiherkan sa-banyak 120 Undang² Sabah dan 108 Undang² Sarawak sa-bagai Undang² Persekutuan sekarang. Oleh kerana Perintah² ini dan Undang² Menchetak Sa-mula Undang² Persekutuan, 1965, sa-orang penolong kepada Pesuruhjaya Menchetak Sa-mula telah di-lantek di-Sarawak bagi menchetak sa-mula Undang²

Persekutuan yang telah di-tetapkan di-Negeri² Borneo. Sa-lain dari itu 63 Perintah Pengubahan dan 13 buah Chetakan Sa-mula bagi Undang² Negeri² Tanah Melayu telah di-terbitkan.

139. Sa-orang pakar Ranchangan Colombo akan terus berkhidmat dalam Jabatan Peguam Negara bagi membantu melateh pegawai² baharu dalam Bahagian Penggubal. Sunggoh pun dalam pertengahan tahun yang lalu Bahagian Penggubal ini telah menanggung kesukaran di-sebabkan oleh keberhentian beberapa orang pegawai Undang² tetapi bilangan Undang² yang telah di-gubal oleh Bahagian ini tidak-lah berkurangan bahkan bertambah. Sa-orang pegawai Undang² yang telah di-hantar ka-Australia pada tahun lalu untok di-lateh sabagai penggubal Undang² telah balek sekarang ini dan Bahagian ini telah mendapat faedah yang banyak daripada pengalaman dan pengetahuan yang telah di-perolehi-nya dalam masa latchesan-nya di-sana.

140. Terjemahan Undang² ka-dalam Bahasa Kebangsaan sedang di-jalankan dengan giat-nya. Terjemahan Kanun Keseksaan telah siap dan sedang di-chetak sekarang ini. Terjemahan² Kanun Peratoran Jenayah, Undang² Keterangan dan Perlembagaan Malaysia telah sampai pada peringkat yang akhir dan di-jangka akan siap di-chetak pada penghujung tahun ini.

141. Bahagian Penterjemahan Jabatan ini telah menchapai banyak kemajuan pada menetapkan istilah undang² dalam Bahasa Kebangsaan dan pada menterjemahkan berbagai² borang yang di-tetapkan oleh undang². Beberapa Rang Undang² yang mustahak telah di-terjemahkan ka-dalam Bahasa Kebangsaan dalam masa Penggal Parlimen yang telah lalu dan telah di-bentangkan dalam Parlimen bersama² dengan naskah Inggeris-nya.

142. Dalam tempoh yang di-kaji ini, kemajuan yang di-perolehi oleh Jabatan Kehakiman ada-lah seperti berikut:

- (a) Sa-orang Hakim dagang telah bersara, dan tiga orang ra'ayat Malaysia, ia-itu dua orang daripada Perkhidmatan Perundangan Persekutuan dan sa-orang lagi daripada Peguam² Tempatan (Local Bar) telah di-lantek menjadi Hakim.
- (b) Tiga orang Pengadil yang sedang berkhidmat telah di-beri Biasiswa Kehakiman bagi tahun 1965 untok menuntut Ilmu Undang² di-United Kingdom dengan tujuan untok di-panggil ka-"English Bar."
- (c) Bangunan Mahkamah Baharu, Kuala Trengganu, ia-itu suatu projek di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Yang Kedua (1961-1965) telah siap di-bena dan telah di-buka dengan resmi-nya oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Trengganu pada 14hb Ogos, 1965.
- (d) Pelan² untok membena bangunan² Mahkamah di-Kota Bharu dan Kuala Selangor sedang di-buat dan ada-lah di-jangka bahawa pembenaan akan di-mulakan dalam tahun 1966.
- (e) Peruntukan bagi menggantikan beberapa bangunan² Mahkamah lama dengan yang baharu di-seluruh negeri ini telah di-sediakan di-bawah Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama (1966-1970).
- (f) Bahasa Kebangsaan ada-lah sedang di-gunakan dengan sa-penoh-nya di-Mahkamah² Rendah jika kedua² belah pihak yang berkenaan bertutor bahasa Melayu.

143. Undang² Pemegang Amanah tahun 1949 (Trustee Ordinance, 1949) telah di-pakai di-Negeri² Borneo dalam bulan Jun, 1965, dan chawangan² Pejabat Pemegang Amanah telah di-buka di-Sabah dan di-Sarawak. Chadangan ada di-buat untok memakai Undang² Wasiat dan Pentadbiran tahun 1959 (Probate and Administration Ordinance, 1959) di-Negeri² itu tidak berapa lama lagi.

144. Undang² Sharikat (the Companies Act) yang baharu bagi Malaysia telah di-luluskan oleh Parlimen.

145. Langkah² telah di-ambil bagi memakai Undang² Bankruptcy, 1959, di-Sabah dan Sarawak. Undang² Bankruptcy yang baharu (Bankruptcy Act) dan Peratoran² Bankruptcy (Bankruptcy Rules) bagi Malaysia sedang di-gubal dan ada-lah dalam perhatian Kerajaan.

KEMENTERIAN KEBAJIKAN 'AM

146. Kerajaan akan terus menerus memajukan dan memperbaiki perkhidmatan² kebajikan-nya bagi ra'ayat supaya orang² yang susah boleh menikmati keadilan masyarakat dan kesenangan ekonomi.

147. Hal² perkhidmatan bagi orang² chachat chedera barangkali boleh-lah di-nyatakan telah mencapai kemajuan yang besar. Pusat pemulehan bagi orang² chachat anggota di-Cheras telah menerima orang² chachat anggota untuk di-rawat dan di-lateh supaya dapat puleh sa-mula mereka hidup dalam masyarakat.

148. Pengemis², kuturayau² dan orang² tua renta akan terus mendapat perhatian Kementerian. Sa-telah di-adakan Undang² Kuturayau, sa-belas buah yayasan telah di-khaskan di-bawah Undang² itu bagi menerima dan memulehkan orang² yang tersebut. Yayasan² ini akan di-perbesarkan dan kemudahan²-nya di-tambah.

149. Perkhidmatan² bagi mengubah kelakuan budak² nakal akan di-perluaskan lagi dalam tahun ini. Dua buah Rumah Tahanan/Asrama Akhlak sedang di-bena di-Pulau Pinang dan Trengganu. Sa-buah Sekolah Akhlak yang di-bentok khas untuk memberi latehan kepada budak² nakal dari kawasan luar bandar sedang di-ranchangkan untuk di-bena di-Pahang.

150. Perkhidmatan² bagi budak² nakal akan di-luaskan di-Sabah dan Sarawak. Di-Sabah, satu puncha Perkhidmatan Akhlak akan di-mulakan dalam tahun ini, dan kemudian-nya yayasan² pemulehan akan di-buka. Di-Sarawak kemudahan² di-Sekolah Akhlak yang ada sekarang akan di-perluaskan.

151. Perkhidmatan² bagi kanak² yang perlukan didekan dan perlindungan sedang di-perluaskan. Sa-buah Rumah Kanak² sedang di-bena di-Pulau Pinang untuk kanak² yang tiada tempat bergantung dari Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

152. Kerajaan akan terus memberi perhatian kepada perempuan² dan gadis² yang terancham akhlak-nya. Sa-buah yayasan pemulehan yang baharu sedang di-bena di-Kuala Trengganu untuk memulehkan akhlak perempuan² dan gadis² saperti itu.

153. Satu perkhidmatan baharu bagi orang² yang sakit melarat akan di-jalankan oleh Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian Kesihatan. Perkhidmatan ini akan mendirikan rumah² yang di-bentok khas untuk membela, dan mengubat mereka yang sakit melarat ini supaya rumah² sakit dapat di-legakan sedikit dan dapat menerima orang² sakit yang lain. Kerja² membena rumah yang mula² akan di-mulakan dalam tahun ini.

154. Kementerian ini akan terus memberi perhatian kepada latehan sambil-bekerja bagi kaki-tangan supaya perkhidmatan yang lebeh elok dapat di-beri kepada orang ramai. Kerja membena sa-buah Pusat Latehan yang serba lengkap akan di-mulakan dalam tahun ini.

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SOKAN

A. 'AM

155. Dalam tahun 1965, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sokan terus bergantung kepada pertolongan pegawai² Jabatan Kebajikan Masyarakat mengenai kerja²-nya di-negeri² dan daerah² berhubung dengan perkara "belia". Mengenai perkara kebudayaan dan sokan, Kementerian ini tidak juga dapat menjalankan tugas²-nya dengan memuaskan hati di-sebabkan kekurangan pegawai. Ada-lah di-harapkan bahawa dalam tahun 1966 keadaan ini akan berubah menjadi baik dan Kementerian ini akan dapat mengadakan Pegawai²-nya sendiri di-perengkat² negeri dan daerah. Ada-lah di-harapkan bahawa dalam tahun 1966 Kementerian ini akan dapat memulakan kerja membena pusat² perbagaiguna dalam beberapa negeri di-bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama.

B. KEBUDAYAAN

156. Kerja² yang di-jalankan oleh Kementerian ini mengenai perkara ini sangat-lah tersekat. Walau bagaimana pun, dalam tahun ini Kementerian ini telah berjaya menganjorkan kursus² Tarian Kebudayaan Melayu. Lebih daripada 250 orang dari berbagai kaum yang tinggal di-dalam dan di-luar kawasan Kuala Lumpur telah menyertai kursus itu. Di-samping itu, kursus² derama telah juga di-anjorkan di-Pusat Latchan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Bharu, untuk pemimpin² belia daripada beberapa tempat dalam negeri ini.

157. Dalam tahun ini juga Kementerian ini telah di-beri tugas menganjorkan pertunjukan² kebudayaan dalam Majlis² Resmi Negara seperti Perayaan Hari Malaysia, Perayaan Menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Perayaan Pertabalan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

158. Balai Seni Lukis Negara dan Majlis Kesenian Malaysia terus mengadakan berbagai² pameran Seni Lukis sa-panjang tahun ini.

159. Dalam tahun ini Kementerian ini bersama² dengan Balai Seni Lukis Negara dan Majlis Kesenian Malaysia telah mengambil bahagian dalam Pesta Seni Commonwealth (Commonwealth Festival of Art) yang telah di-adakan di-Edinburgh, Dublin dan London. Kesemua-nya lebih kurang 100 lukisan dan 24 ukiran telah di-pertunjukkan.

160. Dua Perjanjian Kebudayaan telah di-tanda tangani oleh Kerajaan Malaysia dalam tahun ini. Perjanjian pertama ia-lah dengan Republik Korea Selatan yang di-tanda tangani pada 30hb September, 1965, dan perjanjian kedua ia-lah dengan Republik Arab Bersatu yang di-tanda tangani pada 11hb November, 1965. Dengan ada-nya Perjanjian² ini maka Malaysia akan bertukar² buku, rancangan² Radio dan Talivishen, pelajar² (scholars) dan ahli² sokan dengan kedua² buah negara itu.

161. Kementerian ini telah juga memulakan satu pengkajian mengenai permainan² di-Malaysia dan kerja ini di-jangka akan siap dalam tahun 1966.

C. BELIA

162. Dalam tahun ini sa-banyak lebih kurang 111 buah kelab belia telah ditubuhkan menjadikan jumlah kelab² belia dalam Tanah Melayu sekarang ini sa-banyak 1,122 buah. Untuk menyatukan kerja berbagai² kelab dan pertubuhan belia, sa-banyak 44 Persidangan Tetap Belia Daerah atau Pertubuhan² Menyatu-kan Kerja Belia Daerah telah di-adakan.

163. Sa-banyak 29 kursus, tiap² satu sa-lama tiga minggu, telah di-adakan di-Pusat Latehan Belia Kebangsaan, Peretak, Kuala Kubu Baharu. Sa-banyak 638 orang pemimpin belia dari seluroh negara termasuk 20 orang peserta dari Sabah dan Sarawak telah mengikuti kursus tersebut. Kursus² hujung minggu telah juga di-adakan di-beberapa negeri.

164. Untuk memajukan lagi usaha merancang dan mengembangkan kerja² belia dalam Negeri² di-Tanah Melayu dan untuk merapatkan lagi kerjasama antara berbagai pertubuhan belia, maka satu seminar telah di-adakan di-Pusat Latehan Kebangsaan, Kuala Kubu Baharu, dalam bulan Disember, 1965. Sa-banyak 70 orang pemimpin belia dari beberapa pertubuhan belia telah mengambil bahagian dalam seminar itu. Beberapa keputusan penting telah di-ambil dalam seminar itu dan keputusan² itu sedang di-timbangkan oleh Kementerian ini.

165. Satu Lawatan Muhibbah dan Sambil Belajar sa-lama 10 hari ka-Thailand oleh 26 orang pemimpin belia sukarela Malaysia telah di-anjorkan oleh Kementerian ini. Pemimpin² Belia ini telah di-pilih dari merata² tempat dalam negeri ini. Lawatan itu di-buat di-bawah Perjanjian ASA dengan Thailand dan amat-lah berjaya.

D. SOKAN

166. Kementerian ini telah mengadakan satu kursus khas untuk jurulatih olahraga sa-bagai persediaan untuk Sokan Semenanjung Tenggara Asia yang di-adakan dalam bulan Disember, 1965. Sa-lain daripada itu, Kementerian ini telah juga mendapatkan sa-orang jurulatih bola sepak Jerman untuk melatih pasukan bola sepak kebangsaan dan mengadakan kursus² untuk juru lateh di-seluroh negara.

167. Dalam bulan Disember, 1965, Malaysia menjadi tuan rumah bagi Sokan Semenanjung Tenggara Asia. Sokan tersebut telah di-adakan dengan mendapat kejayaan yang besar dan Malaysia berjaya mendapat tempat yang kedua dalam pertandingan antara negara² yang mengambil bahagian.

E. MUZIUM

168. Bilangan orang² yang melawat Muzium Negara terus bertambah dan dalam tahun ini sa-ramai 712,505 orang telah melawat Muzium itu berbanding dengan 663,554 orang pada tahun lalu.

169. Sa-banyak 7 pameran telah di-adakan dalam tahun ini, dua daripadanya ia-lah pameran melawat (travelling exhibitions). Satu daripada pameran melawat ini yang di-namakan "Vanishing History" (Kehilangan Sejarah) telah di-hantar ka-Muzium Melaka dan yang satu lagi ia-itu kumpulan gambar burong² yang telah di-ambil oleh mendiang Dato' Loke Wan Tho sendiri telah di-hantar ka-Muzium Pulau Pinang. Pameran² Sementara telah juga di-adakan di-Lapangan Terbang Antara-bangsa Subang dan Steshen Keretapi Kuala Lumpur.

170. Satu pameran khas telah juga di-adakan mengambil sempena Sokan Semenanjung Tenggara Asia. Pameran ini ia-lah satu persembahan istimewa Seni Hiasan Malaysia dan ada-lah hasil daripada kerjasama antara pihak MARA, Maktab Perguruan Khas, Balai Seni Lukis Negara dan Muzium Negara.

171. Kerja membuat balai bagi Bahagian Sejarah Alam Sa-mula Jadi (Natural History) di-tingkat kedua Muzium Negara hampir² siap. Kerja mengumpul dan menyediakan barang² yang hendak di-pertunjukkan hampir² selesai dan Bahagian Sejarah Alam Sa-mula Jadi sentiasa berhubung rapat dengan Jabatan Mergastua, Zoo Negara dan Persatuan Alam Tanah Melayu (Malayan Nature Society).

172. Sa-telah Ketua Taxidermist ia-itu sa-orang pegawai dagang (expatriate) berhenti apabila chukup tempoh perkhidmatan-nya mengikut perjanjian dalam bulan September, 1965, Jabatan Muzium tidak lagi mempunyai pegawai dagang.

173. Sa-banyak 236 barang² lama telah di-dapati dalam tahun ini, 40 daripadanya di-hadiahkan oleh orang 'awam.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

PERANCHANGAN BANDAR DAN KAMPONG

174. Perkhidmatan² peranchangan bandar dalam negeri ini telah di-tambah lagi pada penghujung tahun lalu apabila sa-buah Jabatan Peranchangan Bandar dan Kampong bagi negeri² Kedah dan Perlis di-buka. Jabatan ini telah dapat meminjamkan sa-orang pegawai yang berpengalaman untuk mengendalikan pejabat ini supaya kerja² peranchangan bagi kedua² negeri itu dapat di-selenggarakan dengan chekap dan sempurna saperti yang di-jalankan dalam Jabatan² Negeri yang lain dalam negeri ini.

175. Kerja² peranchangan Ibu Kota telah di-serahkan kepada Jabatan Peranchangan Bandar dan Kampong Persekutuan dan Jabatan ini telah dapat memberi perkhidmatan² yang chekap kepada Pesuruhjaya Ibu Kota mengenai kerja mengawal pembangunan dan menyediakan pelan² pembangunan.

176. Satu Pelan Besar untuk Ibu Kota hampir² siap dan ada-lah di-harapkan pelan itu akan dapat di-pamerkan kepada orang ramai pada penghujung tahun ini supaya mereka dapat membuat apa² tegoran sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh undang² sekarang ini. Pelan besar ini akan menunjukkan pembangunan yang akan di-buat pada masa hadapan.

177. Beberapa penyelidekan telah pun di-jalankan oleh Jabatan ini mengenai undang² peranchangan dan ada-lah di-harapkan undang² peranchangan yang baharu serta lebeh sempurna lagi akan dapat di-adakan tiada berapa lama lagi.

178. Jabatan Peranchangan Bandar dan Kampong dengan kerjasama Lembaga Perumahan telah memilih tapak² yang sesuai dan membuat ranchangan pada 'am-nya bagi mengadakan rumah² murah di-beberapa tempat dalam negeri ini. Tapak² ranchangan rumah murah itu telah pun di-kaji dari segi kebajikan ekonomi dan sosial untuk bakal penduduk²-nya. Dalam kerja mengator kawasan² perumahan itu bantuan telah di-beri oleh Jabatan ini bagi mendapatkan chara yang baharu dalam meranchang dan menentukan tapak² bangunan, tapak² sekolah yang sesuai dan padang² permainan yang baik serta selamat.

179. Di-dalam Ibu Kota, Jabatan ini dengan kerjasama Jabatan Akitek Majlis Perbandaran sedang menyiasat tapak² yang sesuai untuk menjalankan projek² perumahan bagi gulungan orang² yang berpendapatan pertengahan. Perangkaan sedang di-kumpulkan dan di-kaji bagi menentukan sa-takat mana-kah kekurangan perumahan bagi gulungan² orang yang berpendapatan pertengahan di-Ibu Kota ini.

180. Satu sekim perintis telah pun di-sediakan untuk pembangunan sa-mula kawasan pusat bandar Kuala Lumpur. Satu tapak, yang 80% daripada luas-nya ia-lah tanah Kerajaan Negeri, telah pun di-pilih. Sekim sa-umpama ini memerlukan satu pembangunan sa-mula yang menggunakan dengan sa-penoh-nya kawasan itu. Surohanjaya Ibu Kota Persekutuan sedang mengkaji sekim itu.

181. Dalam bidang pembangunan luar bandar pula, kerjasama ada-lah di-beri kepada pakar² yang menjalankan kerja mengenai Rancangan² Kemajuan Tanah yang terbesar sa-kali sekarang ini ia-itu Rancangan Jengka di-Pahang. Jabatan ini juga sedang merancang hendak mengadakan kampung² tempat tinggal di-sekitar Complex Kulai di-Johor. Tujuan rancangan ini ia-lah untuk mengadakan lima buah kampung tempat tinggal yang terator sa-kali bagi 2,000 keluarga. Jabatan ini telah mencapai kejayaan besar dalam membantu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan mengkaji kemajuan tanah sekarang ini dan menyusun sa-mula darjah² pembangunan dan chara² melaksanakan-nya. Sa-hingga sekarang ini, Jabatan ini telah melaksanakan sa-banyak 61 buah kampung tempat tinggal yang terator dalam projek² Lembaga itu di-seluruh Tanah Melayu.

PERKHIDMATAN BOMBA

182. Juma'ah Pemereksa Perkhidmatan Bomba bersama² dengan Jabatan Pertahanan 'Awam telah menubuhkan Perkhidmatan Bomba Tambahan dalam semua negeri di-Malaysia untuk membantu perkhidmatan bomba biasa, terutama sa-kali untuk melawan kebakaran² yang mungkin berlaku akibat malapetaka atau tindakan musuh. Ahli² Perkhidmatan Bomba Tambahan sedang di-lateh oleh perkhidmatan bomba biasa dan sekarang ini mereka sudah chekap. Perkhidmatan Bomba Tambahan telah di-lengkapi dengan kereta² bomba dan "command cars" yang menjadi alat² tambahan kepada perkhidmatan bomba biasa.

183. Juma'ah ini sedang mengambil langkah untuk mengadakan sa-buah Sekolah Latehan Bomba yang moden dengan alat² kelengkapan yang terbaharu sa-kali bagi melateh ahli² bomba pada semua peringkat dari seluroh Malaysia. Kawasan untuk sekolah tersebut telah pun di-perolehi dan pelan² sedang di-sediakan. Sekolah ini juga akan mengadakan persiapan bagi melateh pekerja² dari gudang² perusahaan yang besar² supaya kilang² ini mempunyai anggota yang chukup terlately dan chekap menggunakan alat² pemadam api yang telah di-sediakan bagi perlindungan diri mereka.

PERUMAHAN

184. Tahun 1965 ada-lah tahun yang penting sa-kali bagi rancangan rumah murah kerana dalam tahun ini-lah rancangan yang terhad yang bermula pada tahun 1960 itu telah tamat, dan bermula pula satu perkembangan baharu dalam pembangunan perumahan. Satu rancangan baharu yang tegas dan luas telah pun di-sediakan dengan reka² bentok yang moden dan di-jalankan di-tempat² rumah² murah yang sangat² di-kehendaki oleh ra'ayat. Dalam tahun 1965/1966, 52 buah projek perumahan telah di-luluskan mengandongi sa-banyak 24,351 unit dan memakan modal lebeh dari 114 juta ringgit. Projek² ini mengandongi rancangan² besar saperti 4,838 unit bagi peringkat pertama rancangan perumahan di-Wardieburn Estate, hingga-lah kepada 25 unit rumah di-Bukit Kepong Muar. Rancangan ini boleh di-sifatkan sa-bagai pembangunan peringkat pertama dalam rancangan perumahan Malaysia yang di-perhebatkan. Dalam tahun 1965 hingga awal tahun 1966, sa-banyak 8,472 unit rumah yang di-biayai sa-chara langsung atau tidak langsung oleh Kerajaan telah di-laksanakan sa-laras dengan pembangunan yang di-ranchangkan itu.

185. Kebanyakan daripada rancangan yang baharu ini di-tumpukan di-dalam bandar Kuala Lumpur. Salah satu perkara yang menarik perhatian dalam rancangan yang ada sekarang ini ia-lah chadangan hendak menggunakan teknik pembangunan sa-chara perusahaan yang akan di-jalankan dalam tiga buah projek perchubaaan. Tujuan utama-nya ia-lah hendak mengubah perusahaan pembangunan chara lama kerana dengan menggunakan teknik yang demikian, negeri² lain telah membuktikan yang rumah² pangsa yang bertingkat² itu dapat di-bena lebeh chepat lagi, serta harga-nya boleh di-kurangkan hampir 20%.

Sa-lain daripada ranchangan² perumahan yang telah di-luluskan oleh Kementerian ini ada beberapa buah lagi projek perumahan yang di-dalam pertimbangan-nya. Butir² mengenai sa-bahagian daripada ranchangan itu sedang di-kaji sekarang ini dan sa-bahagian lagi maseh di-tunggu² daripada Kerajaan Negeri.

186. Tujuan utama Kerajaan ia-lah hendak mengujudkan satu chorak demokrasi di-mana mereka yang belum memiliki harta dapat memiliki harta, dari gulungan ra'ayat yang rendah dan berpendapatan kechil sa-kali hingga-lah ka-gulungan atas. Perkara yang menarek perhatian dalam ranchangan Kerajaan itu ia-lah mengadakan sekim penempatan² sa-mula bagi kaum nelayan di-sapanjang pantai di-Telok Bahang, Pulau Pinang, yang bakal di-jadikan sa-bagai chontoh bagi sekim² saperti itu. Beberapa sekim saperti itu di-Trengganu dan juga lain² negeri telah di-luluskan.

187. Kementerian ini telah juga melancharkan satu ranchangan baharu bagi pekerja²-nya dalam bidang perumahan. Kerajaan berchadang hendak meruntuhkan rumah² pekerja yang lama dan burok itu dan kemudian-nya di-bena pula bangunan² rumah pangsa yang bertingkat² yang moden bagi menempatkan pekerja² itu sendiri dan juga orang ramai. Rumah² pangsa ini akan di-lengkapi dengan kemudahan² moden bagi kesenangan penduduk²-nya. Ada tiga tujuan besar maka Kerajaan mengadakan ranchangan baharu ini, ia-itu tanah² yang berharga itu dapat di-gunakan dengan lebeh berfaedah lagi, bagi menyediakan rumah² yang chukup besar dan moden untuk buroh² yang bekerja dengan Kerajaan dan Penguasa² Tempatan dan juga memberi rumah² kepada orang ramai dari gulungan yang berpendapatan kechil. Projek yang pertama bagi maksud ini telah pun di-mulakan di-Jalan Shaw, Kuala Lumpur, dan ada-lah di-harapkan akan dapat melaksanakan projek yang dua lagi itu di-Bungsar dan Sentul. Sa-buah Jawatan-kuasa telah pun di-bentok untuk mengkaji perkara ini lebeh lanjut lagi supaya dapat projek² yang sa-rupa ini di-jalankan dengan Kementerian² yang lain di-Kuala Lumpur dan di-lain² tempat di-seluruh Malaysia ini.

188. Dalam bidang undang² pula, Dewan Ra'ayat telah pun meluluskan Rang Undang² (Mengawal dan Melesen) Sharikat² Pembena Perumahan. Satu lagi Rang Undang² sedang di-selenggarakan untuk menubuhkan Lembaga Perumahan dan Pembangunan Pusat sa-bagai alat yang lebeh berkesan dan sempurna dalam melaksanakan ranchangan perumahan Kerajaan. Ada-lah di-harapkan tidak lama lagi Kerajaan akan dapat mengeluarkan satu penyata yang akan menentukan darjah rumah yang sa-rendah²-nya yang akan di-ikuti oleh Kerajaan dalam pembenaan rumah murah-nya.

189. Tujuan jangka panjang Kerajaan ia-lah hendak membolehkan Lembaga Perumahan itu berdiri dengan sendiri-nya tanpa mendapat puncha peruntukan²-nya daripada Kerajaan bagi melaksanakan ranchangan perumahan-nya. Sa-balek-nya, Lembaga itu hendak-lah menchari puncha² dan chara² yang lain bagi membiayai-nya dan Kerajaan sedang mengkaji masaalah ini sekarang.

190. Sa-lain daripada mengendalikan ranchangan rumah murah, Kementerian ini menjadi saluran pinjaman wang sa-banyak 10 juta ringgit kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Pegawai² Kerajaan untuk membantu Sharikat itu di-dalam ranchangan perumahan-nya dan juga memberi wang pendahuluan sa-banyak \$425,000 dari jumlah wang pinjaman sa-banyak dua juta ringgit kapada Sharikat Kerjasama Perumahan Kebangsaan, Singapura supaya membolehkan Sharikat itu membeli rumah² pangsa di-Singapura. Wang pendahuluan yang di-beri kapada Sharikat itu di-beri sa-masa Singapura berada dalam Malaysia lagi. Ini ada-lah babak permulaan yang sederhana dalam lapangan perumahan untuk gulungan yang berpendapatan pertengahan dan maseh banyak lagi masaalah yang hendak di-selesaikan lagi.

191. Khusus-nya, Kementerian ini ada-lah bertanggung-jawab atas ranchangan perumahan murah tetapi jangan-lah di-sifatkan sa-bagai usaha yang tunggal bagi Kerajaan untuk membena rumah². Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan umpama-nya ada membena sa-jumlah besar rumah di-dalam kawasan ranchangan kemajuan tanah-nya dan bagitu juga-lah M.B.B.S., sa-bagai suatu badan di-bawah naungan Kerajaan yang memberi pinjaman wang yang berjumlah 21.61 juta ringgit dalam tahun 1965 bagi membantu ra'ayat dari gulungan yang berpendapatan pertengahan membeli rumah² mereka.

KERAJAAN TEMPATAN

192. Pentadbiran Kerajaan Tempatan di-Tanah Melayu ini tidak-lah berjalan saperti yang di-jangkakan dan ini ada-lah dalam perhatian Kerajaan untuk di-perbaiki kedudukan-nya jika di-fikirkan perlu. Oleh itu sa-buah Surohanjaya di-Raja telah di-lantek untuk menyiasat serta memberi shor² mengenai-nya. Ada-lah di-harapkan bahawa Surohanjaya itu akan dapat mengemukakan penyata dan shor²-nya sa-belum akhir tahun ini.

193. Sa-buah Surohanjaya telah pun di-bentok oleh Kerajaan Negeri Sembilan di-bawah undang² "Commissions of Enquiry Ordinance, 1950" bagi menyiasat atas tuduhan berlaku-nya kecurangan di-dalam Majlis Bandaran Seremban. Surohanjaya itu telah menentukan bahawa perkara² itu sa-benar-nya telah berlaku. Oleh itu Kerajaan Negeri itu telah pun mengambil alih serta mentadbirkan Majlis Bandaran itu sa-hingga shor² Surohanjaya di-Raja bagi menyiasat perjalanan² Penguasa Tempatan itu di-umumkan atau sa-hingga pembatalan pilihan² raya Kerajaan Tempatan itu di-tarek balek. Penyata Surohanjaya di-Raja itu sa-benar-nya telah pun di-bentangkan di-dalam Persidangan Dewan Ra'ayat yang telah lalu.

194. Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan sa-buah Surohanjaya Penyiasat bagi menyiasat apa² pertadbiran atau perbuatan yang tiada mengikut peratoran di-dalam Majlis Bandaran Johor Bahru semenjak Majlis itu menjadi sa-buah Majlis yang berkuasa penuh dalam hal kewangan pada 1hb Januari, 1957. Sementara menantikan penyata dan shor² Surohanjaya itu, Kerajaan Negeri Johor telah mengambil alih pentadbiran Majlis Bandaran Johor Bahru itu mula² daripada 17hb April, 1966.

195. Kerajaan Negeri Johor telah juga mengambil alih pentadbiran Majlis Bandaran Batu Pahat mula² daripada 4hb Mei, 1966. Tindakan ini mustahak kerana Majlis itu tiada dapat menjalankan pentadbiran-nya sa-hari² dengan sempurna, di-sebabkan oleh sa-tengah² ahli²-nya telah berhenti daripada menjadi ahli² Jawatan-kuasa Majlis itu dan juga kerana ahli² yang lain pula tiada mahu menggantikan tempat² ahli² yang telah berhenti itu. Kerajaan Negeri Johor akan terus mentadbirkan Majlis itu sa-kurang²-nya hingga di-ketahui butir² penyata Surohanjaya Penyiasat di-Raja yang menyiasat perjalanan penguasa Tempatan atau hingga penanggoan kepada Pilihan Raya Kerajaan Tempatan di-tarek balek; ia-itu mana satu yang terlebih dahulu.

PEMBANGUNAN DAN KERJA² KECIL DALAM KAWASAN² MAJLIS TEMPATAN

196. Bagi membantu Majlis Tempatan dalam bidang pembangunan-nya, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan telah memberi bantuan wang terus kepada beberapa Majlis Tempatan untuk menyelenggarakan projek² kecil di-dalam kawasan-nya. Projek² yang mendapat pertimbangan keutamaan dari Kementerian ini ia-lah bekalan ayer, perkhidmatan² kesihatan, jalan², pasar² dan balai² raya.

PESUROHJAYA IBU KOTA

197. Dalam masa sa-tahun yang lalu perhatian yang besar telah pun di-berikan kapada perkara memajukan Ibu Kota supaya ia menjadi kemegahan negara dan sesuai sa-bagai Ibu Kota Malaysia.

198. Sa-jumlah besar wang telah di-belanjakan bagi memperbaiki sistem jalan² raya dan dalam tempoh 5 tahun yang akan datang ini lebeh kurang 25 juta ringgit akan di-belanjakan bagi mengurangkan masaalah lalu-lintas.

199. Kerja² sa-chara besar²an telah juga di-jalankan untuk meluaskan pem-betongan menyalorkan najis hingga sampai ka-beberapa bahagian lain di-Ibu Kota.

200. Dengan mengekalkan taraf kesihatan yang tinggi itu maka tidak ada wabak² penyakit telah berlaku di-dalam kawasan Ibu Kota.

201. Bagi mengatasi masaalah penjaja² di-bandar Kuala Lumpur, Pesurohjaya telah menetapkan hendak mendirikan "Emporia" untuk penjaja² itu. Dua dari-pada emporia itu akan di-bena dalam tahun ini, satu di-Jalan Sekolah yang mana akan di-satukan dengan perhentian bas, dan yang lagi satu itu akan di-bena di-Jalan Haji Hussein yang di-khaskan untuk penjaja² sahaja.

202. Dalam lapangan perumahan pula, sa-banyak 674 unit rumah yang berharga murah telah pun selesai di-bena. Pelan² sedang di-sediakan untuk membena rumah² yang berharga murah di-Jalan Shaw, Wardieburn Estate, Jalan Sungei Besi, Jalan Cheras, Jalan Pekeliling, Jalan Loke Yew, Jalan Bungsar dan Jalan Sentul. Sa-jumlah 14,987 unit rumah pangsa akan di-bena dengan anggaran perbelanjaan-nya sa-banyak \$80,590,000 dalam masa ranchangan Malaysia Yang Pertama bagi tahun 1966-70.

203. Dalam perkara ini, kajian sedang di-jalankan terhadap penompang² tanah (squatters) di-dalam bandar Kuala Lumpur. Kajian ini ada-lah besar erti-nya oleh sebab ini-lah julong kali-nya di-jalankan pengajian mengenai perkara pekerjaan, pendapatan, perumahan dan beberapa lagi perkara yang bersangkutan paut dengan penompang² tanah.

KEMENTERIAN KERJA RAYA, POS DAN TALIKOM

A. JABATAN KERJA RAYA

204. Sa-belum tamat tahun 1965 Jabatan Kerja Raya telah berjaya melaksanakan ranchangan² di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima-Tahun Yang Kedua, 1961-1965. Satu lagi kejayaan Jabatan ini yang besar dalam tahun 1965 ia-lah semua pegawai² dagang telah di-gantikan dengan pegawai² Malaysia.

205. Jalan² raya yang di-bena dalam tahun 1965 berjumlah lebeh kurang 235 batu dan ini menjadikan jalan raya yang di-bena di-kawasan luar bandar dalam masa melaksanakan Ranchangan 1961-1965 itu berjumlah kira² 2,080 batu. Kerja² mengelokkan jalan² raya telah juga di-buat di-tempat² yang mustahak oleh kerana lalu-lintas bertambah banyak.

206. Peri (ferry) yang penghabisan di-Pantai Timor, ia-itu di-Kuala Trengganu, tiada di-pakai lagi kerana sa-buah jambatan berikat semen telah di-bena bagi menggantikan-nya. Sa-buah jambatan telah juga siap di-bena di-Prai. Kerja membena jambatan di-Batu Pahat dan di-Muar dan ampangan di-Juru sedang di-jalankan dan patut siap sa-belum akhir tahun hadapan. Kerja membena jalan terus dalam kawasan Kuala Lumpur sa-makin banyak yang siap dan dalam tahun

ini di-jangka jalan berkembar daripada lengkongan Jalan Swettenham/Jalan Parlimen ka-Jalan Maxwell dan Segambut akan siap untok di-buka kapada lalu-lintas.

207. Kerja membena Lapangan Terbang Antarabangsa yang baharu di-Subang telah siap dan Lapangan Terbang itu mula di-gunakan dalam bulan September. Landasan-nya ia-lah yang terpanjang sa-kali di-Tenggara Asia.

208. Tiga buah bekalan ayer yang besar telah di-siapkan dalam tahun 1965 ia-itu Bekalan Ayer Damansara, Bekalan Ayer Sabak Bernam dan Bekalan Ayer bagi Lapangan Terbang Antarabangsa dan kerja membena sembilan buah lagi bekalan² ayer yang besar ada-lah sedang berjalan dengan baik-nya ia-itu di-Alor Star, Dindings, Selatan Perak, Kinta, Seremban, Temerloh, Kuala Lumpur, Ulu Selangor dan Semenyih.

209. Bekalan ayer yang tetap dan yang di-buboh ubat telah di-bena bagi lapan buah Ranchangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan penyiasatan sedang di-jalankan untok menchari puncha² baharu bagi bekalan ayer Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

210. Ranchangan Pembangunan Pelajaran yang di-usahakan daripada tahun 1964 yang memakan belanja sa-banyak 68.2 juta ringgit telah siap dalam tahun 1965. Sa-lain daripada itu kemajuan yang memuaskan hati telah di-chapai pada melaksanakan Ranchangan baharu tahun 1965 yang memakan belanja sa-banyak 46.59 juta ringgit. Kebanyakan belanja itu ada-lah bagi mendirikan Sekolah² Menengah Rendah Anika Jurusan.

211. Sa-lain daripada menjalankan kerja² memperbaiki bangunan² tentera, Jabatan Kerja Raya telah menjalankan kerja² bagi projek² pertahanan di-Negeri² Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura. Pada akhir tahun 1965 bangunan² bagi Pasokan Jurutera dan setor² di-Batu Cantonment, Kuala Lumpur telah siap di-bena dan bangunan² alat teknik dan rumah² tempat kediaman telah juga di-siapkan di-Taiping, Mentakab, Sungei Besi, Garrison Port Dickson, Majidee Barracks di-Johor dan Pengkalan Angkatan Laut di-Singapura. Bangunan² perengkat yang pertama bagi Rangers Depot di-Kuching dan Bangunan Angkatan Laut di-Labuan boleh di-katakan telah siap.

212. Sa-banyak 761 buah rumah telah di-dirikan. Kebanyakan-nya ia-lah bagi pekerja² dan pegawai² yang bergaji rendah. Bagi Jabatan Perubatan pula, sa-banyak 70 buah klinik serta rumah bidan, 11 buah Pusat Kesihatan Bandar dan 3 buah Jabatan Rawatan-luar (Outpatient Department) telah di-siapkan.

213. Sa-buah Pejabat Pos besar dan Ibu Pejabat Bahagian di-Kuala Trengganu dan lima buah Pejabat Pos kecil telah juga di-siapkan.

214. Di-Kuala Lumpur 6 Bangunan Pejabat telah di-bena dan ini melapangkan sedikit kekurangan pejabat² di-Ibu Kota ini.

B. JABATAN PERKHIDMATAN POS

215. Jabatan Perkhidmatan Pos telah dan akan terus menjalankan tugas-nya bagi menunaikan kehendak ra'ayat supaya di-perbanyakkan lagi kemudahan² Pos. Pada tahun 1965, tiga buah bangunan Pejabat² Pos telah di-bena dan di-buka ia-itu di-Ringlet dan Benta di-Pahang dan Pantai Remis di-Perak. Sa-buah Pejabat Pos telah di-buka di-Lapangan Terbang Antarabangsa Subang, Selangor. Sa-lain daripada itu, kerja membena enam buah Bangunan Pejabat Pos baharu di-Kuala Trengganu dan Kemaman dalam Negeri Trengganu, Bota dan Manong di-Perak, Masjid Tanah di-Melaka dan Johol di-Negeri Sembilan telah di-mulakan. Keenam² Pejabat Pos baharu ini akan siap di-buka pada tahun ini.

216. Pada tahun 1966 ini kerja bagi membena 7 buah Pejabat Pos baharu akan di-mulakan. Pejabat² Pos itu ia-lah di-Klang Utara, Kapar, Sungei Buloh dan Jalan Semangat, Petaling Jaya di-Selangor, Kuala Perlis, Ulu Tiram di-Johor dan Sungei Petani di-Kedah. Ada-lah di-harap juga bahawa kerja untuk membena sa-buah Ibu Pejabat Bahagian di-Seremban akan di-mulakan dan kerja meminda dan membesarkan dua buah Pejabat Pos yang ada sekarang akan di-jalankan.

217. Empat puluh buah Perwakilan Pos telah juga di-buka di-merata² tempat di-Negeri ini dalam tahun 1965 dan 5 buah Pejabat Pos Berkereta telah di-lancharkan. Empat buah lagi Pejabat² Pos Berkereta akan di-beli untuk membawa Perkhidmatan Pos ka-kawasan² luar bandar dan 30 buah Perwakilan Pos lagi akan di-buka di-merata² tempat di-Negeri ini.

218. Pada hujung tahun 1966 ini di-jangka 233 buah Pejabat Pos, 60 buah Pejabat Pos Berkereta dan 548 buah Perwakilan Pos akan memberi kemudahan² Pos di-Negeri² Tanah Melayu ini.

C. JABATAN TALIKOM

219. Kerajaan akan terus menambah perkhidmatan perhubungan talipon, taligerap dan sa-bagai-nya, bukan sahaja di-Malaysia, tetapi juga dengan lain² negeri. Kebal SEACOM telah di-sambong lagi dari Hong Kong sampai ka-Guam dan persiapan sedang di-perbuat untuk menyambong kebal ini dari Guam ka-Cairns di-Australia. Kebal ini apabila sudah siap akan membolehkan perhubungan talipon dan taligerap yang chukup baik dengan negeri Australia dan negeri² di-sabelah Barat.

220. Penyiasatan telah di-perbuat untuk mengadakan perhubungan ka-negeri² di-Pantai Timor, ia-itu Pahang, Trengganu, dan Kelantan dengan memakai Sistem Gelombang Seni (Microwave). Perkakas² untuk sistem ini telah di-pesan. Kerja menyediakan tapak steshen² sistem ini di-bukit² telah di-mulakan.

221. Perkhidmatan talivishen telah sampai sekarang ka-Kangar dengan menggunakan perkakas yang tetap. Perkhidmatan ini akan di-sambongkan ka-Pantai Timor apabila sahaja Sistem Gelombang Seni ka-Pantai Timor itu telah siap.

222. Pelan hendak menggantikan sistem talipon yang memakai opereter dengan Sistem Talipon Otomatik di-Kuantan, Kuala Trengganu dan Kota Bharu telah siap sekarang.

223. Kerja telah di-mulakan untuk menambah perkakas talipon untuk 11,000 talipon di-kawasan Kuala Lumpur. Kerja ini di-jangka akan siap pada awal tahun ini. Apabila siap, Jabatan ini dapat-lah memberi talipon kepada mereka yang sedang menunggu. Sa-lain daripada itu, kerja menambah perkakas² di-Ibu Sawat Pulau Pinang, Melaka, Sungei Petani dan Kuala Lumpur telah siap.

224. Usaha hendak memperbaiki kemudahan² talikom antara Malaysia Timor dengan Malaysia Barat sedang di-jalankan. Jabatan ini telah menyiapkan penyiasatan untuk mengetahui kemungkinan mengadakan sistem troposcatter antara Gunong Pulau di-Johor dengan Bukit Serapi di-Kuching. Hasil penyiasatan itu telah memberi puas hati dan Kerajaan berchadang hendak melaksanakan rancangan ini supaya hubungan talipon dan taligerap yang baik boleh di-dapati antara Sarawak dengan Malaysia.

PERKHIDMATAN POS DAN TALIKOM, MALAYSIA TIMOR

PERKHIDMATAN POS

225. Tiga belas buah Perwakilan Pos telah di-buka dalam tahun yang lalu di-kawasan² luar bandar. Sa-betul-nya lima belas buah Perwakilan telah di-tubuhkan, tetapi wakil² yang hendak menguruskan Perwakilan di-Mesapol dan

di-Sepulot telah menarek balek kesanggupan mereka hendak menguruskan perwakilan itu sa-belum sampai tarikh pembukaan yang di-tetapkan. Pada akhir tahun itu enam buah lagi Perwakilan Pos sedang di-tubuhkan.

226. Sa-buah Pejabat Pos baharu telah di-adakan di-dalam bangunan Lapangan Terbang Jesselton dan telah di-buka pada 3hb Januari, 1966.

227. Dua buah Pejabat Pos Berkereta telah di-dapati dan satu daripada-nya telah mula di-gunakan untuk memberi perkhidmatan di-Sandakan pada akhir tahun 1965. Kereta yang sa-buah lagi itu mula di-gunakan di-Jesselton pada 3hb Januari, 1966.

228. Kerja membenas sa-buah bangunan Pejabat Pos baharu di-Tanjong Aru, Jesselton telah banyak yang siap pada akhir tahun lalu.

229. Lapan lagi chara penyampaian dengan Posmen telah di-adakan; empat bagi kawasan berhampiran dengan bandar Jesselton, satu bagi kawasan dalam bandar dan satu bagi kawasan berhampiran bandar Sandakan dan dua bagi kawasan bandar dan kawasan berhampiran bandar Tawau.

230. Waktu bekerja di-Pejabat Pos Jesselton telah di-tambah ia-itu daripada pukul 8 pagi hingga pukul 12.30 tengah hari dan dari pukul 1.45 petang hingga pukul 5 petang pada tiap² hari Ithnin sampai hari Juma'at dan dari pukul 8 pagi hingga pukul 12.30 tengah hari pada tiap² hari Sabtu.

231. Wang Pos Malaysia dan Jawapan Kupon Commonwealth dan Antara-Bangsa telah mula di-keluarkan dan di-bayar di-semua Pejabat² Pos dan beberapa Perwakilan Pos.

232. Pejabat Pos Jesselton telah banyak di-ubah binaan-nya kerana hendak mengadakan tempat yang sa-habis besar yang boleh bagi peti² surat bersendirian dan meluaskan tempat menguruskan bungkusan² pos daripada luar negeri.

233. Jabatan Perkhidmatan Pos Sarawak terus meningkat maju. Dalam tahun 1965 dua buah Pejabat Pos baharu telah di-adakan, sa-buah di-Ng Medamit dalam Bahagian Ka-empat dan sa-buah lagi di-Padungan, Kuching. Sa-buah bangunan baharu untuk Pejabat Pos dan Ibusawat Otomatik telah di-siapkan di-Simanggang. Di-kawasan² luar bandar 31 buah Perwakilan Pos telah di-buka dan 10 orang lagi penjual setem telah di-lantek. Perkhidmatan² mel udara ka-Sarawak Utara telah bertambah baik semenjak M.A.L. mengadakan penerbangan pada tiap² hari.

234. Dalam tahun 1966 ada chadangan² untuk meluaskan perkhidmatan² pos di-kawasan² luar bandar dengan melantek Perwakilan² Pos lagi, dan memper-baiki lagi perkhidmatan² penyampaian di-kawasan berhampiran bandar dengan menambah kakitangan lagi. Dua buah bangunan Pejabat Pos/Ibusawat Talipon sedang di-ranchangkan bagi Lawas dan Lundu.

PERKHIDMATAN TALIKOM

235. Kerja memasang Ibusawat yang baharu yang mempunyai 2,000 talian di-Sandakan telah pun siap dan kerja meranchangkan dengan lengkap butir² bagi menyambong Ibusawat Labuan telah selesai. Tapak² untuk Ibusawat² baharu di-tiga buah bandar telah pun di-dapati dan kerja² reka-bentuk bangunan² bagi ibusawat² itu telah di-jalankan dengan memuaskan hati. Perkhidmatan dua buah ibusawat otomatik luar bandar telah di-lancharkan di-Abaca dan Tenom dan sambongan² kapada tiga buah lagi ibusawat² otomatik luar bandar telah siap dan di-gunakan. Kerja memasang dua buah P.A.B.X. 200 talian di-Labuan dan Tawau telah di-mulakan.

236. Talian² hubungan yang utama (main trunk routes) di-Sabah telah di-elokkan dengan menambah kuasa pemancar² radio dan memasang "low loss feeders". Butir² (specifications) telah di-siapkan dan tawaran² telah di-jemput bagi menyelidek jalan micro-wave bagi menyambung perhubungan bandar² besar di-Sabah. Perancangan, tender dan tempahan satu "ropeway" kebel telah di-siapkan untuk perjalanan ka-steshen pengulang besar (main repeater station) Jabatan ini di-Gunong Kinabalu yang tinggi-nya 7,500 kaki. Steshen itu di-jangka akan siap pada penghujung tahun 1966. Sa-buah puncha steshen radio yang baharu telah di-siapkan di-Jesselton dan alat hubungan besar di-Sabah akan di-tempatkan di-steshen itu. Perancangan² yang lengkap telah siap bagi memasang hubungan yang lebih baik lagi dalam tahun 1966 ka-bandar² besar yang menggunakan teknik² S.H.F. dan V.H.F. Beberapa saloran² penyambung tunggal V.H.F. (Single channel V.H.F. links) telah di-pasang di-kawasan Sandakan. Litar (circuit) H.F. I.S.B. telah di-gunakan bagi perkhidmatan siang dan malam.

237. Perkhidmatan taligrap di-Sabah telah di-perbaiki dengan mengadakan dua buah pejabat taligrap di-Jesselton dan dengan mengumpulkan semua litar di-dalam pejabat ini. Saloran² V.F.T. telah di-adakan lagi pada beberapa jalan dan semua alat penerima H.F. telah di-pasang dengan alat² baharu. Perkhidmatan dari kapal ka-pantai di-Jesselton telah di-jalankan untuk 24 jam sa-hari. Perkhidmatan Telex telah di-mulakan di-Jesselton dan nampak-nya perkhidmatan ini akan di-luaskan dalam tahun 1966.

238. Perancangan yang lengkap dan pemesanan bahan² telah siap di-buat untuk sekim² kebel pembahagian di-Jesselton dan Sandakan dan sambongan² kecil kepada sekim² yang sedia ada telah juga siap di-kawasan² ibusawat yang besar dan yang kecil dengan menggunakan kebel plastik yang halus.

239. Beberapa banyak alat H.F. telah di-pesan untuk sekim² yang telah di-ranchangkan bagi pasokan polis keselamatan, kemudahan² aeradio dan perkhidmatan panggilan radio Jabatan ini di-Sabah. Tanah sedang hendak di-ambil untuk tapak pemancaran H.F. yang baharu yang bertempat 20 batu jauh-nya dari kawasan Jesselton.

240. Beberapa lagi litar ka-luar negeri telah mula di-jalankan dari Ibusawat Jesselton ka-Hongkong melalui kebel SEACOM dan memandangkan tambahan terafik sa-makin banyak maka perlu-lah di-adakan beberapa litar lagi tidak berapa lama lagi.

241. Sa-buah workshop besar yang baharu telah di-ranchangkan bagi Jesselton dan tawaran telah di-keluarkan. Dengan ada-nya workshop besar ini dapat-lah Jabatan Talikom menyelenggarakan perkhidmatan² dengan lebih chekap lagi. Wokshop itu di-jangka akan berjalan dalam tahun 1966.

242. Dalam tahun 1965 tidak berapa banyak kerja² pasang-memasang telah di-jalankan oleh kerana alat² yang telah di-pesan lambat sampai tetapi di-jangka kerja memasang alat² baharu yang berharga sa-banyak 3.0 juta ringgit akan di-jalankan dalam tahun 1966. Kerja² ini ia-lah untuk memperbaiki jalan² hubungan yang besar dan kecil di-Sabah dan menambah kelengkapan ibusawat di-pusat² besar yang ada banyak pelanggan talipon.

243. Masaalah kakitangan di-peringkat kejuruteraan dan juruteknik maseh lagi menjadi satu masaalah yang rumit sekarang ini dan dalam sedikit masa yang akan datang. Jabatan ini telah membuka sa-buah sekolah latehan peringkat rendah bagi kakitangan² Jawatan Rendah dan di-samping itu latehan² juruteknik sedang di-jalankan di-Sekolah Latehan Talikom dan di-Maktab Teknik, Kuala Lumpur.

244. Dasar dan pembangunan bagi masa yang akan datang, seperti yang diranchangkan dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama itu, akan bergantung kepada berapa banyak wang yang boleh di-dapati.

245. Di-Sarawak kerja membena sa-buah bangunan ibusawat 3 tingkat yang baharu di-Kuching telah di-mulakan. Kerja menggantikan talipon² dengan talipon² automatik di-kawasan² luar bandar terus di-jalankan dalam tahun 1965 dengan mengadakan ibusawat bagi 500 talian di-Sarikei, dua buah ibusawat luar bandar bagi 100 talian di-Bau dan Serian, dan dua buah ibusawat bagi 20 talian di-Sebuyau dan Siburan (Batu 18). Sa-buah Ibusawat P.A.B.X. bagi 200 talian telah juga di-pasangkan di-bangunan Lapangan Terbang Kuching dan peringkat pertama dalam panggilan sambongjauh terus (subscriber trunk dialling) telah di-gunakan di-Sibu, Kanowit, Binatang dan Sarikei.

246. Jalan² besar dan chabang sambongjauh menggunakan radio telah diperbaiki dan di-tambah lagi dengan memasang alat² litar 9—saloran untuk Kuching-Serian, Kuching-Sebuyau-Simanggang, Sibu-Dalat-Kukah, dan Miri-Marudi. Beberapa sambongan saloran tunggal V.H.F. telah di-perbesarkan untuk mengelokkan lagi perkhidmatan² di-luar bandar dalam Bahagian 2, dan litar² tambahan di-pasang di-antara Serian dengan Balai Ringin.

247. Aeradio dan perkhidmatan H.F. kapal laut telah di-perbaiki dengan memasang pemancar² baharu di-Kuching dan Miri, dan sa-buah steshen radio di-Long Semado.

248. Perkhidmatan panggilan radio bagi pelanggan² di-luar bandar telah ditambah lagi dengan membuka sa-buah steshen di-Limbang. 12 pelanggan baharu telah di-terima dalam tahun 1965 menjadikan semua-nya 60 pada penghujung tahun itu.

249. Jabatan Talikom terus menjalankan kerja menyenggara alat² radio Jabatan Polis dan menambah dan menyusun sa-mula rangkaian²-nya. Ranchangan² lengkap telah di-sediakan untuk menggunakan V.H.F. dengan lebih luas lagi dalam Bahagian Yang Pertama, Kedua dan Kelima.

250. Dalam tahun 1966, kerja memajukan lagi perkhidmatan talikom di-Sarawak akan di-teruskan dengan sa-berapa giat yang boleh walau pun ada kerumitan kerana kekurangan kakitangan. Kerja² melateh kakitangan tempatan akan di-jalankan dengan lebih giat lagi dengan menghantar lebih ramai lagi pegawai² ka-Tanah Melayu dan ka-luar negeri, walau pun tindakan ini akan menambahkan lagi kekurangan pegawai² buat masa ini.

251. Kerja memasang sa-buah ibusawat dengan 4,000 talian akan di-mulakan di-Kuching. Kawasan² luar bandar akan mendapat faedah apabila di-besarkan lima buah ibusawat automatik dan di-ganti sa-buah ibusawat bateri pusat dengan ibusawat automatik luar bandar. Empat sekim pembahagian kebel bawah tanah yang baharu telah di-ranchangkan dan kerja² menambahkan lagi kebel² itu akan di-jalankan di-sembilan buah pekan kecil dan tiga buah pekan besar.

252. Hubungan sambongjauh di-dalam dan di-luar negeri ada-lah terhad di-seluruh negeri kerana tidak ada jalan hubungan sambongjauh yang baik. Dari-pada jumlah wang yang terhad maka Jabatan ini berchadang hendak mengelokkan lagi tapak pengulang (repeater site) bagi bahagian jalan sambongjauh antara Kuching dengan Sibu dan memperbaiki perkhidmatan H.F. Kuching-Singapura dengan "aerial" moden yang kuat tenaga-nya.

253. Satu tapak pemancar H.F. yang baharu di-Miri akan di-majukan lagi supaya perhubungan² radio antara kapal² di-laut dengan pantai lebih baik dan satu tapak V.O.R. Suar bagi Lapangan Terbang Kuching akan juga di-majukan. Kemudahan² Telex akan di-tambah lagi dan sa-buah pusat perhubungan akan di-pasang bagi Jabatan Polis di-Kuching.

KEMENTERIAN KESIHATAN

254. Sa-lama ini tujuan utama Kerajaan ada-lah meninggikan darjah kesihatan orang ramai. Kementerian Kesihatan bukan sahaja mengambil berat supaya berkurangan orang mati dan penyakit² tetapi juga mengambil berat supaya kesihatan orang ramai sentiasa dalam keadaan yang sa-baik²-nya. Untuk menchapai tujuan ini kerja² memperbaiki dan memperluaskan kemudahan² dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan terus di-titek beratkan.

255. Keadaan kesihatan orang ramai 'am-nya ada-lah bertambah baik. Angka kematian dalam tahun 1964 ia-lah 8.1 bagi tiap² sa-ribu orang penduduk, berbanding dengan 8.9 bagi tahun 1963. Angka kematian kanak² juga telah berkurangan ia-itu 48 bagi tiap² sa-ribu orang kanak² yang lahir hidup dalam tahun 1964, berbanding dengan 57 dalam tahun 1963. Angka bagi tahun 1964 itu ada-lah kurang sa-banyak 34% dan 36%, daripada angka² kematian dalam tahun 1957.

256. Langkah² mengawasi kesihatan dan projek² baharu yang di-lancarkan dalam tahun 1961-65 telah memberi bekas dan menyebabkan keadaan kesihatan di-Negeri² Tanah Melayu bertambah baik. Oleh kerana Kementerian ini telah mengambil langkah² yang sesuai dengan segera maka tiada-lah berlaku wabak² penyakit menjangkit walau pun pada masa kechemasan saperti dalam masa bah di-Pantai Timor pada penghujung tahun yang lalu.

257. Antara penyakit² menjangkit, penyakit taun maseh lagi di-dapati di-Timor Jauh dan Asia Tenggara. Di-Malaysia 16 orang telah mendapat penyakit taun dalam tahun 1965. Sa-orang di-Ibu Kota Persekutuan telah di-nyatakan mendapat penyakit ini. Oleh kerana orang sakit itu lekas di-ubat dan di-asingkan dan oleh kerana langkah² kesihatan dan pendidekan kesihatan telah di-jalankan dengan bersungguh² maka tiada-lah berlaku wabak taun di-Kuala Lumpur.

258. Penyakit batok kering yang pada satu masa dahulu menjadi anchaman yang besar kapada kesihatan orang ramai, sekarang dapat di-kawal dengan terator dan chergas di-bawah Ranchangan Mengawal Penyakit Batok Kering Negara. Kementerian ini menjalankan kempen yang telah di-shorkan oleh WHO ia-itu mengadakan rawatan di-luar rumah sakit, menchuchokkan B.C.G. dan menchari dan merawat mereka² yang berbahaya. Kempen ini di-teruskan dalam Ranchangan Malaysia Pertama dengan mendirikan lagi beberapa buah pusat dan kelinik untuk meluaskan lagi perkhidmatan ini.

259. Di-Malaysia Barat, usaha² bagi kempen ini di-jalankan di-21 buah kelinik batok kering dan 9 pusat batok kering Negeri, di-bawah arahan Pusat Batok Kering Negara di-Kuala Lumpur. Jumlah kakitangan kesihatan, penolong makmal, pekerja² X-ray dan lain² kakitangan dalam kempen ini tidak kurang daripada 1,100 orang.

260. Semenjak kempen ini di-lancarkan pada tahun 1961, tidak kurang daripada dua juta orang telah di-rawat melalui berbagai² usaha-nya. Bagi tahun 1966, sa-banyak 2.7 juta ringgit ada-lah di-sediakan bagi perkhidmatan ini.

261. Kerajaan telah menyempurnakan Ranchangan Panduan Pembasmian Malaria pada tahun 1963. Ranchangan ini memberi Kementerian Kesihatan pengetahuan tentang chara² yang sesuai bagi menjalankan ranchangan negara untuk pembasmian malaria. Walau bagaimana pun ma'alumat² lebih lanjut yang berkehendakkan penyiasatan² mengenai penduduk² dan nyamok² mustahak di-perolehi sa-belum satu kempen dapat di-adakan dengan jaya. Penyiasatan itu di-jangka akan tamat pada pertengahan tahun 1967. Negeri² Sabah dan Sarawak telah pun melancarkan ranchangan pembasmian-nya beberapa tahun yang lalu dengan bantuan WHO.

262. Mustahak di-tegaskan bahawa sunggoh pun malaria sudah berkurangan di-kawasan² bandar, penyakit ini maseh menjadi satu soal yang besar di-kawasan luar bandar di-Malaysia Barat. Oleh kerana sedar akan hal ini, maka Kerajaan berchadang hendak membelanjakan wang lebeh banyak lagi untuk membaiki dan membesarkan perkhidmatan² mencheegah malaria. Sa-hingga ini Kementerian Kesihatan membelanjakan lebeh daripada 5 juta ringgit pada tiap² tahun bagi perkhidmatan² mencheegah malaria di-Negeri² Malaysia Barat.

263. Penyakit puru, yang pada suatu masa sangat berluasan di-antara penduduk² di-tepi sungai dan kawasan luar bandar, pada masa ini sudah berkurangan di-sebabkan oleh ada-nya ranchangan kawalan yang sekarang ini sedang di-tamatkan. Dengan penglaksanaan ranchangan kesihatan luar bandar dan pembenaan berbagai pusat kesihatan, gerakan melawan-puru ini akan di-satukan di-bawah perkhidmatan kesihatan luar bandar.

264. Pada 'am-nya usaha mengawal penyakit untut ada-lah memuaskan dan lama kelamaan penyakit ini tidak akan menjadi masalaah kesihatan lagi, walau pun penyakit ini mungkin maseh ada. Berkenaan dengan penyakit gusta, perasingan mereka² yang mengidap penyakit ini dan rawatan di-rumah sakit gusta ada-lah di-titek beratkan, tetapi konsep yang moden ia-lah mengawal penyakit ini sa-bagai satu masalaah kesihatan. Di-dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Kementerian ini mempunyai ranchangan untuk membuka kelinik² dan kelinik² kechil gusta di-seluruh negeri dengan pertubohan² sukarela memainkan peranan yang penting dalam hal sosial yang berthahit dengan-nya.

265. Kementerian telah memberi perhatian yang istimewa terhadap perkara meninggikan taraf kesihatan orang² luar bandar dalam kedua² Ranchangan Pembangunan Lima Tahun yang mula² itu. Dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama lebeh banyak lagi pusat² kesihatan dan kelinik² bidan akan di-dirikan. Sa-jumlah 39 buah Pusat Kesihatan, 125 buah Pusat Kesihatan Kechil dan 654 buah Kelinik Bidan telah siap di-bena di-Malaysia Barat di-bawah ranchangan kesihatan luar bandar. Perkhidmatan yang akan di-beri di-kelinik² ini ia-lah untok 3 juta orang di-kawasan luar bandar. Perkhidmatan kesihatan luar bandar memberi rawatan kapada ibu² yang mengandung dan bersalin dan berbagai ranchangan penchegehan, kesihatan di-sekolah, pelajaran kesihatan dan tunjok-ajar makanan berzat dan juga ranchangan² kebersehan dan perbekalan ayer yang berseh dan menchukopi. Sa-lain daripada berbagai langkah mencheegah tadi, perkhidmatan menyembuhkan penyakit² juga di-sediakan dengan mengadakan dispensari² dan rawatan gigi. Kesemua pusat² kesihatan dan kelinik² ini akan di-lengkapkan untok memberi perkhidmatan yang chekap.

266. Di-bawah Ranchangan² Pembangunan Lima-Tahun yang lepas Kementerian ini telah juga memberi perhatian terhadap pembenaan rumah² sakit baharu dan mengganti beberapa buah rumah sakit yang lama. Usaha mem-perbaiki, memperbesarkan dan mengelokkan rumah² sakit di-negeri ini telah juga di-jalankan. Beberapa unit baharu yang istimewa telah juga di-bena. Jumlah katil di-rumah² sakit di-Malaysia Barat telah bertambah daripada 21,000 buah pada tahun 1960 kapada 25,000 buah pada awal tahun 1965. Di-Malaysia Timor pula angka² itu ia-lah 2,147 buah pada tahun 1960 dan 2,898 buah pada awal tahun 1965.

267. Rumah Sakit Umum baharu di-Kuala Lumpur, Rumah Sakit Latehan di-Petaling Jaya, Rumah Sakit Umum baharu di-Seremban dan sa-bahagian daripada Rumah Sakit Umum baharu di-Ipoh di-jangka akan siap di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Rumah² sakit Daerah di-Dungun dan di-Tanjong Karang telah pun di-siapkan dan akan di-buka tiada berapa lama lagi. Sa-buah rumah sakit luar bandar yang mempunyai 50 hingga 60 buah katil di-harap akan di-bena di-Changkat Melintang, Perak, di-bawah Ranchangan

Malaysia Yang Pertama. Lain² pembaikan, pembaharuan dan pembenaan wad² baharu dan lain² unit akan juga di-masokkan ka-dalam ranchangan itu. Perbelanjaan membena rumah² sakit baharu, memperbaiki dan mengelokkan rumah² sakit lama akan berjumlah lebih kurang 111 juta ringgit.

268. Di-Sarawak, enam buah rumah sakit yang kecil akan di-bena dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama sa-lain daripada Rumah Sakit Umum baharu yang mempunyai 570 buah katil di-Kuching. Kerja membena-nya telah pun di-mulakan. Di-Sabah, sa-buah rumah sakit baharu telah di-bena di-Tawau dan empat buah rumah sakit kecil di-harap akan di-bena di-bawah Ranchangan itu. Sa-buah rumah sakit otak telah juga di-masokkan dalam ranchangan untuk Sabah. Jumlah perbelanjaan ia-lah lebih kurang 28.8 juta ringgit.

269. Penduduk² telah sa-makin bertambah sedar akan faedah perubatan Barat. Bukti-nya ia-lah bilangan orang yang datang ka-klinik² dan pusat² kesihatan sa-makin bertambah banyak. Nampak-nya bilangan ini akan terus menerus bertambah. Ini telah menerbitkan masaalah yang besar ia-itu bahagian rawatan luar di-pekan² besar di-Malaysia Barat telah menjadi penoh sesak. Untuk mengurangkan kesulitan ini, di-satengah² bandar² besar akan di-adakan klinik rawatan luar bagi perubatan dan pergigian di-tempat² yang sesuai di-bandar² itu.

270. Sunggoh pun ra'ayat sa-makin sedar akan faedah ubat Barat tetapi Kementerian ini maseh merasa mustahak berikhtiar supaya mereka, terutamanya yang tinggal di-kawasan² luar bandar, menggunakan dengan bersungguh² berbagai² kemudahan dan perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang di-adakan oleh Kerajaan melalui Ranchangan Pembangunan Negara. Puncta mendapat kesihatan yang lebih baik terletak pada ra'ayat sendiri dan Kementerian ini sedang berikhtiar supaya ra'ayat mengambil bahagian untuk mendapat kesihatan yang lebih baik dengan mengadakan pelajaran kesihatan dan melalui pertubohan² ra'ayat.

271. Kerajaan akan melaksanakan suatu perogoram peranchang keluarga dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama kerana hendak mengurangkan jumlah beranak di-negeri ini. Perkara bilangan penduduk bertambah dengan chepat ada-lah satu faktor yang penting dalam pembangunan ekonomi sa-sabuaah negeri. Oleh itu langkah hendak melaksanakan perogorem peranchangan keluarga ini sudah kena masa-nya. Bagi pehak Kementerian ini, projek ini akan mendatangkan faedah yang besar dari segi meninggikan taraf kesihatan ibu² pada masa hadapan. Tidak shak lagi ranchangan ini akan menjadikan taraf kehidupan ra'ayat lebih tinggi.

272. Dengan bertambah-nya perkhidmatan² dalam Kementerian ini, latehan bagi pegawai telah di-utamakan. Dalam tahun 1958 lebih kurang 800 orang penuntut telah berlateh dalam berbagai² bahagian, sedangkan sekarang ini lebih daripada 2,000 orang penuntut sedang berlateh di-berbagai² sekolah di-seluruh negeri ini. Dalam masa sembilan atau sa-puluh tahun yang telah lalu, lebih daripada 1,000 orang telah pergi ka-luar negeri dengan biasiswa daripada Kementerian Kesihatan untuk mengikuti latehan asas atau untuk mendapat kelulusan yang lebih tinggi.

273. Negeri ini maseh lagi kekurangan doktor walau pun hal ini telah dapat di-atasi sadikit dengan mengambil lebih kurang 40 orang doktor dari Korea Selatan pada penghujung tahun 1965. Kerajaan berchadang hendak mengambil doktor² dari Philipina apabila sahaja perhubungan diplomatik dengan negeri itu puleh sa-mula. Segala usaha ada-lah sedang di-jalankan untuk memperbaiki sharat² perkhidmatan doktor² dan lain² kakitangan perubatan.

274. Fakulti Perubatan di-Petaling Jaya di-jangka akan mengeluarkan doktor²-nya yang mula² pada tahun 1969, dan mula² pada tahun 1972, di-jangka

ia akan mengeluarkan 100 orang pada tiap² tahun. Kementerian ini akan terus menerus berhubung dan bekerjasama dengan Fakulti Perubatan itu. Kekurangan pegawai² pergigian dan ahli² kimia ubat ada-lah perkara yang tegas dan ini mungkin dapat di-atasi dengan jalan mengambil pegawai² dari luar negeri.

275. Dengan tertuboh-nya tidak kurang daripada 20 buah sekolah latehan berbagai jenis dalam tahun² yang sudah, keadaan berkenaan dengan lain² kakitangan perubatan telah bertambah baik. Keadaan ini di-jangka akan terus menerus bertambah baik. Pada masa ini Kementerian ini memberi lebih perhatian terhadap latehan lain² kumpulan kakitangan seperti pembantu makmal.

276. Oleh kerana kekurangan kakitangan pada 'am-nya dan oleh kerana ra'ayat sa-makin banyak yang chenderong hendak mendapat rawatan di-rumah² sakit dan di-klinik², Kementerian ini sedang menempoh beberapa kesulitan. Kakitangan² sentiasa di-ingatkan betapa mustahak-nya mereka ramah mesra dengan orang ramai, tetapi orang ramai juga mesti memainkan peranan yang tertentu supaya salah-faham dapat di-kurangkan. Suatu langkah yang patut diberi perhatian ia-lah pembentokan jawatan-kuasa² muhibbah di-semua rumah² sakit. Sa-takat ini, jawatan-kuasa² muhibbah itu telah dapat menyelesaikan beberapa masaalah dan telah dapat menyelesaikan salah faham dan pertelingkahan² dengan chara yang baik.

277. Negara ini patut-lah menguchapkan terima kaseh atas bantuan² teknik yang berupa pakar², kelengkapan² dan biasiswa yang di-berikan oleh berbagai² pertubohan² antara bangsa dan Kerajaan negeri² asing seperti Pertubohan Kesihatan Sa-dunia, Pertubohan Kumpulan Wang Kanak² Bangsa² Bersatu dan Lembaga Bantuan Teknik Bangsa² Bersatu, Kerajaan² Australia, Canada, India, Pakistan dan United Kingdom, dan Republik Jerman, Peace Corps Amerika Sharikat, Care-Medico, Kumpulan Penyelidek Tentera Amerika Sharikat, Hooper Foundation Universiti California, Majlis Penyelidek United Kingdom dan lain²-nya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

278. Semenjak Malaysia di-tubuhkan, chukai pendapatan ada-lah di-tadbirkan mengikut Undang² Chukai Pendapatan yang berasingan bagi Negeri² Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak. Dari masa ka-samasa Undang² ini telah di-pinda dan di-sesuaikan. Oleh kerana beberapa sebab yang tertentu, Kerajaan memikirkan ada-lah lebih kemas dan sesuai sa-kira-nya sa-buah undang² sahaja di-gunakan bagi seluroh Malaysia. Kerja menggubal undang² itu ia-lah suatu kerja yang besar dan rumit. Kerajaan berharap undang² itu akan dapat di-kuat kuasakan mula² pada tahun 1968.

279. Kerajaan sedang menimbangkan juga suatu ranchangan untuk membayar faedah penchen kepada pekerja² yang tiada boleh lagi bekerja kerana kechachatan anggota atau yang terchedera tatkala menjalankan kerja mereka. Di-bawah ranchangan ini, Kerajaan menchadangkan kedua² pehak majikan dan pehak pekerja akan membayar charum masing² kepada suatu kumpulan wang penchen. Ranchangan penchen ini akan di-mulakan dengan sa-chara kechil²an sahaja, tetapi apabila bertambah pengalaman dalam pentadbiran-nya, Kerajaan berharap ranchangan itu akan dapat di-luaskan dari samasa ka-samasa, sa-hingga meliputi faedah² bagi pekerja² yang bersalin dan yang sakit. Sa-orang pakar Ranchangan Colombo sedang merangka ranchangan ini, dan Kerajaan berharap ranchangan ini akan dapat di-jalankan pada awal tahun 1967.

KEMENTERIAN LUAR NEGERI

280. Dalam tahun yang di-kaji ini, Malaysia terus mengambil peranan yang chergas dalam hal ehwal perhubungan luar negeri menurut suatu dasar yang sesuai dengan chita²-nya yang tertentu dan yang di-ketahui umum, ia-itu hidup bersama² dengan aman damai dengan semua negeri yang berbaik² dengan-nya.

281. Malaysia berkali² menyatakan sokongan-nya yang kuat terhadap Pertubuhan Bangsa² Bersatu dan Piagam-nya dan sentiasa menyokong bahawa masaalah² antara-bangsa hendak-lah di-selesaikan menerusi perundingan yang berdasarkan perasaan hormat menghormati kemerdekaan dan kedaulatan satu sama lain. Malaysia menimbangkan tiap² masaalah antara-bangsa dengan bebas dan menurut keadaan-nya masing² dan dalam menchapai satu² keputusan, Malaysia tiada menerima arahan dari mana² pehak atau melebihikan sa-sabuah negara daripada negara yang lain kerana desakan atau paksaan.

282. Masaalah Malaysia yang utama sa-kali ia-lah memelihara kemerdekaan dan kedaulatan-nya serta memajukan kepentingan negara dan menjaga keselamatan-nya.

283. Suatu perkembangan yang penting sekali mengenai perhubungan antara Malaysia dan Indonesia ia-lah iniatif yang di-jalankan untuk menamatkan konferantasi. Iniatif ini telah dapat di-ambil akibat daripada pertukaran pimpinan di-Indonesia. Beberapa perkara yang telah berlaku dalam minggu² yang sudah telah menunjukkan dengan terang-nya bahawa pemimpin² Indonesia ada-lah ikhlas hendak berdamai dengan Malaysia. Kejujoran ini telah di-tegaskan dengan suatu lawatan muhibbah perutusan militar Indonesia ka-Kuala Lumpur dan Alor Star. Lawatan yang bersejarah ini ia-lah satu peristiwa yang berkesan sekali dalam ikhtiar² bagi membentok satu perdamaian buat selama²-nya.

284. Malaysia sentiasa bersedia menchari jalan yang adil dan saksama bagi menyelesaikan pertikaian antara Malaysia dengan Indonesia—satu penyelesaian yang menghormati kedua² pehak dan sa-imbang dengan kedaulatan Malaysia. Dalam perjumpaan damai di-Bangkok pada 31hb Mei, dan 1hb Jun, 1966, kedua² pehak telah menunjukkan kejujoran-nya untuk menchari jalan perdamaian. Kejayaan perjumpaan perdamaian itu akan melahirkan suatu sejarah baharu di-kawasan Tenggara Asia ini. Dengan puleh-nya semula perdamaian antara Malaysia dan Indonesia kedua² negara akan dapat menumpukan segala tenaga mereka untuk menchapai kema'amoran, kebahagiaan dan ketenteraman.

285. Dalam bulan Disember, 1965, ia-itu sa-lepas Tuan Ferdinand Marcos di-pileh sa-bagai Presiden, Filipina telah menyatakan keinginan hendak mengadakan sa-mula perhubungan diplomatik dengan Malaysia. Malaysia telah menyambut baik akan chadangan itu. Pada 3hb Jun, 1966, Malaysia dan Filipina telah mengikat sa-mula tali perhubungan diplomatik dengan pertukaran Nota di-Manila dan menaikkan taraf Konsulat masing² kapada taraf Kedutaan.

286. Perhubungan sa-mula pada sa'at ini sangat-lah tepat masa-nya dan sesuai dengan keazaman antara negara² Asia Tenggara untuk berkerjasama antara satu sama lain. Dengan puleh-nya sa-mula perhubungan antara Malaysia dan Filipina, maka dapat-lah kedua² negara bekerjasama dengan lebeh rapat untuk menchapai keamanan, kemajuan dan kema'amoran untuk kedua² buah negeri. Ada-lah di-harapkan bahawa kedua² Kerajaan, bersama² dengan Kerajaan Negeri Thai, akan dapat menumpu tenaga mereka untuk menjayakan ASA bagi kema'amoran ra'ayat masing².

287. Pada 5hb Oktober, 1965 Pakistan, sa-buah negara anggota Commonwealth, telah memutuskan perhubungan diplomatik-nya dengan Malaysia. Sebab yang di-berikan ia-lah ucapan Wakil Tetap Malaysia di-Bangsa² Bersatu mengenai masaalah Kashmir itu telah menyebelahi India. Malaysia dukachita kerana langkah

yang tiada seperti-nya itu telah di-ambil sungguh pun Malaysia telah membantah dan menyatakan bahawa dalam pertikaian India dengan Pakistan, Malaysia tiada pernah menyebelahi atau berniat hendak menyebelahi mana² pihak. Langkah memutuskan tali perhubungan diplomatik ini tiada dapat di-terima 'akal terutama sa-kali jika di-fikirkan ia-itu sungguh pun pada masa itu Pakistan sedang berperang dengan India akan tetapi perhubungan diplomatik antara kedua² buah negara itu tidak pernah terganggu.

288. Walau pun demikian Malaysia terus menunjukkan hasrat-nya hendak mengadakan perhubungan berbaik² dengan Pakistan.

289. Putus-nya perhubungan diplomatik antara kedua² buah negara Commonwealth ini tiada pula menyentoh perpaduan negara² Commonwealth dan dengan tertuboh-nya Pejabat Setia-usaha Commonwealth dalam bulan Julai, 1965 perpaduan negara² Commonwealth telah menjadi tegap. Pejabat Setia-usaha ini ditanggung belanja-nya daripada pemberian negara² anggota, dan antara lain² tugas-nya yang utama ia-lah:

- (a) menyebarkan penerangan kepada semua negara anggota mengenai perkara² kepentingan bersama;
- (b) membantu badan² resmi dan yang bukan resmi yang ada sekarang ini bagi mengeratkan lagi tali perhubungan antara negeri² Commonwealth dalam semua lapangan;
- (c) menolong menyatukan dengan kerjasama negara yang menjadi tuan rumah, segala persediaan untuk meshuarat² Ketua² Negara Commonwealth dan jika sesuai untuk meshuarat Menteri² Commonwealth yang lain.

Ibu Pejabat Setia-usaha ini akan bertugas untuk kesenangan semua Kerajaan Negara² Commonwealth dan akan menjadi satu lambang semangat kerjasama yang menghidupkan persatuan Commonwealth itu.

290. Satu persidangan Perdana² Menteri Commonwealth telah di-adakan di-Lagos pada 11hb dan 12hb Januari, 1966 dan Malaysia telah turut bersama dalam persidangan itu. Persidangan itu telah menunjukkan kegiatan Persatuan Commonwealth itu. Kenyataan yang di-keluarkan sa-lepas persidangan itu telah meletakkan Persatuan Commonwealth di-hadapan sa-kali di-antara pertubohan antara-bangsa yang mengambil tindakan menentang pemerintahan haram di-Rhodesia itu.

291. Kerajaan Rhodesia dengan sendiri-nya sahaja telah mengishtiharkan kemerdekaan Rhodesia pada 11hb November, 1965. Perishtihaan itu telah ditentang oleh seluruh dunia kerana dengan perishtihaan itu lebih kurang 4 juta orang Afrika telah kehilangan hak² politik dan hak² asasi mereka. Tindakan membeza²kan orang Afrika yang di-lakukan oleh lebih kurang 220,000 orang kulit putih ini telah menimbulkan satu sengketanya buruk dalam sejarah kerajaan yang berdasarkan demokrasi dan memelihara hak² kemanusiaan.

292. Malaysia bersama² dengan negara² Commonwealth yang lain dan negara² anggota Bangsa² Bersatu telah mengutok perbuatan pemerintahan Ian Smith yang haram itu dan telah menyokong usul² Bangsa² Bersatu, yang antara lain²-nya, tidak mengi²tiraf pemerintahan itu dan mengenakan langkah² sekatan ekonomi termasuk langkah tiada langsung membenarkan minyak di-bawa masuk ka-negeri itu. Malaysia sendiri telah mengambil langkah² pertadbiran dalam negeri untuk menjatuhkan pemerintahan Ian Smith, ia-itu langkah² seperti berikut:

- (a) Memutuskan sama sa-kali perdagangan dengan Rhodesia.
- (b) Tidak mengakui paspot² atau visa² yang di-keluarkan oleh pemerintahan Rhodesia dan mengenakan denda ka-atas surat², bungkusan² atau perhubungan yang sampai ka-Malaysia daripada Rhodesia.

- (c) Menjalankan kuat-kuasa langkah² pertukaran wang terhadap Rhodesia.
- (d) Mengawasi supaya tidak ada peniaga² di-negeri ini yang membeli tembakau dari Rhodesia dengan murah sekarang dan kemudian menjualnya dengan mendapat untung apabila pemerentahan yang berperlembagaan kembali sa-mula di-Rhodesia.

293. Malaysia terus bertambah terkenal di-luar negeri, terutama di-negara² Afrika dan Timor Tengah. Beberapa orang Menteri Malaysia telah membuat lawatan muhibbah ka-negara² tersebut untuk memajukan lagi kepentingan Malaysia dan melawan di'ayah² Indonesia terhadap Malaysia. Presiden dan Perdana Menteri Korea dan Perdana Menteri Republik Vietnam, telah melawat Malaysia.

294. Sa-bagai ahli Majlis Keselamatan Bangsa² Bersatu Malaysia telah juga mengambil peranan yang chergas dan penting untuk keamanan dan keselamatan dunia. Sa-lama ia menjadi ahli, Malaysia telah banyak menolong mengurangkan ketegangan dunia di-beberapa tempat yang kachau-bilau.

295. Dengan hal yang demikian nyata-lah bahawa tanggong-jawab² Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dalam gulungan negara² dunia telah berlipat ganda. Untuk menyempurnakan tanggong-jawab² ini Kerajaan telah meluaskan perwakilan-nya di-luar negeri sa-bberapa yang dapat untuk menjaga kepentingan Malaysia dengan sa-baik²-nya.

KEMENTERIAN PELAJARAN

A. PELAJARAN 'AM

296. Jumlah murid² di-Sekolah² Rendah dan Menengah di-seluruh Malaysia dalam tahun 1965 ia-lah 1,725,101 orang dan tambahan murid² bagi tahun 1966 ia-lah lebeh sadikit daripada 9%.

297. Pada tahun 1965 Pepereksaan Masok ka-Sekolah Menengah tidak lagi di-adakan dan sistem pelajaran anika jurusan di-peringkat menengah rendah telah mula di-laksanakan di-Negeri² Tanah Melayu dan dengan yang demikian tiap² murid berpeluang mendapat pelajaran sa-lama sembilan tahun ia-itu enam tahun pelajaran rendah dan tiga tahun pelajaran menengah rendah di-sekolah² biasa di-dalam lingkungan dasar pelajaran kebangsaan. Mata pelajaran 'ilmu perusahaan, sains, pertanian dan sains rumah tangga telah mula di-ajar di-beberapa buah sekolah pada tahun 1965.

298. Beberapa sekolah dan bilek² darjah telah di-adakan lagi pada tahun lalu untuk murid² yang masok ka-sekolah² rendah dan menengah. Kelas² tingkatan enam telah juga di-tambah. Bagi Negeri Sabah dan Sarawak dasar Kerajaan ia-lah juga hendak meluaskan lagi kemudahan² sekolah rendah dan menengah oleh kerana murid² bertambah ramai.

B. PELAJARAN MENENGAH MELAYU BAGI TIGA TAHUN YANG PERTAMA

299. Pada tahun yang lepas sa-banyak 31 orang penuntut² tingkatan enam aliran Melayu dari Sekolah Alam Shah, Kuala Lumpur telah masok ka-Universiti Malaya untuk melanjutkan pelajaran mereka hingga ka-Ijazah Sastera. Pada tahun ini bilangan murid² dari aliran Melayu yang akan masok ka-Universiti itu ia-lah 53 orang.

C. PELAJARAN TEKNIK DAN VOKESHEN

300. Kerajaan juga telah menjalankan kajian permulaan berkenaan kemudahan² pelajaran yang di-adakan pada peringkat menengah atas sa-bagai lanjutan kepada sistem baharu bagi pelajaran menengah redah, khusus-nya di-dalam lapangan pelajaran teknik dan vokeshen. Kerajaan bertujuan hendak mengadakan kursus² dalam jurusan pertukangan, perdagangan dan sains rumah tangga di-sekolah² vokeshen peringkat menengah atas.

D. PEPERIKSAAN

301. Ranchangan telah di-buat untuk memulakan chara² peperiksaan bermesin serta ujian² chara objektif di-dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran. Ini telah dapat di-laksanakan kerana pertolongan dari pihak Yayasan Ford yang telah mendermakan satu mesin hetong (computer) lengkap dengan alat tambahan-nya dan juga telah menolong melatoh kaki-tangan² saperti pengator achara dan pegawai pereksa ujian.

302. Kerajaan juga berchita² hendak memulakan Peperiksaan Masok Tingkatan Enam dalam bahasa Melayu mulai tahun 1967 supaya sa-laras dengan Peperiksaan Masok Tingkatan Enam yang di-adakan dalam bahasa Inggeris. Mulai dari tahun ini kemudahan² telah di-adakan bagi penuntut² bahasa pengantar Melayu untuk mengambil Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dalam mata² pelajaran yang tertentu.

E. MELUASKAN KEMUDAHAN² PELAJARAN

303. Kerja² membena sa-buah Sekolah Menengah Pertukangan baharu di-Kuantan telah di-mulakan pada tahun 1965 dan di-jangka sekolah itu dapat di-gunakan pada tahun ini. Dua buah Sekolah Menengah Teknik, ia-itu di-Pulau Pinang dan Kuantan, telah siap di-bena pada tahun lepas. Maktab Teknik, Kuala Lumpur telah juga di-perluaskan, terutamanya kemudahan² wokshop dan ma'mal-nya, oleh kerana penuntut² bertambah ramai masok maktab itu. Ranchangan telah di-buat untuk membena dua buah politeknik yang akan mengadakan kursus² dalam mata pelajaran teknik, perdagangan, sains rumah tangga dan lain² mata pelajaran.

304. Kemudahan² pelajaran tinggi telah dan sedang di-perluaskan di-Universiti Malaya oleh kerana tenaga ra'ayat peringkat tinggi sa-makin bertambah banyak di-kehendaki dalam berbagai² bahagian ekonomi negara ini. Sa-buah Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran telah juga di-tubuhkan di-Universiti Malaya mulai dari tahun ini. Kerajaan berharap Fakulti baharu ini akan mengeluarkan ahli² ekonomi dan pentadbir² 'awam dengan chukup-nya. Pelajaran tinggi termasuk pelajaran peringkat maktab di-jangka akan di-perluaskan lagi apabila Jawatan-kuasa Peranchang Pelajaran Tinggi yang telah di-lantek oleh Kerajaan itu, mengemukakan shor²-nya tentang hal meluaskan dan memajukan pelajaran tinggi untuk masa hadapan di-negeri ini.

F. LATEHAN GURU

305. Oleh kerana sistem pelajaran anika jurusan telah di-mulakan, maka perlu di-perbanyakkan lagi guru² yang terlatah di-dalam beberapa mata pelajaran teknik saperti kejuruteraan letrik, kejuruteraan mekanik dan kejuruteraan 'awam, sains rumah tangga, perdagangan, seni musik, seni lukis dan rekabentok. Beberapa hadiah pelajaran dalam mata² pelajaran tersebut telah di-beri kepada chalun² yang telah di-pilih pada tahun lalu. Apabila tamat dan berjaya dalam pengajian mereka nanti mereka akan di-tugaskan menjadi pensharah di-Maktab

Teknik, maktab² latehan guru atau pun sa-bagai guru² siswazah di-sekolah menengah. Pada tahun 1965 sa-banyak 179 biasiswa dan dermasiswa telah di-keluarkan.

306. Sa-buah Maktab Perguruan Menengah telah di-buka di-Johor Bahru pada awal tahun 1965 untuk menggantikan Maktab Perguruan di-United Kingdom yang telah di-tutup pada penghujung tahun 1964.

307. Kerajaan ada-lah menghadapi tugas melateh 6,000 orang guru pada tiap² tahun sa-lama beberapa tahun yang akan datang ini, ia-itu dua kali banyak-nya daripada yang di-keluarkan pada masa ini. Oleh hal yang demikian Kerajaan terpaksa menyediakan wang yang chukup untuk membena bahagian akhir dua buah Maktab Perguruan, mengadakan bangunan² tambahan kapada maktab² yang telah sedia dan memperbaiki kemudahan² di-beberapa buah Maktab dan Pusat Perguruan Harian. Ranchangan telah juga di-perbuat untuk memperluaskan maktab perguruan dan membena maktab² perguruan baharu di-Sabah dan Sarawak.

G. PENGAJIAN 'ILMU KHAS DALAM PELAJARAN

308. Kerajaan juga telah mengadakan hadiah² bantuan bagi pengajian 'ilmu khas dalam pelajaran pada peringkat siswazah lanjutan dalam beberapa lapangan saperti 'ilmu jiwa pendidekan, perkembangan kursus² pelajaran, ujian, dan peranchangan pelajaran.

H. BAHASA KEBANGSAAN

309. Kerajaan telah juga memperhebatkan lagi ranchangan² untuk melaksanakan dasar Bahasa Kebangsaan. Kempen Bahasa Kebangsaan yang telah di-lancarkan sa-lama empat bulan pada tahun lalu, telah mendapat kejayaan yang chemerlang dan ada-lah di-harapkan tiap² ra'ayat negeri ini akan sa-kali lagi memberikan kerjasama mereka dengan sa-penoh-nya kapada Kerajaan dalam kempen tahun ini. Ini sangat-lah mustahak untuk melaksanakan peringkat yang akhir bagi dasar Bahasa Kebangsaan saperti yang termaktub di-dalam Perlembagaan.

310. Dewan Bahasa dan Pustaka ada-lah badan yang terpenting bagi melaksanakan dasar ini dan berkenaan dengan hal ini dalam tahun 1965 Dewan Bahasa dan Pustaka telah menerbitkan 113 buah buku baharu dalam Bahasa Kebangsaan untuk di-gunakan di-sekolah² menengah, kelas² Tingkatan Enam dan Universiti Malaya. Sa-lain daripada itu tidak kurang daripada 10,000 istilah baharu telah di-kumpulkan dalam tahun 1965.

311. Tindakan juga sedang di-ambil untuk menerbitkan sa-buah kamus Bahasa Kebangsaan yang di-jangka akan siap pada tahun 1967, sa-buah atlas kebangsaan, ensaikelopedia perintis dan sa-buah ensaikelopedia sains dalam Bahasa Kebangsaan tidak berapa lama lagi.

I. PENGAJARAN UGAMA ISLAM

312. Kemudahan² bagi pengajaran Ugama Islam di-sekolah² rendah dan menengah telah di-perluaskan lagi dengan pengambilan 227 orang guru² ugama pada tahun 1965. Wang telah di-adakan untuk membena sa-buah bangunan Kolej Islam di-Petaling Jaya. Bangunan itu telah siap pada tahun ini dan di-jangka akan di-buka dengan resmi-nya dalam tahun ini.

J. PERBELANJAAN PELAJARAN

313. Perlu-lah di-sebutkan bahawa perbelanjaan berulang tiap² tahun dan perbelanjaan pembangunan bagi pelajaran sa-makin bertambah dari sa-tahun ka-sa-tahun. Ini berm'aana bahawa Kerajaan terpaksa menchari puncha hasil lagi bagi menchukupkan perbelanjaan pelajaran itu. Pada tahun 1960 perbelanjaan

biasa pelajaran di-Negeri² Tanah Melayu sahaja ia-lah 164 juta ringgit dan perbelanjaan pembangunan pelajaran ia-lah 13.5 juta ringgit dan bagi tahun 1966 perbelanjaan biasa ada-lah di-anggarkan sa-banyak 313.9 juta ringgit dan perbelanjaan pembangunan 80 juta ringgit. Dalam pada itu Kerajaan juga mesti mengadakan wang bagi meluaskan pelajaran di-Sabah dan Sarawak, yang meluas dengan chepat-nya.

314. Perbelanjaan berulang tiap² tahun bagi seluruh Malaysia pada tahun 1966 ia-lah \$352,779,390 ia-itu bertambah sa-banyak 32.5 juta ringgit atau lebih kurang 10% dari jumlah \$320,313,351 yang di-untukkan bagi perbelanjaan biasa pada tahun 1965. Bagi perbelanjaan pembangunan pula sa-jumlah 95,804,467 juta ringgit telah di-sediakan pada tahun 1966 untuk meluaskan berbagai² kemudahan pelajaran dan ranchangan² latehan guru di-seluruh Malaysia.

315. Oleh kerana perbelanjaan pelajaran di-Negeri² Tanah Melayu sa-makin bertambah banyak dan oleh kerana kedudukan kewangan pada masa ini maka Kerajaan Persekutuan terpaksa mengenakan sa-mula chukai pelajaran di-Negeri² Tanah Melayu dalam tahun ini. Pada mengenakan chukai ini Kerajaan ada-lah berpanduan kepada dasar bahawa banyak-nya chukai itu patut di-kenakan hendak-lah mengikut kebolehan membayar dan banyak kemudahan² pelajaran yang ada di-satu² kawasan itu. Kerajaan di-jangka dapat memungut sa-banyak kira² 5.7 juta ringgit dengan chukai pelajaran ini, ia-itu kira² 1.4% daripada perbelanjaan berulang tiap² tahun bagi pelajaran untuk Negeri² Tanah Melayu bagi tahun 1966.

K. PROGERAM² DI-BAWAH RANCHANGAN MALAYSIA YANG PERTAMA

316. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Kerajaan akan mengokohkan lagi sistem pelajaran kebangsaan untuk mengujudkan perpaduan social, kebudayaan dan politik di-negeri ini. Kerajaan bukan sahaja berchadang hendak memperbaiki mutu pelajaran di-segala peringkat bahkan juga memperbanyakkan jenis kemudahan² pelajaran dan latehan terutama-nya yang berhubung dengan sains dan teknologi.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR

317. Tugas dan tanggung-jawab yang besar bagi Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar ia-lah menyamakan segala usaha dan kegiatan yang di-tujukan bagi melaksanakan Ranchangan Pembangunan Kerajaan. Usaha penyamaan itu ada-lah di-jalankan dengan menggunakan chara "Gerakan". Chara ini ada-lah sangat berjaya bukan sahaja bagi mengecham di-mana terjadi kelambatan² dan kebuntuan dalam pelaksanaan Ranchangan Pembangunan, tetapi juga tersangat berguna bagi menaksir kemajuan sa-suatu ranchangan pembangunan dari satu masa ka-satu masa.

318. Sa-lain daripada menjalankan tugas penyamaan Kementerian ini ada-lah melaksanakan Ranchangan Pelajaran Dewasa dan Pembangunan Masharakat Kerajaan. Kementerian ini juga bertanggung-jawab atas dasar² 'am Majlis Amanah Ra'ayat, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan, dan Perbadanan Simpanan Wang Bakal² Haji.

319. Kementerian ini telah berjaya melaksanakan ranchangan kechil Kerajaan dengan kerjasama Kerajaan² Negeri. Sa-bagaimana ranchangan² yang besar yang di-jalankan oleh Kerajaan, ranchangan² pembangunan kechil ada-lah bertujuan untuk memberi kemudahan² kepada penduduk² di-luar bandar termasuk-lah mereka yang tinggal di-dalam kampong² baharu dan kawasan² majlis tempatan.

Ranchangan² kecil itu termasuk-lah pembinaan jalan² kampung, jalan² kaki, bekalan² ayer, perigi², jeti², feri², masjid², surau², sekolah² agama dan rumah² 'ibadat.

320. Dalam tahun 1965 Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang \$6,397,863 bagi ranchangan² kecil dan \$12,631,339 bagi pembinaan berbagai² rumah 'ibadat.

321. Kementerian ini juga bertanggung-jawab atas pelaksanaan ranchangan² Penempatan dan Pengumpulan Sa-mula di-Sabah dan Sarawak. Semenjak dimulakan ranchangan² itu 3 buah kampung baharu di-Sabah ia-itu di-Bergongsong, di-Tamang dan di-Kuala Merotai, Tawau dan 4 buah kampung² baharu di-Sarawak ia-itu di-Siburan, Beratok, Tapah dan Pandaruan, telah pun di-buka. Kampung² baharu yang telah di-buka itu ada di-beri kemudahan² seperti sekolah², balai² raya, klinik², bekalan² ayer dan lain² kemudahan yang perlu bagi sa-sabua kampung.

322. Dalam bulan Jun 1965 Kementerian ini telah menganjorkan satu Konggres Ekonomi Bumiputera yang bersidang sa-lama 3 hari. Sa-ramai 498 orang peserta dan pemerhati yang terdiri dari Ahli² Parlimen, ketua² Bumiputera, peniaga² Bumiputera, dan wakil² dari Kerajaan² Negeri dan persatuan² Bumiputera telah hadir di-Konggres itu. Sa-lepas mengadakan perbincangan yang panjang lebar sa-lama 3 hari atas chara² hendak menolong Bumiputera² negeri ini mengambil bahagian dengan lebih banyak lagi dalam ekonomi negeri ini, Konggres itu telah membuat dan mengemukakan kepada Kerajaan berbagai² usul.

323. Sunggoh pun chuma satu tahun sahaja telah berlalu semenjak di-adakan Konggres itu, Kerajaan telah pun berjaya melaksanakan 4 usul² yang termustahak ia-itu, Kerajaan telah membentok Majlis Amanah Ra'ayat, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Pemulehan dan Penyatuan Tanah² dan Bank Bumiputera. Pembentukan Badan² tersebut akan mendatangkan hasil yang berfaedah kepada pembangunan ekonomi negeri ini.

BAHAGIAN PELAJARAN DEWASA DAN PEMBANGUNAN MASHARAKAT

324. Bahagian Pelajaran Dewasa telah di-tubuhkan pada 1hb April, 1961, bagi menjalan dan mentadbirkan ranchangan pelajaran dewasa Kerajaan. Ranchangan pelajaran itu ada-lah di-tujuan bagi membasmi buta huruf, khususnya di-kawasan luar bandar, supaya penduduk² di-kawasan itu dapat mencapai taraf hidup yang sa-tanding dengan taraf hidup penduduk kawasan² bandar.

325. Hingga akhir tahun 1965 sa-ramai 598,163 orang pelajar telah tamat pelajaran mereka sa-lama sa-tahun dalam Kelas² Dewasa. Di-antara bilangan ini sa-ramai 331,005 orang pelajar² telah melanjutkan pelajaran mereka sa-lama tiga tahun. Sa-ramai 127,922 orang pelajar² telah menerima sijil daripada Kementerian ini sa-telah tamat menuntut satu kursus tiga tahun.

326. Bilangan Kelas² Dewasa pada akhir tahun 1965 ia-lah 9,726 buah dengan guru²-nya sa-ramai 6,321 orang. Jumlah penuntut ia-lah 241,292 orang. Kelas² ini termasuk-lah 2,118 buah kelas bagi 52,160 orang pelajar bukan Melayu yang belajar Bahasa Kebangsaan.

327. Sa-lain daripada belajar menulis, membaca dan mengira, pelajar² di-Kelas² Dewasa ada juga di-ajar Pelajaran Agama bagi pelajar² Islam, Ekonomi Rumah Tangga dan perkara² berkenaan dengan perkhidmatan² pemanjangan. Jumlah kelas² dewasa yang memberi pelajaran Agama Islam sekarang ada sa-banyak 6,335 buah dan jumlah pelajar²-nya 150,616 orang. Dalam perkara ini apa yang di-titek beratkan bukan-lah sahaja segi teori Islam bahkan juga 'amalan² yang

di-suroh oleh Ugama dan dengan yang demikian menggalakkan mereka mengambil sikap berkehendakkan kemajuan bagi meninggikan lagi taraf hidup dan masyarakat.

328. Pelajaran Ekonomi Rumah Tangga ada-lah di-ajarkan kepada pelajar² perempuan di-Kelas² Dewasa dengan tujuan hendak memberi kepada wanita² dan ibu² pengetahuan rumah tangga yang berguna terutama sa-kali berkenaan dengan zat² makanan, jahit-menjahit, kesihatan dan memelihara anak² kecil. Pada masa ini ada 48,689 orang pelajar dalam 2,103 buah Kelas Ekonomi Rumah Tangga. Guru bagi kelas² itu mendapat latihan khas di-tiga buah Taman Latihan Wanita ia-itu di-Kuala Lumpur, Kepala Batas dan Melaka.

329. Di-Sabah dan Sarawak, Bahagian Pelajaran Dewasa telah berjaya membuka 251 buah kelas di-Sabah dan 78 buah kelas di-Sarawak. Ini ada-lah mengikut dasar Kerajaan hendak menambah lagi usaha² bagi melaksanakan Rancangan Pembangunan Negara dan Luar Bandar di-Negeri² itu.

330. Bahagian ini ada-lah juga bertugas menyusun dan menjalankan rancangan Pembangunan Masyarakat yang di-beri nama Gerakan Maju. Gerakan ini di-lancarkan pada 14hb Mach, 1966, dengan tujuan hendak menggalakkan rakyat mengambil bahagian dalam Rancangan² Pembangunan Kerajaan supaya mereka dapat faedah yang sa-penoh²-nya daripada rancangan² itu.

LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

331. Hingga masa ini Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah berjaya mengadakan 62 rancangan tanah—52 rancangan tanah tanaman getah dan 10 rancangan tanah tanaman kelapa sawit. Jumlah yang telah bertanam dan yang di-usahakan ia-lah lebih kurang 140,000 ekar. Sa-jumlah 9,900 keluarga mengandungi 59,400 orang telah di-masokkan dalam rancangan² tanah yang telah siap di-tanam dan di-adakan rumah² sekolah² dan lain² kemudahan². Kesudahan-nya, 62 rancangan ini akan menjadi 266,346 ekar yang di-tanam dengan getah baka yang baik, kelapa sawit dan lain² jenis tanaman yang akan memberi faedah kepada sa-banyak 21,000 keluarga yang mengandungi lebih 120,000 orang.

332. Sa-imbang dengan dasar Kerajaan hendak memperbanyakkan jenis tanam'an, maka Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah memulakan rancangan menanam kelapa sawit bagi pekebun² kecil di-dalam kawasan² yang baharu, yang tanah dan keadaan-nya sesuai bagi kelapa sawit. Hingga penghujung tahun 1965, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah menanam 26,896 ekar kelapa sawit dalam 10 rancangan-nya. Persediaan² sedang di-jalakan supaya 14,000 ekar lagi dalam 10 rancangan dapat di-tanam dalam tahun ini.

333. Semua rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada di-sediakan dengan kemudahan² seperti jalan raya, kawasan kampung dan dusun, kedai syarikat kerjasama², klinik² perubatan, bekalan ayer, sekolah, talipon, balai raya, tempat ber'ibadat dan lain².

334. Enam rancangan getah—3 di-Negeri Kedah, 1 di-Negeri Kelantan dan 2 di-Melaka telah mula di-turis pokok²-nya manakala 1 rancangan kelapa sawit di-Johor telah mula mengeluarkan hasil. Pengeluaran dan mutu getah dan kelapa sawit itu sangat-lah memuaskan dan peserta² dalam rancangan² ini sudah mula membayar balek wang² pinjaman mereka. Tiga rancangan lagi di-jangka akan dapat mengeluarkan hasil-nya dalam tahun 1966 ini.

335. Chontoh pendapatan kasar tiap² bulan bagi peserta² itu ia-lah pendapatan peserta dalam Rancangan Kemendore dan Rancangan Solok Menggong. Bagi Rancangan Kemendore pendapatan kasar bagi mereka yang berpendapatan

lebih pada sa-bulan, mengikut hetong panjang dari bulan Julai hingga bulan Disember, 1965, ia-lah \$307 dan bagi mereka yang berpendapatan kurang, \$113. Bagi ranchangan Solok Menggong pula ia-lah \$227 bagi mereka yang berpendapatan lebih dan \$43 bagi mereka yang berpendapatan kurang. Pendapatan² ini berbeza² di-sebabkan ia bergantung kepada banyak pokok getah yang boleh di-turis.

336. Berhubung dengan pembukaan Kawasan "Jengka Triangle", kajian dan penyelidikan yang lengkap sedang di-jalankan oleh sa-buah sharikat "consultants". "Master Plan" mengenai Kawasan ini di-jangka siap pada hujung tahun ini. Mengikut kajian² kasar, kira² 150,000 ekar tanah dalam Kawasan itu ada-lah sesuai bagi pertanian. Apabila Kawasan ini sudah chukup di-majukan, 15,000 keluarga mengandongi lebih kurang 90,000 orang boleh menchari nafkah di-sini. Ranchangan² akan mula di-laksanakan dalam tahun 1967.

337. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan akan menjalankan ranchangan² yang berikut bagi tahun 1966 dan 1967:

- (i) menyiapkan kerja memajukan kawasan sa-luas 140,000 ekar yang telah di-tanam sa-belum 1966;
- (ii) meneruskan kerja memajukan perengkat² baharu dalam ranchangan² yang ada, ia-itu berjumlah 32,000 ekar;
- (iii) membuka dan memajukan kawasan² baharu di-beberapa Negeri sa-luas kira² 109,000 ekar.

338. Berhubung dengan usaha-nya di-Sabah dan Sarawak, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan itu sekarang sedang mengkaji kemungkinan membuka tiga kawasan.

339. Di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan merancang hendak menanam 89,000 ekar dengan kelapa sawit, dan hanya 20,000 ekar sahaja dengan getah. Ini ada-lah menurut dasar Kerajaan hendak memperbanyakkan jenis tanaman². Dalam masa Ranchangan Malaysia Yang Pertama di-jangka kira² 21,250 keluarga mengandongi 127,500 orang akan di-tempatkan di-ranchangan² tanah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan.

340. Usaha Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan tidak-lah terhad kepada menanam getah dan kelapa sawit sahaja. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ada-lah juga menggalakkan peserta² mengambil bahagian dalam ranchangan ekonomi yang lain seperti berternak dan berchuchok tanam. Suatu projek yang besar yang hendak di-usahkan dalam tahun ini ia-lah projek kolam memelihara ikan ayer tawar sa-luas 130 ekar ia-itu menggunakan kawasan² rendah yang tiada sesuai untuk tanam²an.

PERBADANAN WANG SIMPANAN BAKAL² HAJI

341. Perbadanan Wang Simpanan Bakal² Haji ada-lah di-tubuhkan dengan tujuan hendak memberi peluang kepada ra'ayat yang beragama Islam menyimpan wang untuk menunaikan Fardzu Haji. Satu lagi tujuan-nya ia-lah hendak menggalakkan pendudok² luar bandar menyimpan wang supaya wang yang mereka simpan itu dapat pula di-gunakan untuk pembangunan ekonomi negara. Ini, sa-chara tiada langsung, ada-lah memberi peluang kepada pendudok² luar bandar mengambil bahagian dalam kegiatan ekonomi dalam negeri ini.

342. Hingga sekarang ini sa-ramai 22,594 orang telah menyimpan wang dengan Perbadanan ini. Mereka itu ia-lah orang² Melayu dan orang² Islam bangsa lain daripada segala peringkat. Jumlah hetong panjang simpanan van² di-terima

oleh Perbadanan ini pada tiap² bulan ada-lah lebeh kurang \$150,000. Jumlah wang simpanan yang telah di-kumpulkan hingga sekarang ini ia-lah \$2,660,722. Wang itu telah di-gunakan sa-bagai modal perniagaan dan perusahaan yang mendatangkan keuntungan yang halal pada Hukum Shara'.

343. Pada tahun 1966 sa-ramai 400 orang yang menyimpan wang dengan Perbadanan telah menunaikan Fardzu Haji. Ini berma'ana orang naik haji tahun ini lebeh 235 orang daripada orang naik haji pada tahun 1965.

MAJLIS AMANAH RA'AYAT

344. Penubohan Majlis Amanah Ra'ayat ada-lah membuktikan keazaman Kerajaan hendak melaksanakan usul² yang telah di-buat oleh Konggres Ekonomi Bumiputera, yang bersidang dalam bulan Jun tahun lalu. Tugas besar Majlis ini ia-lah menjalankan usaha² yang di-ranchangan untuk memberi peluang kepada ra'ayat mengambil bahagian dengan sempurna dalam ekonomi perdagangan dan perusahaan di-negara ini. Untuk menchapai chita² ini MARA akan menjalankan usaha² saperti di-bawah ini:

- (i) Mengadakan Latehan;
- (ii) Mengadakan kemudahan² Berhutang Berkelola;
- (iii) Mengadakan Perkhidmatan² Penasihat dan Pengurus;
- (iv) Menjalankan pengurusan projek² dan mengambil bahagian dalam perusahaan; dan
- (v) Membeli saham² yang di-khaskan untuk Bumiputera.

LATEHAN

345. Berkenaan dengan tugas-nya melateh ra'ayat supaya membolehkan mereka memainkan peranan yang lebeh sempurna dalam ekonomi perdagangan dan perusahaan di-negara ini, MARA ada-lah mengambil langkah dengan segera bagi membesarkan Dewan Latehan MARA yang di-Petaling Jaya itu.

346. Sekarang Dewan Latehan itu mengadakan kursus² "Cost and Works Accountancy, Secretaryship, Business Management dan Stenography". Pada masa ini jumlah penuntut ia-lah 226 orang. Apabila telah di-perbesarkan kelak, Dewan Latehan itu akan dapat mempunyai 312 orang penuntut dalam pertengahan tahun ini dan 400 orang pada permulaan tahun 1967.

347. Dalam tahun 1967 MARA berchadang hendak menambah kursus² yang ada sekarang ini dengan kursus² yang tersebut di-bawah ini:

- (a) Association of Certified and Corporate Accountants;
- (b) Institute of Statisticians;
- (c) External Degrees in Arts, Economy and Law;
- (d) Pre-University classes in Science and Arts subjects.

348. Sa-bagai menjalankan keputusan yang di-buat oleh Konggres Ekonomi Bumiputera, MARA ada-lah sedang meranchangkan dengan chergas-nya pembenaan sa-buah Maktab baharu yang berharga berjuta² ringgit bagi pelajaran² perniagaan dan teknik. Maktab ini akan di-bena di-atas tapak 100 ekar luas-nya yang telah di-luluskan oleh Kerajaan Negeri Selangor di-Batu Tiga, Jalan Klang dan di-jangka akan dapat di-siapkan dalam tahun 1968.

349. Sa-lain daripada mengadakan kemudahan² latehan saperti yang tersebut di-atas, MARA juga mengadakan latehan² bagi Bumiputera dalam bahagian "Financial Management, Stock Exchange, Hotel Management, Commercial Art and Advertising, Rubber Management, Logging and Saw Milling, Radio and Television Repairs". MARA juga mengadakan kursus² bagi pemborong², penganyam pandan dan mengkuang dan peniaga² kechil.

BAHAGIAN PINJAMAN DAN PERKHIDMATAN PENASIHAT

350. Tujuan yang utama bagi Bahagian Pinjaman ia-lah menolong ra'ayat² Malaysia supaya mereka bertambah banyak mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan dengan chara membantu pehak² perusahaan yang sederhana memaju dan memperbesarkan perusahaan² mereka. Kegiatan² Bahagian Pinjaman Majlis Amanah Ra'ayat itu telah banyak bertambah jika di-bandingkan dengan tahun² yang lalu. Dalam tahun 1965 sahaja Majlis Amanah Ra'ayat telah mengeluarkan sa-banyak 1,143 pinjaman yang bernilai \$4,000,000 bertambah sa-banyak \$800,000 daripada yang di-keluarkan pada tahun 1964.

351. Untuk menjayakan betul² rancangan pinjaman-nya, Majlis Amanah Ra'ayat ada memberi perkhidmatan² penasihat dan pengurusan. Satu bahagian lain yang di-namakan Bahagian Perkhidmatan Penasihat telah di-tubuhkan oleh Majlis Amanah Ra'ayat dan Bahagian ini mempunyai pakar² dan specialists² yang mahir dalam berbagai² lapangan kegiatan² perdagangan dan perusahaan seperti kejuruteraan, pemasaran, pengurusan perniagaan dan penyimpanan kira². Pakar² dan specialists² ini telah memberi nasihat² dan petunjuk² yang amat berguna kepada peniaga² Bumiputera.

PROJEK² YANG DI-URUS SENDIRI, MEMBELI SAHAM DAN PERUSAHAAN BERSAMA

352. Projek² yang di-uruskan sendiri oleh Majlis Amanah Ra'ayat seperti perkhidmatan² bas ada-lah bertujuan:

(a) hendak mengadakan perkhidmatan² yang mustahak bagi orang ramai; dan

(b) hendak menyerahkan projek² ini kepada Bumiputera atau sharikat² Kerjasama apabila projek itu telah berjalan dengan sempurna-nya.

353. Sa-belum habis tahun 1965 Majlis Amanah Ra'ayat telah menjalankan 68 perkhidmatan bas yang meliputi 1,007 batu jalan-nya. Perkhidmatan² itu menggunakan 150 buah bas dan sa-belum habis tahun 1966 bilangan kenderaan Majlis Amanah Ra'ayat di-jangka akan menjadi 200 buah bus.

354. Lain² projek yang di-uruskan sendiri oleh Majlis Amanah Ra'ayat ia-lah projek² rumah² kedai, projek² membeli barang² mentah, projek Pusat Penjualan Petaling Jaya dan projek Kilang² Getah. Tujuan projek² ini ia-lah terutama-nya untuk memberi perkhidmatan² kepada peniaga² Bumiputera dan penduduk² luar bandar.

355. Majlis Amanah Ra'ayat juga sedang membuka beberapa buah kedai di-Kangar, Perlis, Labuan, Sabah dan di-Jalan Mountbatten, Kuala Lumpur. Kedai² ini akan di-sewakan kepada peniaga² Bumiputera.

356. Majlis Amanah Ra'ayat juga berchadang hendak membeli saham² yang di-untokkan kepada Bumiputera daripada berbagai² sharikat dari satu masa ka-satu masa. Dengan jalan ini Majlis Amanah Ra'ayat akan dapat memberi peluang kepada Bumiputera untuk menanam modal.

357. Majlis Amanah Ra'ayat juga berchadang hendak mengambil bahagian bersama² dengan sharikat² tempatan dan sa-berang laut dalam perdagangan dan perusahaan dengan tujuan hendak menyerahkan perusahaan² itu kepada Bumiputera dan dengan berbuat demikian Majlis Amanah Ra'ayat berharap akan dapat menolong dan menggalakkan Bumiputera mengambil bahagian dalam perdagangan dan perusahaan.

358. Majlis Amanah Ra'ayat telah mula meluaskan usaha²-nya ka-Sabah dan Sarawak. Di-Sabah Majlis Amanah Ra'ayat sedang mengkaji kemungkinan membuka sa-buah kilang ayer batu, di-Sempurna. Projek ini akan memberi kemudahan² kepada 2,000 orang nelayan.

KEMENTERIAN PENERANGAN DAN PENYIARAN

359. Sa-panjang tahun yang lepas, Kementerian Penerangan dan Penyiaran telah meneruskan kerja menyusun perhubungan kerja² berbagai² jabatan yang di-bawah kuasa-nya. Beberapa perkhidmatan yang sama dalam jabatan² telah di-satukan dengan tujuan hendak menjimatkan wang dan kaki-tangan. Ada-lah di-harap tidak lama lagi Kementerian ini akan menjadi sa-buah Kementerian yang berchantum dengan sa-penoh²-nya.

360. Kementerian ini akan pindah ka-bangunan-nya yang tetap di-Lembah Pantai pada tahun hadapan apabila bahagian pertama bagi Bangunan Penyiaran di-situ siap kelak.

A. JABATAN PENERANGAN

361. Sa-bagai alat seranta Kerajaan, Jabatan ini telah terlibat dalam tiap² kegiatan Kerajaan dari perengkat negara membawa ka-perengkat negeri dan daerah, sama ada sa-bagai peserta yang chergas dalam projek² dan kempen² atau sa-bagai perkakas menerangkan kepada ra'ayat ranchangan dan tujuan kegiatan² Kerajaan itu.

362. Jabatan ini telah menjalankan tugas membena negara dan menegohkan perpaduan, kemesraan dan persafahaman di-kalangan ra'ayat negeri ini. Bagi menchapai tujuan² ini beberapa banyak kursus tata ra'ayat dan kempen² telah di-anjorkan.

363. Jabatan ini telah memberi perhatian utama kepada usaha menentang konferantasi dan peperangan urat sarap dan tenaga gerakan luar Jabatan ini telah di-gunakan untuk menyokong gerakan² Pasokan Keselamatan.

364. Kursus² ulangkaji yang mengambil masa yang singkat telah di-kelolakan bagi kakitangan² luar supaya mereka dapat menunaikan kewajipan² mereka dengan lebeh chekap lagi.

365. Peringkat pertama dalam pengambilan dan latehan kakitangan luar bagi Sarawak dan Sabah telah di-jalankan dengan sempurna-nya. Beberapa pasokan berkereta telah mula menjalankan gerakan di-kedua² buah Negeri itu menjelang akhir tahun lalu. Jabatan Penerangan di-kedua² buah Negeri itu telah menjalankan kegiatan-nya dengan bertambah chepat.

366. Meski pun Bahagian Akhbar dan Perhubungan di-Ibu Pejabat kekurangan kakitangan, namun ia tetap chergas sa-bagaimana yang sudah² pada menguruskan seranta Akhbar bagi semua majlis dan upacara yang penting², mengatorkan pengeluaran siaran² akhbar dan gambar² untuk menunjukkan kepada orang ramai akan kegiatan Kementerian², Jabatan² Kerajaan, Jabatan² sa-paroh Kerajaan dan pertubohan² sukarela. Bahagian ini telah juga menguruskan kemudahan² bagi wartawan² yang datang ka-negeri ini untuk menchari berita lawatan orang² kenamaan dari luar negeri atau berita peristiwa² kebangsaan atau antara bangsa yang penting saperti temasha sukan Semenanjung Asia Tenggara yang ketiga dahulu.

367. Bahagian Seranta Pandang telah menyediakan atau menyusun bahan² untuk di-tunjokkan dalam beberapa pameran yang terpenting antara-nya ia-lah Pameran ECAFE dan pameran² yang di-adakan bagi menyokong Minggu Perpaduan. Sa-lain daripada menyediakan semua karia² seni bagi penerbitan² dan bahan² seranta Jabatan ini, Bahagian tersebut juga telah membantu beberapa buah Jabatan dan pertubohan sukarela menyediakan rekabentok dan rekaletak pelekat² risalah² dan bahan² seranta.

368. Pada penghujung tahun 1965 Jabatan ini telah di-beri tanggung-jawab bagi seranta luar negeri. Bahagian Seranta Luar Negeri sedang di-perkuatkan lagi dengan mengadakan beberapa jawatan baharu. Perubahan² baharu sedang di-buat. Apabila telah di-ambil kakitangan lagi kelak maka kegiatan seranta luar negeri akan bertambah dengan banyak-nya.

B. JABATAN RADIO

369. Radio Malaysia telah menjadi terkenal di-seluruh dunia sa-lepas perkara² yang berlaku di-Indonesia baru² ini. Seluruh dunia bergantung kepada Radio Malaysia untuk mendapat berita² berkenaan dengan kejadian² di-Indonesia. Sharikat² berita antara bangsa yang mempunyai pejabat di-Malaysia telah menggunakan semua berita mengenai Indonesia yang di-keluarkan oleh Radio Malaysia dan telah menyebut Radio Malaysia sa-bagai puncha berita² itu. Radio Malaysia-lah yang menjadi puncha berita² mengenai Indonesia, sa-kurang²-nya sa-lama sa-puloh hari sa-lepas perhubungan rampasan kuasa di-mulakan.

370. Sa-lain daripada membalas di'ayah Indonesia Radio Malaysia telah juga berusaha menentang anchaman daripada di'ayah khianat komiunis dan sabversif komiunis dalam ranchangan²-nya bagi pendengar² dalam negeri dan luar negeri dan akan terus berbuat demikian pada tahun ini.

371. Ranchangan² Radio Malaysia telah di-susun—dan akan terus di-susun—sesuai dengan kesukaan penduduk² Malaysia yang berbagai² keturunan itu. Radio Malaysia, dalam siaran-nya bagi pendengar² dalam negeri dan siaran bagi pendengar² di-luar negeri, telah berjaya menggambarkan rupa chorak Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang demokratik, maju dan chintakan keamanan. Ranchangan² mengenai pelajaran dewasa, pembangunan negara dan luar bandar, siaran² untuk orang asli dan siaran² mengenai ugama telah di-beri keutamaan, sa-laras dengan Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan. Siaran² untuk sekolah telah di-adakan bagi menambah kegiatan² Radio Malaysia mula² daripada bulan Mei tahun ini.

372. Jurutera² dan juruteknik² Radio Malaysia telah menchapai kejayaan yang chemerlang pada tahun yang lalu. Dua buah steshen radio yang lengkap dengan alatan² studio yang moden sa-kali telah di-buka dengan resmi-nya pada tahun dahulu: sa-buah di-Melaka dan sa-buah lagi di-Pulau Pinang. Studio² di-steshen² baharu di-Ipoh dan di-Johor Bahru akan dapat di-gunakan tiada berapa lama lagi.

373. Kerja membena dua buah steshen pemancar di-Pantai Timor, sa-buah di-Kuantan dan sa-buah lagi di-Kuala Trengganu, ada-lah berjalan dengan baik-nya dan akan siap tiada berapa lama lagi. Sa-buah Steshen Pemetik-berita yang memakan belanja lebeh kurang sa-juta ringgit di-jangka akan mula di-gunakan sa-belum habis tahun ini atau pada awal tahun 1967. Tiga alat pemancar gelombang pendek 100 kilowatt sekarang ini sedang di-gunakan untuk memancarkan ranchangan² untuk luar negeri dan ranchangan² telah sedia ada untuk memasang alat² pemancar yang lebeh kuat kuasa-nya bagi mengelokkan dan memanjangkan lagi pemancaran ka-luar negeri.

374. Sa-bagai satu alat yang chergas bagi pembenaan negara, Radio Malaysia ada-lah menimbangkan ranchangan² yang tegas untuk memperbesar dan mengelokkan lagi perkhidmatan-nya dalam tahun ini. Ranchangan² ini termasuk-lah siaran untuk sekolah pada bulan Mei (sa-chara berdikit² pada mula²-nya), beberapa ranchangan lagi yang berchorak Malaysia untuk pendengar² dalam negeri, beberapa siaran² daerah lagi, menggunakan lebeh banyak lagi orang² bukan Melayu dalam ranchangan² Perkhidmatan Melayu, lebeh banyak lagi siaran² daerah dari Melaka dan Kota Bharu mengenai hal² luar bandar, lebeh banyak lagi warta berita dan bahasa yang di-gunakan bagi siaran ka-luar negeri.

Tahun 1965 ada-lah satu tahun kemajuan bagi Radio Malaysia dan juga satu tahun yang membuka jalan bagi Radio Malaysia menchapai kemajuan dengan chepat pada tahun ini dan pada tahun² yang akan datang.

C. JABATAN TALIVISHEN

375. Tahun 1965 ia-lah tahun yang kedua Jabatan Talivishen berjalan di-studio sementara-nya di-Jalan Ampang. Waktu ranchangan telah bertambah dan satu lagi ranchangan pada siang hari telah di-siarkan ia-itu pada petang Hari Juma'at supaya penduduk² negeri yang chuti pada Hari Juma'at dapat melihat-nya.

376. Ranchangan pelajaran jenis pengajaran terus (straight instruction type) telah di-adakan sa-bagai projek permulaan dan bagi kali yang pertama-nya sa-tengah² sekolah telah mengadakan kelas² dengan menggunakan talivishen untuk mengajar. Kementerian Pelajaran telah bertanggung-jawab pada menyediakan ranchangan itu dan membuat persediaan bagi mendengar dan melihat ranchangan itu di-bilek² darjah. Talivishen Malaysia pula membuat persediaan bagi merakam dan menyiarkan ranchangan itu pada waktu yang di-persetujukan. Ranchangan² itu ia-lah dalam Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Inggeris.

377. Ranchangan² dalam Bahasa Kebangsaan dan ranchangan yang mengan-dongi hal² tempatan telah bertambah banyak dan segala usaha sedang di-buat bagi menggalakkan bakat² tempatan mengambil bahagian dalam lapangan hiburan yang menyukakan hati dan drama yang membuat orang berfikir.

378. Siaran talivishen telah dapat di-perluaskan sa-belum hujung tahun yang lalu. Seluruh Pantai Barat dan beberapa tempat di-Malaya Tengah dan Pantai Timor telah mendapat siaran talivishen.

379. Bagi tahun 1966, kemajuan yang penting sekali ia-lah pembenaan studio-nya di-Lembah Pantai. Pembenaan bangunan itu telah di-mulakan pada 1hb September, 1965 dan kemajuan pembenaan ada-lah memuaskan. Ada-lah di-harap bahawa bangunan itu akan siap pada pertengahan tahun 1967.

380. Siaran talivishen ka-lain² bahagian Tanah Melayu sedang di-luaskan dan sa-belum bulan Jun tahun 1966 penduduk² Kota Bharu di-Kelantan dan daerah² yang di-sakeliling-nya akan dapat mendengar dan melihat siaran talivishen dengan terang-nya sa-telah di-pasang alat² pemancar di-Berinchang (Cameron Highlands) dan di-Bukit Bakar (Kelantan). Di-harap apabila siap ranchangan microwave Talikom dan di-pasang alat² pemancar di-Pantai Timor, semua bandar² yang penting di-Pantai Timor akan dapat melihat dan mendengar siaran talivishen.

381. Satu penyiasatan telah di-jalankan di-Sabah dan Sarawak dengan tujuan hendak mengadakan talivishen di-sana dalam masa yang tiada berapa lama lagi. Satu laporan sedang di-buat pada masa ini.

382. Pada tahun ini mutu ranchangan² akan di-perelokkan lagi tetapi ranchangan² harus tiada di-perchayakan kerana kemudahan² yang ada di-Studio di-Jalan Ampang tiada menchukupi. Pada 'am-nya kemajuan talivishen ada-lah baik dan tetap.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

A. JABATAN PENERBANGAN 'AWAM

383. Pada tahun yang lepas sa-buah Lapangan Terbang Antara Bangsa yang baharu telah siap di-bena di-Kuala Lumpur. Dengan ada-nya Lapangan Terbang ini maka sekarang Kuala Lumpur, ia-itu Ibu Kota Negara ini, menjadi tempat singgah pada jalan² kapalterbang antara bangsa. Landasan lapangan terbang

ini ia-lah yang terpanjang sa-kali di-dalam dunia sa-belah sini dan mempunyai alat² penolongan penerbangan sa-baik yang di-perlukan mengikut peratoran antara bangsa. Dengan hal yang demikian dapat-lah di-adakan oleh lapangan terbang itu perkhidmatan yang sama tinggi darjah-nya dengan kebanyakan lapangan terbang antara bangsa di-dalam dunia ini.

384. Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad mengadakan perkhidmatan 5 buah kapal terbang jenis Comet. Dengan perkhidmatan kapal terbang Comet ini perjalanan di-antara negeri² Borneo dengan Malaysia telah dapat di-buat dengan chepat dan selesa dan penerbangan ka-Bangkok dan Hongkong telah bertambah.

385. Kerajaan akan terus menjalankan dasar-nya hendak mengelokkan kemudahan² bagi perjalanan dengan kapalterbang dengan menyediakan lagi alat² yang moden di-udara dan juga di-darat.

386. Semenjak Malaysia di-tubuhkan perjalanan udara dalam negeri² Borneo dan di-antara negeri² itu dengan negeri² luar telah bertambah berlipat ganda. Oleh kerana kekurangan jalan raya, perkhidmatan keretapi dan perhubungan mengikut sungai, perjalanan yang chepat di-dalam negeri² Borneo itu hanya dapat di-buat dengan jalan udara sahaja. Untuk mengadakan perkhidmatan penerbangan yang sempurna dalam Negeri² Borneo dan antara negeri² itu dengan negeri² luar maka dasar² Kerajaan ia-lah hendak menyedia dan mengelokkan padang² kapalterbang dan kemudahan² di-seluruh Negeri² Borneo supaya Sharikat Penerbangan Malaysia dapat menggunakan kapalterbang jenis Fokker bagi perjalanan ka-tempat² yang besar di-dalam negeri² Borneo itu dalam pertengahan tahun 1967. Kerajaan juga hendak memperelokkan lagi perkhidmatan talikom, perkhidmatan penolongan penerbangan udara dan kemudahan² bagi penerbangan waktu malam.

387. Sharikat Penerbangan Borneo dan Sharikat Penerbangan Malaya telah di-jadikan satu sharikat pada 1hb April, 1965, bernama Sharikat Penerbangan Malaysia Berhad. Langkah menyatukan sharikat² itu telah memberi faedah yang amat memuaskan hati dan telah membawa kemajuan yang besar kepada perkhidmatan penerbangan di-dalam negeri² Borneo. Dalam tahun 1965 bilangan penerbangan kapalterbang Comet jenis Jet ka-Jesselton dan Kuching telah ditambah dan ranchangan telah di-susun untuk memulakan perkhidmatan penerbangan kapalterbang jenis Fokker Friendship ka-satengah² tempat yang besar di-dalam Negeri itu pada tahun 1966.

388. Bengkel² kapalterbang baharu di-Jesselton yang di-bena oleh Jabatan Penerbangan 'Awam Sabah untuk kegunaan Sharikat Penerbangan Malaysia telah siap pada 1hb April, 1966. Bahagian Kejuruteraan Sharikat Penerbangan Malaysia telah berpindah dari Labuan ka-Jesselton pada tarikh itu juga.

389. Alat² lampu lapangan terbang yang kuat telah di-pasang di-Jesselton dan Kuching dan mula di-gunakan dalam bulan Mach, 1966.

390. Pekerjaan membena lapangan terbang Miri telah di-mulakan dalam tahun 1965 dan di-jadualkan siap dalam bulan Jun 1967. Pekerjaan membena sa-mula padang kapalterbang Bintulu telah juga di-mulakan dan padang kapalterbang ini akan siap dalam bulan Jun 1967.

391. Kerja membena padang kapalterbang yang baharu di-Sandakan hampir siap pada penghujung tahun 1965. Landasan baharu bagi padang kapalterbang Sandakan itu mula di-gunakan pada bulan November 1965. Kerja membena sa-mula padang kapalterbang Lahad Datu telah di-mulakan juga pada penghujung tahun itu. Kerja ini di-jadualkan siap dalam bulan Jun 1968.

392. Kerja melengkapkan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat bagi Jabatan Penerbangan 'Awam Negeri² Borneo dengan alat² baharu telah banyak yang siap dan demikian juga kerja memperelokkan lagi kemudahan² perhubungan radio dan bantuan radio kepada pelayaran telah banyak yang siap.

B. JABATAN LAUT DAN PELABOHAN

393. Lima puluh peratus daripada pekerjaan bahagian kedua bagi ibu pejabat Jabatan Laut di-Pelabohan Swettenham telah siap. Ranchangan ini di-harap akan siap pada akhir tahun 1966.

394. Sa-buah kapal korek telah di-bena di-Butterworth oleh sa-buah Sharikat tempatan dengan belanja \$1.9 juta dan telah di-gunakan semenjak 4hb Mei, tahun ini.

395. Jabatan Laut telah juga di-beri sa-buah perahu ayer yang berharga \$300,000 dan telah pun di-gunakan pada awal tahun 1965.

396. Kerja membena jetty di-Pulau Langkawi tidak dapat di-sudahkan dalam tahun 1965 dan kerja ini di-sambong hingga tahun 1966.

397. Pekerjaan menambak dermaga dalam di-Butterworth banyak yang siap dalam bulan Ogos 1965. Pekerjaan mendalamkan tempat² menambat kapal di-jangka akan siap pada awal tahun 1966. Semua kerja membuat benteng telah banyak di-siapkan dalam bulan Ogos 1965.

398. Keputusan telah di-buat berkenaan dengan tawaran² membena dermaga dalam pada bulan Jun 1965. Segala pekerjaan permulaan bagi membena dermaga ini telah siap dan kontraktor itu memulakan pekerjaan "piling" dalam bulan Mach 1966.

399. Pekerjaan mendalamkan baki sa-bahagian daripada Pengkalan Weld yang di-jalankan oleh Surohanjaya Lembaga Pelabohan Pulau Pinang telah pun siap. Pekerjaan membena dermaga itu telah berjalan dengan memuaskan hati sa-telah kerja piling di-mulakan dalam bulan September 1965.

400. Kerja membena bangunan Penumpang yang baharu dan Pejabat Pertadbiran telah siap dalam bulan September. Pejabat² Pertadbiran di-tingkat yang pertama dan yang kedua di-bangunan ini telah pun di-dudoki dalam bulan Oktober. Bangunan Penumpang yang baharu ini telah di-buka dengan resmi-nya oleh Menteri Pengangkutan pada 30hb Oktober, 1965.

401. Pada bulan Julai 1965 kapal ferry yang keenam bagi Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang telah siap dan di-gunakan. Dengan tambahan ini kapal² ferry sekarang berjalan pada tiap² 10 minit sa-kali pada masa sebak.

402. Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang bersama² dengan Sharikat Perumahan telah mengadakan ranchangan rumah murah di-Bagan Ajam supaya membolehkan kaki-tangan² mereka yang bergaji rendah membeli rumah sendiri. Ranchangan ini mengandongi 98 buah rumah, semua-nya telah di-dudoki oleh kaki-tangan² Surohanjaya itu. Mereka membeli rumah ini dengan wang pinjaman yang di-beri dengan faedah yang rendah.

LEMBAGA PELABOHAN SWETTENHAM

403. Barang dagangan melalui Pelabohan Swettenham sa-makin bertambah banyak. Oleh itu perlu-lah di-tambah berbagai² kemudahan di-Pelabohan ini supaya dapat mengendali penambahan trafik dan kehendak² kawasan perusahaan di-Petaling Jaya dan Klang yang sa-makin bertambah luas dengan chepat-nya. Oleh hal yang demikian, dalam masa di-laksanakan Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Lembaga Pelabohan Swettenham berchadang hendak menambah suatu

kawasan berdekatan dengan Pelabuhan baharu Selat Klang Utara dan juga membena dua buah lagi tempat tambatan kapal. Peruntukan tanda sa-banyak \$10 bagi tiap² satu projek itu telah pun di-buat dalam anggaran tahun 1966. Lembaga ini juga sedang meminta nasihat daripada penasihat² kejuruteraan berkenaan dengan masaalah yang berkaitan dengan teknik bagi melaksanakan projek² itu.

404. Atas nasihat jurutera-nya, Lembaga Pelabuhan Swettenham berchadang hendak membena sa-mula dermaga Nombor 4 dan 5 di-pelabuhan lama. Dermaga² ini telah di-bena lebeh 50 tahun dahulu dan sekarang tiada berguna lagi. Peruntukan sa-banyak 4 juta ringgit telah pun di-buat dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Pertama sa-bagai pinjaman. Daripada peruntukan itu sa-banyak 2 juta ringgit akan di-belanjakan dalam tahun 1966.

PELABOHAN² DI-PANTAI TIMOR

405. Kerajaan telah banyak mengambil berat dalam tahun ini mengenai perkara memperelokkan lagi pelabuhan² di-Pantai Timor dan kemungkinan membena sa-buah pelabuhan lautan. Tetapi ada-lah di-katakan dengan berterus terang bahawa perkara memaju dan memperelokkan pelabuhan² di-Pantai Timor adalah perkara yang sukar. Kapal² yang hendak masuk ka-pelabuhan² yang terletak di-muka² sungai itu kena melalui benteng² dan terusan ka-pelabuhan itu hanya dapat di-gunakan jika selalu di-dalamkan dan mendalamkan-nya memakan belanja yang banyak. Sa-buah pelabuhan yang dalam di-Pantai Timor akan memerlukan pembenaan tempat² hempasan ombak yang banyak belanja membuat-nya untuk melindungi pelabuhan itu daripada angin musim gelora. Oleh itu sa-bagai langkah yang pertama, Kementerian Pengangkutan menchadangkan supaya di-dapati nasihat teknik yang bebas, mungkin di-bawah Ranchangan Colombo, atas perkara memperelokkan lagi pelabuhan² di-pantai yang ada sekarang dan faedah² dan kemungkinan dari segi kewangan bagi membena sa-buah pelabuhan lautan.

406. Sa-buah galangan kapal berat 500 tan yang baharu di-Labuan Sabah, telah siap di-bena kechuali hubungan pesawat letrik dan alat² pembahagian. Galangan kapal ini di-bena untuk keperluan kapal² pasokan keselamatan yang berkhidmat di-kawasan ini termasuk-lah kapal² periok api kepunyaan Angkatan Laut di-Raja Malaysia. Galangan kapal ini di-jangka akan dapat di-gunakan pada awal tahun 1967. Tawaran untuk membena sa-buah galangan kapal berat 120 tan di-Sandakan akan di-pelawa tiada lama lagi dan kerja membena-nya di-harap akan dapat di-mulakan. Apabila siap galangan kapal ini kapal² yang berkhidmat di-Pantai Timor Sabah termasuk kapal² pasokan keselamatan, tiada akan banyak di-hantar ka-Labuan untuk di-perbaiki. Dengan jalan ini dapat-lah di-kurangkan masa membaiki kapal² itu dan menambah kecekapan gerakan kapal² itu.

407. Tambatan² telah siap di-bena di-kedua² belah pehak dermaga di-Sandakan. Ini manambah tempat kapal berlaboh dan mengadakan kawasan tepi sa-panjang 950 kaki. Banyak kerja membaiki lagi pelabuhan telah siap di-jalankan dalam kawasan pelabuhan itu dan dengan hal yang demikian barang² dagangan dapat di-punggah dengan lebeh senang lagi.

408. Dermaga baharu akan juga di-bena di-Lahad Datu dan Sempurna. Jalan masuk ka-tempat yang di-chadangkan untuk membena dermaga baharu di-Lahad Datu itu sedang di-bena. Kerja membena dermaga di-Sempurna sedang berjalan dengan baik, dan di-jangka akan siap dalam bulan September tahun 1966. Tujuan membena kedua² dermaga ini ia-lah supaya kapal² dagangan dan penumpang kepunyaan Sharikat Straits Line dan juga kapal² lain yang sama besar-nya dapat berlaboh di-tepi.

409. Tiga buah perahu lancharan baharu yang di-bena di-Sabah dalam tahun 1964 telah di-serahkan dalam tahun 1966, dua buah kapada Jabatan Perubatan dan sa-buah lagi kapada Jabatan Kerja Raya.

410. Tujoh buah kapal sedang di-bena termasuk sa-buah kapal korek, sa-buah kapal membawa alat² perkakas jurutera bagi Jabatan Kerja Raya, sa-buah kapal membawa orang² sakit dan sa-buah kapal lari deras bagi Jabatan Perubatan, sa-buah perahu lancharan penyelamat di-laut bagi kegunaan Jabatan Penerbangan 'Awam, sa-buah kapal untuk kegunaan Pertadbiran di-Sandakan dan sa-buah lagi untuk kegunaan di-Pelabohan serta perkhidmatan pemandu kepunyaan Jabatan Laut.

411. Dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Pertama ada di-buat peruntukan bagi menjalankan penyelidikan untuk memajukan lagi dua buah pelabohan besar di-Jesselton dan Sandakan di-mana perdagangan sedang bertambah maju dengan chepat-nya.

412. Pada akhir tahun yang lalu, Jabatan Laut Sarawak telah mendapat dua buah perahu lancharan yang baharu lagi laju dan sa-buah perahu pendarat yang baharu untuk membawa alat² perkakas jentera, untuk mengelokkan lagi jalan² dan padang² terbang. Pasokan Kaji Laut Sarawak telah berkhidmat sa-lama dua bulan bagi pehak Kerajaan Brunei berkenaan dengan usaha hendak membesarkan pelabohan. Kerja menyukat sungai dari Sibu ka-Kanowit telah siap dan satu peta (chart) telah di-terbitkan.

413. Kapal yang besar sa-kali berlaboh di-Kuching dan Sibu, SS Jin An, telah di-bawa oleh pemandu² Jabatan Laut dengan jaya-nya beberapa kali. Berat kapal ini ia-lah 5,300 tan dan panjang-nya 425 kaki.

414. Jabatan Laut Sarawak terus berusaha meninggikan keselamatan perahu² tempatan tetapi keputusan, hendak mengadakan bilek yang tiada boleh di-masok ayer dalam perahu² di-sungai telah di-tanggohkan hingga bulan Jun, 1966.

415. Tugas² Jabatan Pemereksa Kapal ia-lah melaksanakan dasar Kerajaan berkenaan dengan keselamatan nyawa di-laut mengikut Undang² Perkapalan Dagangan dan berbagai² Undang² antarabangsa berhubung dengan keselamatan dan berat muatan.

416. Tahun lepas Malaysia telah menerima "Undang² Antara Bangsa bagi Keselamatan Nyawa di-Laut 1960" dan undang² ini berjalan kuat-kuasa-nya mulai daripada bulan November, 1965.

417. Kerajaan berjanji hendak melaksanakan undang² tersebut dengan sa-penoh-nya dan menentukan bagi keselamatan nyawa supaya kapal² Malaysia dan kapal² lain yang menggunakan Pelabohan Malaysia ada-lah layak untuk menjalankan perkhidmatan-nya.

C. PERKHIDMATAN KAJICHUACHA

418. Perkhidmatan Kajichuacha Tanah Melayu terus memberi perkhidmatan yang sangat tinggi mutu-nya kapada penerbangan 'awam dan penerbangan tentera udara, kapal² dan juga kapada orang² 'awam serta melaksanakan sa-bberapa yang boleh shor² Pertubohan Kajichuacha Sa-dunia, yang mana Malaysia ada-lah menjadi ahli-nya, berkenaan perkara mengadakan pusat² mengkaji chuacha di-bumi dan di-angkasa yang lengkap dan ranchangan² pemerhati menurut kehendak² Antara Bangsa.

419. Projek "radio-sonde" di-Bayan Lepas telah siap dalam bulan April, 1965 dan sekarang di-gunakan dengan sa-penoh-nya. Projek ini telah di-bena sa-bagai sumbangan Malaysia kapada "Indian Ocean Expedition". Tugas-nya ia-lah menyediakan butir² angkasa tinggi yang mustahak untuk menganalisa dan

mengkaji chuacha bagi perjalanan kapal terbang jet antara-bangsa. Belon² penyelidekan angkasa tinggi di-lepaskan sa-tiap hari untuk mengetahui keadaan udara dan menyukat lengkongan kajichuacha saperti hawa, kelembahan dan tekanan udara.

420. Sa-buah setor kajichuacha yang baharu di-Lapangan Terbang Subang telah siap dalam bulan September 1965. Setor ini menjadi pusat setor tempat menyimpan alat² perkakas dan bekalan di-Malaysia seluroh-nya dan juga arkib chuacha tempat menyimpan rekod dan analisa hawa.

D. KESELAMATAN JALAN RAYA

421. Kerajaan sangat mengambil berat tentang masaalah keselamatan jalan raya dan kemalangan² yang berlaku di-negeri ini. Sa-lain daripada mengelokkan lagi jalan² raya, lampu jalan, lampu² isharat terafik dan menguat-kuasakan undang² terafik, Kerajaan akan terus menjalankan kempen keselamatan jalan raya dari sa-masa ka-samasa dengan tujuan hendak memberi kesedaran kepada pengguna² jalan raya tentang akibat kemalangan jalan raya. Dalam kempen² itu perkara yang terutama sa-kali di-tegaskan ia-lah tanggung-jawab pengguna² jalan raya mengikut peratoran terafik dan panduan jalan raya. Buku² kecil, risalah² dan pelekat² berkenaan dengan keselamatan jalan raya di-bahagi²kan kapada orang 'awam. Siaran juga di-buat melalui tayangan filem² keselamatan jalan raya di-panggong² wayang menunjukkan kapada orang² 'awam bagaimana perlu-nya mereka menjaga keselamatan di-jalan raya. Sa-lain daripada itu penerangan juga di-beri melalui talivishen, radio dan redifussion. Dengan kerjasama sa-buah Sharikat Minyak permainan lalu-lintas jalan raya telah di-adakan dari sa-masa ka-samasa bagi mengajar budak² sekolah dalam negeri ini peratoran dan tata tertib jalan raya.

E. PENGANGKUTAN JALAN RAYA

422. Jabatan Pengangkutan Jalan Raya terus bertambah besar. Bilangan kereta² yang di-daftarkan hingga 31hb Disember, 1965, ia-lah 395,118 buah, ia-itu bertambah sa-banyak 52,727 buah kereta jika di-bandingkan dengan tahun 1964. Hasil yang di-pungut dalam tahun 1965 berjumlah 108½ juta ringgit berbanding dengan 92½ juta ringgit yang di-pungut pada tahun 1964. Satu peratoran baharu melesen kereta² mengikut besar "cylinder" kereta² itu telah di-adakan pada tahun lalu menggantikan chara lama melesen kereta² mengikut kekuatan kuda. Meshuarat² selalu di-adakan oleh Lembaga Pelesen Pengangkutan Jalan Raya di-beberapa buah negeri untuk menyenangkan pemohon² dan saksi² mereka.

423. Sa-bagai melaksanakan dasar yang di-ishtiharkan Kerajaan, orang² Melayu telah mencapai kemajuan dalam lapangan perusahaan pengangkutan jalan raya dengan beransor² dalam tahun 1965 dan di-harap kemajuan ini akan dapat di-kekalkan dalam tahun ini. Pada 31hb Disember, 1965, negeri² Pulau Pinang, Perak, Pahang, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka telah mencapai had bilangan lesen² teksi dan kereta² sewa yang di-khaskan bagi orang² Melayu. Di-negeri² lain had bilangan lesen yang di-khaskan bagi orang² Melayu hampir² terchapai. Pada 31hb Disember, 1965, bilangan lesen kereta² pengangkutan yang di-punya² oleh orang² Melayu atau Sharikat yang berkongsi dengan orang² Melayu ia-lah sa-banyak 1,410. Modal orang² Melayu dalam sharikat² bas telah juga bertambah menjadi \$7,521,057 sa-belum habis tahun 1964. Angka² bagi tahun 1965 belum lagi siap tetapi boleh-lah di-anggap bahawa modal orang² Melayu dalam sharikat² bas akan bertambah lagi.

424. Dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama sa-juta ringgit telah di-untokkan kapada Jabatan Pengangkutan Jalan Raya untuk membena bangunan² pejabat baharu dan kemudahan² memereksa dan menimbang di-Alor Star,

Kuantan dan Melaka. Pelan² berkenaan dengan bangunan² pejabat baharu di-Petaling Jaya dan kemudahan² memereksa dan menimbang sedang di-siapkan dan di-jangka tawaran² akan dapat di-pelawa dalam bulan Mei 1966. Apabila siap bangunan baharu ini akan dapat mengadakan kemudahan² yang lebih baik bagi menyenangkan orang ramai.

F. PERTADBIRAN KERETAPI

425. Beberapa projek yang mengelokkan lagi perkhidmatan keretapi Tanah Melayu telah siap dalam tahun 1965. Dalam rancangan menggunakan lagi enjin diesel, 15 buah kepala keretapi diesel hydraulic yang baharu dan 15 buah kereta diesel yang baharu telah di-beli. Jalan baharu dari Bukit Timah ka-Jurong telah di-buka bagi faedah "Complex" Perusahaan Jurong di-Singapura. Sambongan jalan dari Prai ka-Butterworth sedang di-bena dan rancangan ini di-jangka akan siap dalam tahun 1967. Kerja² membenas steshen penumpang yang baharu dan tempat² barang di-Wakaf Baharu, Kelantan telah di-mulakan dan steshen sempadan di-Sungai Golok yang di-punya bersama oleh Keretapi Thai dan Keretapi Tanah Melayu telah siap di-bena sa-mula dengan alat² kemudahan yang baharu. Steshen ini telah di-buka dengan resmi-nya pada bulan April tahun ini.

426. Tahun ini Jabatan Keretapi akan memulakan rancangan² di-bawah Rancangan Pembangunan Malaysia Lima-Tahun Yang Pertama dengan mengadakan beberapa projek pembangunan lagi seperti membeli beberapa buah lagi kepala keretapi diesel dan gerabak² dan melengkapkan-nya dengan alat² isyarat yang baharu. Jabatan Keretapi akan terus membuat rancangan bagi memajukan perdagangan dan memperelokkan lagi jalan² keretapi.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERUSAHAAN

BARANGAN² EKSEPT

427. Dalam bidang barang² eksept, dasar Kerajaan ia-lah hendak terus menjalankan langkah² bagi menguat dan memperkukuhkan lagi kedudukan ekonomi dan perdagangan di-dalam negeri serta di-luar negeri.

GETAH

428. Dengan harapan penggunaan getah akan bertambah di-seluruh dunia, getah asli mesti-lah di-usahakan supaya ia di-kehendaki dengan sa-banyak²-nya. Oleh kerana ada pertandingan daripada getah tiruan, getah asli hanya dapat di-usahakan dengan menambah daya pengeluaran, mengurangkan harga pengeluaran, memperbaiki chara² membungkus dan memproses serta menggalakkan penye-lidekan untuk menambah hasil dan menjalankan kempen untuk membanyakkan jualan.

429. Rancangan menanam sa-mula yang di-lancarkan dalam tahun 1952, telah mencapai kejayaan yang besar. Pada akhir tahun 1965, ada-lah di-anggarkan bahawa 70 peratus daripada ladang² getah dan 46 peratus daripada kebun² kecil di-Negeri² Tanah Melayu telah di-tanam sa-mula dengan benih getah yang baik mutu-nya. Ini telah mengakibatkan bukan sahaja bertambah-nya pengeluaran tetapi juga bertambah-nya hasil bagi satu² ekar. Dalam tahun 1965 jumlah pengeluaran getah di-Negeri² Tanah Melayu ia-lah 860,000 tan jika di-bandingkan dengan 824,000 tan bagi tahun yang dahulu daripada itu.

430. Usaha² untuk memperbaiki chara memproses dan menyediakan getah asli di-Negeri² Tanah Melayu telah mencapai kemajuan yang besar dalam tahun 1965 dengan membuat "Standard Malaysian Rubber" yang mengasing-asingkan

getah mengikut sifat² teknik-nya bukan-nya melihat dengan mata kepala sahaja. Getah itu di-bungkus berbandela² dan di-balut dengan kertas polythylene dan tidak lagi dalam bandela² yang di-buboh tepong kapor. Usaha² membuat chara² baharu untuk membungkus dan memperkemas getah telah juga di-jalankan. Kerja² ini bukan hanya dapat mengurangkan harga pengeluaran bahkan juga memperbaiki chara membuat getah.

431. Penyelidikan untuk menambah hasil dengan mengeluarkan bahan² tanaman yang lebih baik dan chara² mengerjakan bahan² itu telah juga menunjukkan pendapatan yang menggalakkan. Di-kebun² perhubungan, hasil yang lebih daripada 3,000 paun bagi satu² ekar telah tercapai dan di-ladang² perusahaan hasil telah meningkat dengan cepat dan ada harapan ia-nya akan melebihi 2,000 paun sa-ekar sa-tahun. Dengan ada-nya chara chantum hijau pokok getah dapat di-turis 7 bulan lebih awal daripada chara yang biasa.

432. Dalam lapangan perdagangan dan pemasaran, Kerajaan telah mengkaji sa-mula gerakan² pertubuhan pemasaran dalam tahun 1965 dan langkah² akan di-jalankan untuk menguatkan kedudukan-nya. Satu rombongan Perdagangan Getah telah melawat negara² yang banyak membeli getah di-Eropah dalam tahun 1965 untuk membuat hubungan muhibbah dengan peniaga² dan pembeli² serta membincangkan masaalah untuk memajukan perniagaan getah.

BIJEH TIMAH

433. Kerajaan telah sentiasa mengambil perhatian berat tentang masaalah ekonomi dan perdagangan perusahaan bijeh ia-itu salah satu daripada dua perusahaan yang penting bagi ekonomi negara. Sa-lama tiga tahun yang lalu perusahaan ini telah terganggu. Satu daripada sebab²-nya ia-lah penjualan bijeh yang berlebihan daripada simpanan yang bukan untuk perdagangan. Seperti masa yang sudah² Kerajaan akan sentiasa berusaha dengan tiada berhenti² mencari jalan untuk mengurangkan kesan gangguan tersebut ka-atas perusahaan bijeh melalui Majlis Bijeh Timah Antara Bangsa dan saluran² diplomatik yang biasa.

434. Malaysia ia-lah ahli Perjanjian Bijeh Timah Antara Bangsa yang Kedua yang akan tamat tempoh-nya pada hujung bulan Jun tahun 1966. Satu Perjanjian yang Ketiga yang di-anjorkan oleh Bangsa² Bersatu telah di-rundingkan dalam bulan Mach/April 1964 dan akan di-kuat kuasakan sa-lepas tarikh tersebut.

NENAS

435. Sunggoh pun ada banyak pengeluar² nenas dalam tin di-pasaran² besar dunia, dalam tahun yang lalu Malaysia telah menambah eksepot nenas dalam tin-nya daripada 2,500,000 kotak dalam tahun 1964 kepada hampir² 3,000,000 kotak. Langkah² telah di-ambil untuk memperkukuhkan lagi kedudukan-nya di-pasaran² besar dunia dengan jalan mengadakan beberapa atoran bagi meng-elokkan lagi sistem pemasaran.

436. Sharikat Mengetin Nenas Tanah Melayu Berhad yang telah di-tubuhkan dalam tahun 1964 dengan modal biasa Kerajaan sa-banyak \$5 juta di-bawah Rancangan Pembangunan Tanah Melayu yang Kedua telah memberi jaminan kepada penanam² kecil yang mengeluarkan nenas dalam kawasan itu dan juga memberi peluang bekerja kepada lebih daripada 400 orang keluarga penanam² kecil yang sa-belum daripada itu tiada banyak yang bekerja atau tiada bekerja langsung di-ladang² itu.

437. Pada tahun lepas pengeluaran nenas oleh penanam² kecil telah bertambah sa-banyak 21 peratus ia-itu daripada 183 juta paun dalam tahun 1964 hingga 220 juta paun. Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu sedang mengambil berat tentang pengeluaran nenas yang sa-makin lama sa-makin bertambah banyak. Undang² bagi mendaftarkan penanam² nenas telah di-luluskan

oleh Parlimen pada akhir tahun 1965 dan Atoran² untuk menguat-kuasakan pendaftaran ini telah di-terbitkan pada awal tahun ini. Dengan pendaftaran ini, dapat-lah Lembaga Perusahaan Nenas Tanah Melayu memerhatikan keadaan pengeluaran nenas dan mengadakan langkah² yang sesuai untuk menjaga kepentingan penanam² kecil.

KAYU BALAK

438. Undang² bagi menubuhkan sa-buah Lembaga Eksepot Kayu Balak Tanah Melayu untuk mengawal perdagangan eksepot kayu balak telah di-luluskan oleh Parlimen pada akhir tahun 1965. Tujuan-nya ia-lah supaya perusahaan kayu balak itu tetap, kukuh dan terator dan pengimpot² dari luar negeri yakin kapada eksepot Tanah Melayu. Penubuhan Lembaga itu sekarang menunggu Kerajaan Singapura meluluskan undang² yang sama seperti itu.

PEMBANGUNAN PERUSAHAAN

439. Kerajaan akan sentiasa berpegang kuat kapada dasar² usaha bebas untuk menggalakkan lebih banyak lagi penyertaan modal tempatan dan modal asing terutama sa-kali dalam perusahaan. Kemajuan perusahaan dalam masa jangka panjang ia-lah satu jalan yang baik sa-kali bagi meluaskan ekonomi Malaysia dan Kerajaan akan sentiasa memberi perangsang dan mengadakan kemudahan untuk memajukan gerakan kemajuan perusahaan. Dalam tahun yang lalu kemajuan yang telah tercapai dalam lapangan ini sangat memuaskan. Sungguh pun ada konferantasi, ekonomi negara ini pada 'am-nya menyenangkan hati dan pembuat² barang² dapat menambah kegiatan² mereka. Pada tahun lepas, Kerajaan telah mengenakan chukai² pelindung ka-atas barang² yang di-impot kerana hendak menjaga perusahaan² tempatan daripada pertandingan barang² yang di-impot. Langkah ini telah membantu perusahaan² tempatan hingga mereka telah dapat menambah pengeluaran. Dan lagi dalam tahun yang lalu juga Persatuan Kastam Malaysia telah di-tubuhkan supaya semua barang² buatan tempatan boleh di-bawa ka-mana² dengan bebas-nya di-seluruh negara. Dengan ada-nya chukai pelindung dan Persatuan Kastam pembuat barang² Malaysia sekarang memperolehi pasaran yang lebih luas untuk barang² mereka, dan mereka dapat mengurangkan harga pengeluaran.

440. Kerajaan telah juga menyatakan terang² bahawa ia akan menggunakan chukai pelindung dengan bijak supaya perusahaan² tempatan boleh hidup. Jaminan ini sa-patut-nya menggalakkan lebih banyak lagi tanaman modal persendirian dalam perusahaan membuat barang².

441. Rancangan perusahaan² taraf perintis telah terus menarek banyak modal tempatan dan asing ka-negeri ini. Sa-takat ini 138 sijil taraf perintis telah di-keluarkan di-Malaysia: 115 sijil di-Negeri² Tanah Melayu, 11 di-Sabah dan 12 di-Sarawak. Jumlah modal nama sahaja bagi 138 buah sharikat perintis tersebut ia-lah \$740 juta. Sa-banyak \$244 juta ia-lah modal yang telah di-bayar, ia-itu \$95 juta di-keluarkan oleh pemodal² tempatan manakala \$149 juta oleh pemodal² asing.

442. Tujuh belas buah negara asing telah mengambil kesempatan menanam modal melalui projek² tanggungan bersama dengan pemodal² tempatan di-bawah rancangan taraf perintis. Sa-banyak 104 daripada 138 buah sharikat taraf perintis telah mulai mengeluarkan barang². Ada-lah di-anggarkan apabila semua 138 buah sharikat perintis ini mengeluarkan barang dengan sa-penoh-nya, sa-ramai 16,000 orang akan mendapat pekerjaan.

443. Sa-lain daripada itu taraf perintis telah di-beri, pada dasar-nya, kapada 51 buah sharikat yang mempunyai modal nama sahaja sa-banyak \$146,050,000. Jumlah modal yang telah di-bayar oleh sharikat² ini ia-lah \$55,690,000. Ada-lah di-fikirkan sa-ramai 7,000 orang akan di-ambil bekerja apabila sharikat² ini mengeluarkan barang² dengan sa-penoh-nya.

444. Ranchangan² usaha bersama telah membawa bersama dengan-nya pengetahuan teknik serta bekalan wang yang telah menggiatkan lagi kemajuan perusahaan. Kerajaan yakin penubohan ranchangan² usaha bersama patut digalakkan dengan sa-penoh-nya kerana ranchangan² ini mendatangkan beberapa faedah kepada ekonomi. Akan tetapi jangan-lah di-lupakan pula sumbangan yang di-beri oleh sharikat² bukan bertaraf perintis kepada ekonomi ia-itu dalam lapangan penanaman modal dan peluang² pekerjaan. Kegiatan yang bertambah² dalam urusan² perniagaan dan bank telah juga mengadakan banyak peluang bekerja.

445. Malaysia sekarang mempunyai beberapa banyak perusahaan² kecil yang mengeluarkan barang² kebanyakan-nya untuk pasaran dalam negeri. Oleh sebab Malaysia telah biasa menjadi pengimpot yang besar untuk barang² pengguna, maka penubohan perusahaan² tersebut telah dapat memelihara simpanan wang asing.

446. Sekarang telah sampai-lah masa-nya bagi Malaysia menubuhkan perusahaan² yang lebih berat yang mustahak bagi mengembangkan perusahaan dengan lebih cepat lagi. Ada 'alamat² baik untuk mengembangkan perusahaan pada masa hadapan.

447. Oleh kerana Kerajaan sedar betapa mustahak-nya kemajuan perusahaan dalam ekonomi Malaysia, dalam tahun 1965, Kerajaan telah meminta sa-buah sharikat perunding yang mashhor mengkaji kebolehan² ekonomi negara ini. Rombongan pakar² sharikat ini telah tiba dalam tahun 1965 untuk mengkaji tentang kebolehan menubuhkan perusahaan² yang tertentu, dan telah di-minta membuat shor² mengenai penyiataan-nya kepada Kerajaan. Rombongan ini telah pun menyiapkan kajian-nya dan mengemukakan satu laporan berkenaan dengan perusahaan memasang motokar dan Kerajaan pun telah menggunakan laporan ini sa-bagai dasar untuk menggalakkan penubohan perusahaan ini di-Malaysia. Lain² laporan akan di-terima tidak lama lagi. Pada masa yang telah sudah, ikhtiar dan daya utama bagi menubuhkan perusahaan² datang-nya dari pemodal² sendiri, tetapi, dengan ada-nya laporan² yang di-sampaikan oleh Arthur D. Little, Kerajaan akan dapat memberi peluang menanam modal yang tertentu kepada pemodal². Langkah ini sangat-lah perlu dan menjadi satu chara yang sangat baik bagi memajukan perusahaan.

448. Kerajaan telah mengutamakan penubohan Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan. Lembaga ini akan menjadi satu pertubohan yang sangat mustahak oleh kerana tugas²-nya akan termasuk mengkaji kebolehan² ekonomi, menggalakkan kemajuan perusahaan, membena kawasan² perusahaan, menyatukan usaha² memajukan perusahaan dan menimbangkan serta memproses permohonan² taraf perintis. Lembaga ini akan terdiri daripada pegawai² yang berkeelayakan dan kerja²-nya akan di-laksanakan di-seluruh Malaysia.

449. Pusat Piawaian Malaysia atau pun "Standards Institution of Malaysia" telah di-tubuhkan untuk menjaga dan meninggikan mutu barang² buatan Malaysia supaya barang² ini boleh di-pasarkan di-dalam dan di-luar negeri dengan senang-nya, serta boleh bertanding dengan barang² yang di-impot. Pada masa ini sa-orang pakar di-bawah Ranchangan Colombo, berada di-negeri ini untuk menasehatkan dan membantu Kerajaan melancarkan Pusat tersebut. Pemeliharaan atas mutu barang² dan kawalan kualiti oleh Pusat Piawaian ini akan menghapuskan perasangka orang ramai terhadap barang² buatan tempatan.

450. Pada tahun lepas sa-buah jawatan-kuasa khas yang terdiri dari pegawai² tinggi Kerajaan telah di-lantek untuk menyemak dorongan² dan kemudahan² untuk kemajuan perusahaan dan membuat shor² kepada Kerajaan atas langkah² yang patut di-ambil supaya menggalakkan lagi penanaman modal dalam perusahaan.

451. Tujuan Kerajaan ia-lah hendak melipat-gandakan usaha² supaya mempercepatkan lagi kemajuan perusahaan ia-itu satu jalan bagi meluaskan lagi bidang ekonomi negara. Ada-lah di-harap, pada masa yang akan datang dengan ada-nya kemajuan perusahaan yang pesat, keadaan ekonomi Malaysia akan bertambah kukuh dan meninggikan taraf hidup semua ra'ayat Malaysia.

PUSAT DAYA PENGELUARAN NEGARA

452. Dengan usaha² dan sokongan yang lebih meluas daripada pemimpin² perdagangan dan perusahaan serta dengan permintaan daripada pertubuhan² membuat barang² dan lain² perusahaan untuk membanyakkan pengeluaran dan meninggikan taraf hidup, Pusat Daya Pengeluaran Negara telah mengembangkan ranchangan² latehan-nya ka-negeri Sabah dan Sarawak.

453. Sa-telah di-jalankan penyiasatan pada tahun 1965, enam kursus latehan yang di-bentok khas mengenai pengeluaran telah di-laksanakan di-Sarawak dan Sabah. 154 orang telah mengambil bahagian dalam kursus² itu. Di-Negeri² Barat Malaysia tiga kursus teknik telah di-jalankan untuk 64 orang kontrekter² Melayu. Sa-takat ini 88 kursus latehan telah di-adakan dan 1,521 orang peserta terdiri daripada golongan pengurus², penyelia² dan pegawai² kesatuan sakerja telah di-lateh. Daripada bilangan ini, dalam tahun 1965 sahaja, sa-ramai 544 orang peserta telah di-lateh di-Pusat ini. Berbagai² projek praktik yang pendek di-tempat² kerja, di-kilang² dan di-pejabat² telah juga di-jalankan oleh pegawai² antara bangsa dan tempatan di-Pusat ini.

454. Ranchangan Gerakan untuk menubuhkan Pusat Daya Pengeluaran Negara telah menyatakan bahawa perjalanan Pusat ini hendak-lah di-semak sa-mula sa-lepas beberapa tahun. Tujuan-nya ia-lah hendak memberi Pusat ini kuasa ber-sendiri yang lebih banyak lagi.

455. Kerajaan telah meluluskan penubuhan Majlis Daya Pengeluaran Negara yang akan mempercepatkan lagi kemajuan perusahaan. Dengan melalui perbadanan ini dan dengan memindahkan sa-bahagian besar tanggung-jawab² pentadbiran dan kewangan Pusat Daya Pengeluaran Negara itu kepada perusahaan, maka ada-lah di-harap kecekapan dalam bidang perusahaan dan perdagangan akan bertambah dan perusahaan akan bertambah maju di-negeri ini. Kerajaan yakin ranchangan bersama antara Kerajaan dengan perniagaan ber-sendirian ini akan memberi harapan yang baik kepada gerakan pengeluaran pada masa akan datang yang memainkan peranan yang dinamis dalam bidang ekonomi negara.

PERDAGANGAN

456. Dalam lapangan perdagangan, bagi bulan Januari hingga bulan Jun 1965, ada-lah di-dapati kelebihan dalam perimbangan kira² perdagangan sa-banyak \$139.7 juta. Ini berbanding dengan kekurangan dalam kira² sa-banyak \$368 juta bagi tempoh yang sama dalam tahun 1964. Perimbangan kira² ini sangat menggalakkan.

Jumlah perdagangan dalam masa enam bulan hingga Jun 1965 ia-lah sa-banyak \$3,448.5 juta mengandongi barang² ekseptot berjumlah \$1,794.1 juta dan impot yang berharga sa-banyak \$1,654.4 juta.

457. Oleh kerana kema'amoran Malaysia sa-bahagian besar-nya bergantung kepada perdagangan terutama sa-kali perdagangan ekseptot, Kerajaan telah terus menerus menjalankan suatu dasar yang bertujuan hendak menambah lagi ekseptot keluaran mentah getah dan bijeh dan juga barang² keluaran kilang saperti nenas dalam tin, kain², "veneer" dan kayu lapisan (plywood). Kerajaan sentiasa menghantar wakil²-nya ka-foram² antara-bangsa dan bersama² dengan wakil² negeri yang sedang maju, ia terus menerus berjuang untuk mendapatkan bahagian yang lebih besar lagi dalam perdagangan dunia dan juga untuk mendapat harga yang lebih baik bagi ekseptot barangan² mentah negeri ini.

458. Pada tahun lepas ada di-sebutkan tentang penubuhan Perkhidmatan Pesuruhjaya² Perdagangan yang di-harapkan oleh Kerajaan bukan sahaja untuk mengekalkan tingkatan perdagangan Malaysia di-saberau laut yang ada sekarang ini bahkan juga meluaskan-nya lagi. Kerajaan telah pun mula mengambil pegawai² untuk perkhidmatan ini dan pegawai² ini akan di-hantar untuk berkhidmat di-negeri² sa-berang laut yang ada hubungan perdagangan yang banyak dengan negeri ini, sa-lepas sahaja mereka mendapat latehan yang pendek di-negeri ini.

459. Untuk meluaskan perdagangan dalam negeri pula, Kerajaan telah mengadakan beberapa Pameran Perdagangan, satu daripada-nya ia-lah Pameran Barang² Buatan Malaysia. Pameran yang ketiga dalam siri ini telah di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan Ogos tahun lepas. Sa-lain daripada hendak meluaskan perdagangan dalam negeri, tujuan Pameran Barang² Buatan Malaysia itu ia-lah hendak menggalakkan orang ramai menggunakan segala jenis barang² yang pada masa ini di-keluarkan oleh kilang² dalam negeri ini. Ada-lah dasar Kerajaan hendak mengadakan pameran seperti ini sa-kurang²-nya sa-kali sa-tahun dan untuk tahun ini pula ranchangan² sedang di-buat untuk mengadakan satu Pameran Perdagangan Malaysia di-atas kapal. Kapal itu akan di-hantar untuk mempertunjukkan barang² itu ka-pelabohan² di-Malaysia Barat dan juga di-Malaysia Timor. Tujuan-nya ia-lah hendak menggalakkan lagi ra'ayat Malaysia membeli dan menggunakan barang² buatan negeri mereka sendiri. Dan lagi ra'ayat di-Malaysia Timor pun dapat membeli barang² buatan Malaysia yang murah kerana barang² yang di-bawa masuk ka-Sabah dan Sarawak tiada kena membayar cukai.

460. Dengan tujuan hendak menggalakkan persefahaman antara bangsa dan mengekalkan perhubungan baik dan tegoh dengan negeri² yang ada hubungan perdagangan dengan Malaysia Kerajaan telah membuat keputusan hendak mengambil bahagian dalam Pameran Perdagangan Asia yang akan di-adakan di-Bangkok pada bulan November tahun ini. Ini boleh-lah di-anggap sa-bagai satu langkah yang sangat mustahak dalam usaha hendak menggalakkan negara² lain di-Asia membeli barang² buatan Malaysia. Langkah ini ada-lah di-fikirkan mustahak juga kerana Kerajaan yakin bahawa dengan jalan yang demikian dapat-lah di-adakan kerjasama dalam lapangan perdagangan, teknik, kebudayaan dan masharakat.

461. Kerajaan juga berharap akan dapat memulakan perkhidmatan Sharikat Perkapalan Kebangsaan Malaysia dalam tahun ini. Penyata sa-buah jawatan-kuasa khas yang mengkaji penubuhan sharikat itu tidak berapa lama lagi akan di-sampaikan kepada Kerajaan dan tiada-lah shak lagi bahawa shor² jawatan-kuasa itu akan di-timbangkan dengan segera oleh Kerajaan kerana memikirkan betapa mustahak-nya memulakan sharikat perkapalan Malaysia untuk kepentingan perdagangan dan ekonomi negara ini.

PELANCHONGAN

462. Kerajaan yakin bahawa pelanchongan akan terus maju sa-bagai satu unsur yang penting bagi mendapat wang asing. Pada tahun lepas pelanchongan telah berjaya menambah 13 peratus lagi dalam hasil pelanchongan, dan dengan yang demikian telah mengkayakan ekonomi negara sa-banyak lebih kurang 15.9 juta ringgit. Perhatian yang lebih berat akan di-beri kepada usaha menambah kemudahan² pelanchongan dalam negeri ini dan sa-terus-nya wang sa-banyak \$2 juta telah di-untukkan dalam anggaran Pembangunan Malaysia Yang Pertama bagi projek² yang di-ranchangkan di-Negeri Trengganu dan di-Negeri Selangor. Dan lagi Kerajaan akan sentiasa menggalakkan perniagaan² bersendirian untuk menanam modal dalam kawasan² yang belum di-buka lagi tetapi mungkin sesuai untuk di-jadikan tempat pelanchongan dengan mendirikan bangunan² hotel yang baik dan mengadakan hubungan² pengangkutan.

463. Sa-bagaimana yang telah di-ketahui pelanchongan ia-lah satu chara yang berkesan bagi menyebarkan gambaran Malaysia yang sa-benar-nya di-luar negeri. Ini sangat-lah mustahak dalam masa negara ini sedang menentang musuh² dari luar yang mungkin memburok-burokkan hal ehwal negara kita di-luar negeri. Untok mengatasi anchaman² ini Kerajaan sedang meranchangkan kempen² seranta yang lebeh dainamis di-luar negeri dengan menggambarkan Malaysia sa-bagai sa-buah negara yang maju, aman dan ma'amor serta mempunyai penduduk² yang berbilang bangsa dan kebudayaan. Lebeh kurang sa-tengah juta nashkah bahan² seranta ini telah di-bahagi²kan hampir² ka-serata tempat dalam dunia pada tahun lepas.

PERBEKALAN² LETRIK

464. Lembaga Letrik Negara telah menchapai beberapa kemajuan yang besar lagi dalam tahun yang lalu.

465. Di-Cameron Highlands dan kawasan Batang Padang kemajuan yang baik telah di-chapai berikutan dengan pemberian berbagai² konterek yang berkenaan dengan kerja² 'awam yang besar dan perbekalan serta pemasangan alat² perkakas jentera dan letrik yang berkaitan dengan empangan² dan Steshen Janaletrik bawah tanah Ranchangan Letrik Haidero Batang Padang di-Woh. Ada harapan Steshen Janaletrik bawah tanah di-Woh itu dapat di-jalankan pada tarikh yang di-jadualkan ia-itu pada hujong tahun 1967.

466. Berkenaan dengan penyiasatan Ranchangan Letrik Haidero Ulu Perak, sa-kumpulan kakitangan orang Canada sa-ramai sembilan orang daripada Sharikat Kejuruteraan Shawinigan bersama² dengan 90 orang Malaysia yang terdiri dari kakitangan teknik dan kakitangan jurusan lain telah bertugas sepanjang tahun menjalankan kerja² sukat dan penyiasatan kajibumi di-tiga tapak empangan. Penyiasatan kajibumi itu termasuk-lah gerak intan sa-dalam 9,355 kaki; chontoh² tanah telah di-kaji di-Ma'amal Kajian Tanah Jabatan Kerja Raya. Kajian haidero telah di-jalankan untuk memberi anggaran aliran ayer sungai yang dapat di-gunakan dan untuk menyelidek masaalah buangan lumpur di-kolam ayer.

467. Kerja sukat dan penyiasatan tapak dua Ranchangan Letrik Haidero yang kechil di-Sungai Perting dan Sungai Benus dekat Bentong, Pahang telah di-sempurnakan dalam tahun ini.

468. Satu laporan tentang kebolehan ekonomi beberapa chara untuk mengeluarkan tenaga letrik Haidero Sungai Sia, Liang dan Sempam di-Jajahan Raub telah di-siapkan oleh Jurutera² Lembaga. Laporan itu memutuskan bahawa tenaga Letrik Haidero ketiga² buah sungai ini boleh di-keluarkan dengan belanja yang murah dan akan dapat mengeluarkan kira² 175 juta unit pada tiap² tahun.

469. Berkenaan dengan Steshen Janaletrik Setim di-Port Dickson yang di-ranchangkan untuk mempunyai keupayaan mu'tamad 480 Megawatt itu, penyiasatan yang mula² ka-atas tanah lapisan bawah dan pemeriksaan tapak telah di-jalankan dan persiapan jenis alat² janakuasa dan alat² lain yang berkaitan dengan-nya sedang di-selenggarakan oleh Perunding² Lembaga.

470. Di-Prai, pembenaan Steshen Janaletrik Setim yang baharu itu telah berjalan dengan memuaskan sunggoh pun kerja 'awam mengenai asas bangunan-nya telah tergendala sa-lama kira² tiga bulan di-sebabkan oleh perselisihan buroh. Ada-lah di-jangka Steshen itu akan dapat di-jalankan pada bulan Oktober, 1966.

471. Di-Melaka, konterek bagi kerja² 'awam bersangkutan dengan pemasangan Janarus Ulangalek Terbin 10 Megawatt yang ke-empat dan alat² perkakas dandang yang berkaitan dengan-nya telah sempurna di-selesaikan pada bulan Mach, 1965. Ada-lah di-jangka jentera baharu itu akan dapat di-jalankan pada pertengahan tahun 1966.

472. Di-Johor, kerja² 'awam berkaitan dengan sambongan pertama bagi Janarus Ulangalek Terbin 30 Megawatt serta alat perkakas dandang yang berhubung dengan-nya di-Steshen Janaletrik Sultan Ismail, Johor Bahru telah di-mulakan. Tarikh yang di-jadualkan bagi memulakan perjalanan jentera itu ia-lah pada bulan Mach, 1967.

473. Kemajuan yang besar telah di-chapai oleh Lembaga Letrik Negara dalam peringkat akhir Ranchangan Perbekalan Letrik Luar Bandar Lembaga di-bawah Ranchangan Pembangunan Lima Tahun Kerajaan Yang Kedua 1961-65. Sa-banyak 422 buah kampung telah mendapat bekalan letrik di-bawah Ranchangan tersebut dengan jumlah belanja kira² \$16 juta. Lembaga telah menyedia serta menyampaikan kepada Kerajaan chadangan² bagi Ranchangan Perbekalan Letrik Luar Bandar-nya di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama 1966-70 yang di-anggarkan akan memakan belanja sa-banyak \$15 juta dan akan dapat memberi bekalan letrik kepada 343 buah kampung lagi di-seluruh Negeri² Tanah Melayu.

KEMENTERIAN PERTAHANAN

A. TENTERA BIASA

GERAKAN TENTERA

474. Tentera Darat Malaysia telah berjaya dalam segala gerakan keselamatan menentang musuh² negara. Kerajaan chukup sedar tentang anchaman ka-atas negara kita di-sebabkan oleh saki baki pengganas² kominis yang maseh ada di-kawasan² sempadan Malaysia/Negeri Thai. Dalam hal ini Perjanjian Sempadan dengan Kerajaan Thai telah menimbulkan kerjasama yang rapat antara pasokan² keselamatan Malaysia dengan pasokan² keselamatan Thai bagi menjalankan dengan lebeh sempurna lagi gerakan² bersama menentang kominis di-kawasan² sempadan itu.

475. Kerajaan Malaysia sangat berhutang budi kepada negara² sahabat ia-itu Kerajaan British, Australia dan New Zealand, yang telah memberi bantuan tentera dan alat kelengkapan. Kerajaan yakin bahawa bantuan akan di-perolehi lagi daripada negara² sahabat, jika di-kehendakki untuk pertahanan.

PEMBESARAN

476. Pada tahun ini Tentera Darat telah memulakan satu ranchangan pembesaran yang mengambil masa sa-lama 5 tahun. Tujuan ranchangan ini ia-lah herdak membesarkan Angkatan Tentera Malaysia untuk menentang apa² anchaman pencherobohan dari luar dan sabversif dari dalam negeri. Segala usaha sedang di-jalankan untuk menjadikan Tentera Darat sa-buah Pasokan yang kuat dan sa-imbang supaya ia dapat menjalankan tugas² dan peranannya dengan sempurna. Kerajaan British telah menubuhkan 2 Batalion Renjer dan kedua² Batalion ini telah di-serahkan kepada Kerajaan Malaysia pada akhir tahun lepas. Kerajaan British sedang menubuhkan satu batalion lagi ia-itu Batalion Renjer Ketiga yang akan di-serahkan juga kepada Kerajaan Malaysia pada akhir tahun ini.

MENGGANTIKAN PEGAWAI² DAGANG DENGAN PEGAWAI² MALAYSIA

477. Ranchangan menggantikan pegawai² dagang dengan pegawai² Malaysia dalam Tentera Darat telah berjalan dengan memuaskan sunggoh pun ada beberapa kesulitan yang di-sebabkan oleh pembesaran Tentera Darat itu.

ALAT KELENGKAPAN

478. Tentera Darat sentiasa mengkaji sa-mula dasar-nya mengenai alat kelengkapan dan usaha² sedang di-jalankan untuk mengekalkan perkara menyediakan sa-mula senjata² dan alat kelengkapan moden sesuai dengan peranan yang akan di-mainkan-nya untuk mempertahankan Malaysia.

B. TENTERA WATANIAH

479. Tentera Wataniah dan Pasokan Pertahanan Tempatan sedang di-perbesar-kan mengikut ranchangan-nya. Pada masa ini sa-bahagian daripada pasokan ini telah di-panggil berkhidmat untuk membantu Tentera Darat menghadapi ancaman Konferansi. Kejayaan Tentera Wataniah dan Pasokan Pertahanan Tempatan dalam tugas²-nya sangat menggalakkan. Ranchangan² sedang di-buat untuk menubuhkan Pasokan Pertahanan Tempatan di-Sabah dan di-Sarawak untuk menjaga tempat² penting dan bangunan² yang mustahak.

C. PASOKAN SETIA NEGARA

480. Mula²-nya Kerajaan telah membuat keputusan hendak menubuhkan sa-buah pusat latehan dalam tiap² negeri dalam Malaysia. Akan tetapi oleh kerana kekurangan pegawai² tentera yang akan bertugas di-pusat² latehan itu maka tiada-lah dapat hendak di-laksanakan keputusan itu dengan sa-kali gus. Kemudian telah di-putuskan bahawa tujuan itu boleh di-chapai dengan mengambil tindakan yang lain ia-itu membesarkan kelima² buah pusat latehan yang ada sekarang ini. Perkara ini boleh di-laksanakan dengan belanja yang tiada banyak dan bilangan pegawai² yang kurang.

481. Hingga sekarang ini sa-ramai 6,266 orang ahli Pasokan Setia Negara telah tamat latehan sa-lama dua bulan. Tidak kurang daripada 40,000 orang pemuda telah di-pereksa doktor. Mereka akan di-hantar ka-pusat² latehan di-seluruh Malaysia untuk mendapat latehan.

D. ANGKATAN LAUT DI-RAJA MALAYSIA

482. Pembesaran Angkatan Laut di-Raja Malaysia telah di-teruskan pada tahun lepas. Bilangan anggota-nya telah banyak bertambah. Jumlah anggota-nya sekarang ia-lah empat kali lebeh banyak daripada bilangan pada Hari Kemerdekaan.

483. Pada 1hb April tahun ini Angkatan Laut telah menyempurnakan hari perondaan-nya yang ke-1,000 kali berturut-turut untuk menahan penyusupan dari Indonesia dan rompakan di-laut. Beberapa pertemporan telah berlaku dalam tahun lalu dengan pehak Angkatan Laut beroleh kejayaan. Tugas² meronda akan terus di-jalankan di-perayeran Malaysia Barat dan Timor sa-lagi mustahak.

484. Pengkalan Tentera Laut peringkat pertama di-Singapura dan Pengkalan besar di-Malaysia Timor telah pun siap di-bena. Kerja sudah pun di-mulakan untuk membena sa-buah Pengkalan Tentera Laut yang besar di-Tawau.

E. ANGKATAN UDARA DI-RAJA MALAYSIA

485. Dalam tahun lepas Angkatan Udara di-Raja Malaysia terus di-gunakan terutama sa-kali untuk pengangkutan udara termasuk gerakan² helikopter. Angkatan Udara di-Raja sedang memainkan peranan penting memberi bantuan

kapada Pasokan Keselamatan di-serata Malaysia menjaga keselamatan negara. Kumpulan² Angkatan Udara di-Raja Malaysia di-tempatkan di-Malaysia Timor dan Barat bagi menjalankan tugas tersebut dan antara tugas² yang di-jalankan mereka tiap² hari ia-lah mengangkut ahli² tentera, menggugurkan dari udara dan membawa turun barang² perbekalan dan kelengkapan untuk askar di-barisan hadapan, memindahkan orang² yang mati dan terchedera, menjalankan ronda² peninjauan dekat pantai bagi membantu Angkatan Laut di-Raja Malaysia dan tugas² perhubungan. Dan lagi pasokan pengangkutan yang boleh terbang sederhana jauh-nya membawa polis, askar, alat kelengkapan dan perbekalan mengikut jadual² yang di-tetapkan di-seluruh Malaysia.

486. Tugas² lain yang sangat penting yang di-jalankan oleh Angkatan Udara di-Raja Malaysia termasuklah mengambil gambar dari udara bagi tujuan membuat peta dan pembangunan luar bandar, mengangkut kakitangan dan barang² ka-kawasan² yang terpenchil untuk membantu kerja pembangunan dan mengangkut orang² sakit untuk mendapat rawatan perubatan bagi menyelamatkan nyawa mereka itu.

487. Beberapa buah helikopter lagi telah di-dapati dalam tahun 1965. Angkatan Udara baharu sahaja menerima 4 buah kapal terbang pengangkutan jenis Caribou. Kapal terbang ini ia-lah pemberian daripada Kerajaan Canada. Kapal² terbang baharu ini akan menambah lagi kekuatan Angkatan Udara.

488. Pembangunan bandar Labuan sa-bagai Pengkalan Angkatan Udara di-Raja Malaysia yang terbesar di-Malaysia Timor telah berjalan terus dan tidak lama lagi akan sampai ka-peringkat yang akan membolehkan Angkatan Udara menambah gerakan²-nya lagi. Padang kapal terbang di-Kuantan sedang di-elokkan juga sa-bagai satu projek yang di-utamakan. Padang kapal terbang ini akan menjadi pengkalan yang besar bagi kapal² terbang pejuang yang telah di-tempah baharu² ini untuk membantu pertahanan negara.

489. Pada tahun lepas Sekolah Latehan Terbang di-Alor Star dan Sekolah Latehan Teknik di-Kinrara terus memainkan peranan yang penting melateh pemandu² kapal terbang tempatan dan juru² teknik bagi Angkatan Udara yang sedang di-perbesarkan itu. Ahli² Pasokan Sukarela Simpanan Angkatan Udara di-Raja Malaysia terus berkhidmat dengan sa-penoh masa. Mereka di-tugaskan membantu menjaga keselamatan pengkalan Angkatan Udara di-Raja Malaysia daripada pengkhianat².

490. Ranchangan² telah di-buat untuk membeli beberapa buah lagi kapal terbang pengangkutan dan helikopter dalam masa 2 hingga 3 tahun yang akan datang supaya Angkatan Udara boleh menjalankan tugas²-nya yang sa-makin bertambah dengan chepat-nya itu.

F. PENTADBIRAN

491. Pentadbiran Angkatan Tentera Malaysia sedang berjalan dengan memuaskan hati. Perkhidmatan Perubatan Angkatan Tentera terus di-perluaskan lagi supaya ia boleh menyempurnakan keperluan yang di-sebabkan oleh pembesaran Angkatan Tentera. Pada masa ini perkhidmatan ini maseh lagi kekurangan doktor². Angkatan Tentera tiada dapat hendak menchari doktor yang suka hendak berkhidmat dengan Angkatan Tentera. Oleh kerana kekurangan doktor² tentera sa-makin menjadi² maka ada-lah di-fikirkan mustahak mengerah doktor² 'awam supaya berkhidmat dengan tentera. Ini sahaja-lah langkah yang praktik di-ambil dalam masa Konferantasi ini.

492. Ada-lah di-harapkan doktor² muda yang baharu tamat pengajian akan tampil ka-hadapan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera Biasa atau pun dalam pertubohan² tentera sukarela saperti Tentera Wataniah.

G. BANTUAN PERTAHANAN

493. Kerajaan menguchapkan berbanyak² terima kasih kepada Kerajaan² United Kingdom, Australia, New Zealand, Canada dan Amerika Shariat kerana telah memberi bantuan pertahanan dan menolong membesarkan Angkatan Tentera Malaysia untuk menentang ancaman Konferansi Indonesia.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN SHARIKAT KERJASAMA

494. Dasar Kementerian Pertanian dan Shariat Kerjasama ada-lah seperti berikut:

- (i) hendak membanyakkan lagi bahan² makanan yang mustahak dan mengelakkan lagi mutu-nya supaya boleh mencukupi untuk keperluan sendiri dengan chara yang murah mengikut kadar yang patut;
- (ii) hendak memaju dan menggunakan sumber² pertanian dengan sa-habis² banyak dan menggalakkan pertanian berbagai² jenis untuk meninggikan pengeluaran bahan² bagi perusahaan dan eksept. Dengan demikian akan meninggikan lagi ekonomi negeri ini;
- (iii) hendak mengadakan chara² pasaran yang sempurna. chara² pinjam-meminjam yang mudah dan lain² usaha yang berguna bagi mendatangkan ka-untungan yang sa-tinggi²-nya kepada pengeluar² bahan² itu;
- (iv) hendak menggalakkan gerakan² kerjasama dan lain² badan di-kawasan² luar bandar untuk meninggikan ekonomi dan taraf hidup pengeluar² bahan² mentah; dan
- (v) hendak menggalakkan penyelidikan dan menyebarkan 'ilmu pertanian kepada seluruh ra'ayat, dan mengelakkan lagi serta mengembangkan latihan pertanian supaya dapat di-gunakan dengan sa-baik²-nya tenaga dan teknik tiap² orang untuk mendapatkan kemajuan yang sempurna dalam pertanian.

A. JABATAN PERTANIAN

495. Gerakan² utama yang di-lakukan oleh Jabatan Pertanian dalam tahun 1965 ia-lah dalam bidang penyiasatan dan penyelidikan, penambahan, pendidekan, pembangunan dan memperjeniskan pertanian. Kemajuan² yang memuaskan telah di-chapai dalam semua bidang tersebut, sa-terus-nya memberi berbagai² sumbangan untuk memperbaiki ekonomi negara ini.

496. Penyelidikan dan pengeluaran padi telah lebih di-utamakan dari bidang² lain pada tahun lalu. Pengeluaran beras dalam musim 1964/65 menchapai 571,000 tan, paling tinggi dalam sejarah dan telah melebihi sa-banyak 77,000 tan dari keluaran tahun yang paling baik ia-itu dalam musim 1961/62. Kawasan padi dua kali sa-tahun telah bertambah kerana sistem taliayer telah bertambah baik. Perkara ini-lah yang memberi sumbangan utama dalam usaha menambahkan pengeluaran padi. Kawasan dua kali sa-tahun telah meningkat dari 59,000 ekar dalam tahun 1964 kepada 87,000 ekar dalam tahun 1965.

497. Penggunaan jenis padi yang tinggi pengeluaran-nya dan penggunaan baja yang banyak ada-lah unsur² yang menambah pengeluaran padi. Sekim Bantuan Baja Padi telah membahagikan 12,460 tan baja dan mengeluarkan 80,800 gantang benih padi dalam tahun 1965 sa-lain daripada jumlah yang di-bahagikan di-masa yang lalu.

498. Benchana 'alam telah menimpa petani² negeri Kelantan dan Trengganu pada musim 1965/66. Sa-lepas kemarau panjang tahun 1963/64, banjir besar

telah menimpa dua negeri Pantai Timor itu dan memusnahkan padi pada musim 1965/66. Penaksiran sedang di-jalankan untuk mengetahui kerugian tanaman dan ternakan dan gangguan kepada masyarakat.

499. Rancangan memperbaiki jenis padi telah di-perbesarkan untuk meliputi kebanyakan jenis padi tempatan dan jenis luar negeri yang di-ambil dari Pusat Penyelidikan Padi Antara Bangsa, dan menyelideki dengan chermat semua jenis padi yang tahan daripada serangan penyakit padi (blast). Keutamaan yang di-beri kepada menambah dan memilih jenis padi dua kali sa-tahun telah di-perhebat dan di-perbesarkan lagi memandang kepada kemudahan² yang akan di-perolehi dari Rancangan Sungai Muda dan Rancangan Taliayer Kemubu.

500. Dalam bahagian agronomi pula, penyiasatan telah di-tumpukan kepada penggunaan baja di-pusat² penyelidekan Kerajaan dan tanah² pesawah. Tujuan utama dalam penyiasatan ini ia-lah untuk menetapkan champoran baja yang lebeh berkesan dan murah. Kajian lain yang penting juga ia-lah kajian atas tanaman jangka pendek di-luar musim padi untuk menubuhkan satu sistem pusingan tanaman (crop rotation) dan satu chorak baharu dalam pertanian di-dua kawasan taliayer yang besar dan yang sedang di-usahakan sekarang ini.

501. Sa-laras dengan perkembangan perusahaan kelapa sawit negara ini, Jabatan ini telah mengelokkan lagi rancangan pembiakan kelapa sawit dan pengeluaran benih kerana pokok² yang baik sangat² di-kehendaki oleh rancangan² Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan orang² persaorangan. Oleh kerana kelapa sawit telah terbukti sa-bagai pokok yang sangat sesuai dan yang ekonomi dalam usaha memperjenis pertanian, perchubaaan luar telah di-selenggarakan di-berbagai² jenis tanah untuk mengkaji baja yang di-kehendaki dan untuk memperluaskan penanaman-nya kepada sa-berapa banyak jenis tanah yang boleh.

502. Sementara kelapa sawit di-dapati sesuai untuk memperjenis pertanian (agricultural diversification) sa-chara besaran, pemulehan dan penanaman sa-mula kelapa ada-lah satu chara praktik dalam tujuan memperjenis ekonomi desa. Kerja mendaftar rancangan perchubaaan pertama sa-luas 1,800 ekar di-Johor telah selesai dalam tahun 1965 dan kerja yang sama di-Perak maseh berjalan. Dalam tahun itu juga kerja telah di-mulakan dalam dua rancangan baharu, satu di-Johor dan satu di-Kelantan. Semua-nya 5,140 ekar kebun kechil kelapa dalam negeri Johor, Perak dan Kelantan yang sedang di-tanamkan sa-mula atau di-pulehkan.

503. Dalam Rancangan Pemulehan dan Penanaman Sa-mula Kelapa, pekebun kechil telah di-beri panduan menanam di-antara barisan kelapa tanaman yang mengeluarkan hasil makanan. Dengan chara ini pekebun² kechil boleh mendapat pendapatan sementara sa-belum kelapa itu mengeluarkan hasil.

504. "Tahun Buah" yang di-lancharkan pada tahun 1964 telah terus di-jalankan dalam tahun 1965 sa-bagai satu projek lanjutan Rancangan Pemulehan Buah di-bawah Rancangan Lima Tahun Kedua. Sambutan dari pekebun² kechil sangat menggalakkan dan pada penghujung tahun 1965 8,700 ekar dusun atau 72 peratus dari luas dusun yang di-chadangkan telah di-tanam sa-mula atau di-pulehkan dengan jenis² buah yang lebeh elok.

505. Satu lagi langkah memperjenis pertanian negara ia-lah chadangan menanam tebu di-tanah besar Malaysia. Pakar² Rancangan Colombo Australia telah mengeshorkan beberapa daerah yang sesuai bagi perusahaan tersebut. Sementara itu penyelidekan sedang di-jalankan oleh Jabatan Pertanian pada beberapa jenis tebu tempatan dan yang di-impot untuk mengetahui persesuaian-nya. Kerja mengambil sa-mula tanah baharu di-kawasan² yang di-shorkan itu sedang di-jalankan untuk menjalankan perchubaaan luar ka-atas tanaman ini.

506. Dalam lapangan sains kaji makanan dan teknik, kemudahan² ma'amal telah di-perbesarkan dan pegawai² di-tambah untuk menilai dan memperoses lebih banyak jenis tanaman makanan, ternakan dan perikanan. Di-peringkat antara bangsa Projek Wang Kumpulan Khas Sains Kajimakanan dan Teknik Pertubohan Bangsa² Bersatu telah di-terima oleh Majlis Pemerintah P.B.B. untuk di-lancarkan.

507. Gerakan pemereksaan tanah di-teruskan di-sapanjang tahun dan mencapai kemajuan yang memuaskan. 4.7 juta ekar (14 peratus) telah di-pereksa tahun lalu di-bandingkan dengan 3.1 juta ekar (10 peratus) dalam tahun 1964. Jumlah tanah yang di-pereksa hingga sekarang ini ia-lah 24.2 juta ekar ia-itu 76 peratus dari jumlah luas tanah sa-banyak 31.4 juta ekar.

508. Pergerakan² yang di-jalankan oleh Persatuan Peladang dalam membentok pimpinan perengkat desa dan tindakan berperatoran di-kalangan penduduk desa terus menerus berjaya mengelokkan chara berchuchok tanam dan menambahkan pengeluaran hasil. Sa-makin banyak petani sedar betapa perlu-nya tindakan berperatoran di-kalangan mereka dan peranan yang di-mainkan oleh persatuan peladang dalam memperbaiki ekonomi desa. Sampai masa ini ada sa-banyak 778 persatuan peladang yang berdaftar dan ahli²-nya sa-banyak 40,413 orang.

509. Sa-telah persatuan² peladang di-tubuhkan dan perkhidmatan² penambahan pertanian di-titek-beratkan petani² telah menunjukkan minat dan keinginan mereka untuk memajukan chara pertanian mereka dan mempelajari lebih banyak lagi teknik² pertanian chara baharu. Untuk memenohi kehendak² ini, enam buah lagi pusat latehan pertanian luar bandar telah di-buka dalam tahun 1965. Sa-banyak 20 pusat latehan yang ada di-sekitar tanah ayer memberi 196 kursus (lebih kurang satu sa-bulan) dalam tahun lalu untuk 3,730 petani dewasa dan pemuda pemudi. Sa-bagai tambahan kapada latehan² di-pusat² itu, pendidekan pertanian dan penambahan pertanian telah di-jalankan oleh unit² yang bergerak. Unit² ini telah membuat 1,550 lawatan ka-kawasan pendalaman.

510. Ranchangan yang akan datang yang akan di-jalankan oleh Jabatan Pertanian ia-lah membantu usaha memajukan ekonomi luar bandar yang menjadi satu daripada tujuan² utama Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Memandang kapada pertalian yang erat di-antara ekonomi dan masyarakat luar bandar dengan pengeluaran pertanian, peranan Jabatan Pertanian di-jangka akan di-tumpukan untuk menambah pengeluaran di-perengkat persaorangan dan perengkat negara. Ranchangan di-masa depan Jabatan itu terbahagi kapada empat bahagian, ia-itu penyelidekan, pendidekan, penambahan dan bantuan.

511. Penyelidekan padi sa-chara meluas akan di-jalankan dalam bahagian jenis² padi dua kali sa-tahun. Pembiakan dan pemilehan jenis² yang banyak pengeluaran, tahan dari serangan penyakit dan yang lebih di-kesani oleh baja akan di-utamakan. Kemudahan² menjalankan perchubaan ka-atas tanaman² makanan jangka pendek di-luar musim padi di-ladang yang tidak sesuai bagi padi dua kali sa-tahun untuk mengetahui persesuaian dari segi keuntungan, agronomi dan ekonomi telah di-tambah. Pada bahagian penyelidekan bersama untuk menyelesaikan soal rumit padi merah di-daerah Krian, Perak, Bahagian Pertanian dan Pusat Penyelidekan Padi Antara Bangsa akan bekerjasama.

512. Ranchangan penyelidekan di-bidang pembiakan dan pemilehan benih yang banyak mengeluarkan minyak dan kajian baja telah di-buat untuk memenohi kehendak perusahaan kelapa sawit yang sedang pesat bergerak maju. Ranchangan untuk mendirikan satu pusat baharu sa-luas sa-ribu ekar di-tanah pantai di-Selangor bersama dengan dua pusat yang sudah ada di-Serdang dan Jerangau ada-lah di-jangka dapat memenohi kehendak penyelidekan kelapa sawit untuk beberapa tahun yang akan datang. Ranchangan untuk bekerjasama

dengan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam menjalankan penyiasatan luar di-ranchangan² kelapa sawit Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah pun di-sediakan.

513. Penyelidikan kelapa akan terus di-jalankan di-dua pusat yang besar di-daerah Telok Anson dan Parit Botak, di-Barat Daya Johor. Di-Pantai Timor penyiasatan di-atas tanaman ini di-jalankan di-pusat Sungai Baging, Pahang. Pemilihan beneh² yang banyak mengeluarkan minyak ada-lah kerja jangka panjang dan kerja di-bidang ini mesti-lah di-teruskan jika beneh yang tinggi mutu-nya mahu di-adakan bagi penanam² kelapa. Serentak dengan Ranchangan Tanam Sa-mula Kelapa, perchubaaan baja telah di-jalankan dan perchubaaan tanaman untuk jualan akan di-perbesarkan di-pusat Parit Botak.

514. Kajian teknik makanan akan di-perhebatkan apabila Pusat Sains dan Teknologi Makanan di-bawah Projek Wang Kumpulan Khas Pertubohan Bangsa² Bersatu di-tubuhkan untuk mengelokkan jenis makanan ra'ayat dan juga mengukuhkan kedudukan perusahaan memperoses makanan negara ini. Sementara itu jenis² makanan dan buahan tempatan akan lebeh banyak digunakan apabila penyelidikan di-bidang ini di-perhebatkan.

515. Pemereksaan tanah sedang berjalan dengan memuaskan dan kerja ini akan di-teruskan untuk menyiapkan Tinjauan Pemereksaan Besar Negeri² Tanah Melayu dalam tahun 1967. Kerja menyama pemetaan tanah dan mengkaji tanah dengan lebeh teliti lagi akan di-jalankan di-kawasan² yang sudah di-pereksa.

516. Untuk memenohi kehendak segera pendidekan pertanian, Kerajaan telah melancharkan pendidekan pertanian sa-chara besar²an dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama. Ranchangan Yang Pertama itu telah membuat per-untokan bagi menambahkan lagi dengan segera-nya pendidekan pertanian dari perengkat Universiti sampai ka-perengkat petani. Jabatan Pertanian, dalam persediaan-nya untuk usaha ini, sekarang ini mempunyai 103 orang pegawai dan penuntut² biasiswa yang sedang berlateh dalam Universiti. Di-perengkat maktab, peruntokan sudah di-sediakan untuk memberi biasiswa kapada 85 orang dalam tahun 1966 dan ada-lah di-harapkan bahawa di-masa hadapan biasiswa² sa-banyak itu juga akan dapat di-beri dalam beberapa tahun yang akan datang hingga bilangan pegawai² yang terlatah yang sangat² di-kehendaki oleh Jabatan Pertanian itu dapat di-adakan.

517. Pegawai² Pertanian Muda—pegawai² yang hari² berhubong dengan petani²—lebeh² lagi di-kehendaki. 3,550 orang pegawai saperti itu di-anggap mustahak untuk memenohi kehendak perkhidmatan penambahan pertanian, menguruskan pusat penyelidikan pertanian dan ma'amal dan menyeliakan perchubaaan² luar. Untuk menchapai maksud ini 6 atau 8 buah sekolah pertanian yang tiap² sa-buah boleh menerima 120 orang pelatah sa-tahun akan di-bena untuk membantu empat buah sekolah pertanian yang melatah semua pelatah² sekarang ini.

518. Persatuan² peladang ada-lah satu chara yang baik untuk memajukan pertanian. Sa-hingga sekarang ini, persatuan² peladang telah menchapai kemajuan yang memuaskan dan telah menjadi tempat permulaan yang berguna untuk pembanguan luar bandar. Langkah² yang mustahak sedang di-jalankan untuk pertubohan² ini supaya boleh kembang dengan sendiri-nya dan boleh memainkan peranan yang di-harapkan di-masa hadapan dalam ekonomi luar bandar. Keutamaan akan di-bagi kapada usaha menggalakkan persatuan² peladang supaya membantu khidmat penambahan pertanian yang ada sekarang ini.

519. Satu projek baharu yang akan di-jalankan bagi kali yang pertama dalam kerja penambahan pertanian ia-lah pelajaran mengurus ladang. Walau pun pelajaran mengurus ladang ini sudah menjadi perkara biasa dalam perusahaan pertanian di-negeri yang sudah maju, perkara ini ada-lah satu perkara baharu

bagi peladang² kecil di-negara ini. Untuk permulaan, beberapa ranchangan panduan akan di-jalankan untuk mengadakan perhubungan dan pertunjukan di-kawasan² pertanian yang di-pilih dengan tujuan menambahkan pengeluaran pertanian dari puncha² yang ada sekarang ini. Ranchangan jangka panjang ia-lah untuk menjadikan tiap² ladang mengeluarkan hasil yang banyak, sama ada dengan chara menggunakan tenaga yang ada di-ladang itu atau pun menambah apa² yang mustahak di-mana² yang kurang.

520. Dalam sekim bantuan, Jabatan Pertanian mempunyai 15 sekim bantuan² di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, 7 daripada-nya ia-lah sekim lama yang sedang di-jalankan dan 8 lagi ia-lah yang baharu. Semua sekim itu berasaskan kepada kehendak mengembangkan perjenisan pertanian bagi peladang² kecil. Bantuan itu, kebanyakan dengan mata-benda ada-lah di-anggap mustahak untuk mengukuhkan semangat peladang² pada permulaan projek mereka dan untuk meneruskan usaha mereka dalam memperjenis ekonomi mereka.

521. Dalam sekim² baharu itu termasuk-lah tanam²an seperti jagong, kacang tanah, limau, nanas, pisang, kopi dan lain² yang mustahak dari segi ekonomi dan senang di-tanam dalam keadaan kebun² kecil. Tujuan sekim bantuan ini ia-lah untuk menchukupi sa-takat yang terdapat kehendak² sendiri dalam beberapa jenis tanaman yang di-antara-nya memakan banyak pertukaran wang luar negeri untuk mengimpot-nya.

B. PARIT DAN TALIAYER

522. Dengan tamat-nya Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dalam tahun 1965, Jabatan Parit dan Taliayer telah melaksanakan 121 sekim taliayer. Luas tanah yang dapat di-beri kemudahan taliayer ia-lah 192,416 ekar dan 105,107 ekar daripada-nya ia-lah untuk menanam padi dua kali sa-tahun. Kawasan padi yang baharu di-buka ia-lah 21,000 ekar. Dalam tahun 1965, lima sekim taliayer telah di-siapkan dan luas tanah yang di-majukan dengan taliayer ia-lah 153,715 ekar, 31,273 ekar daripada-nya boleh di-tanam padi dua kali sa-tahun, dan 8,947 ekar ia-lah tanah padi yang baharu di-buka.

523. Di-bidang parit, 42 sekim telah di-siapkan di-bawah Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua, memberi kemudahan parit kepada 210,759 ekar tanah yang sudah di-tanam. Dalam tahun 1965, hanya satu sekim sahaja yang telah di-siapkan dan tujuh hampir² siap, semua sekali memberi faedah kepada 55,273 ekar. Dalam tahun ini ia-itu tahun pertama dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama, lebih daripada \$56 juta akan di-belanjakan untuk sekim² parit dan taliayer dalam Malaysia, \$52 juta dari peruntukan itu akan di-belanjakan untuk Negeri² Tanah Melayu, \$1.5 juta untuk Sabah dan \$2 juta untuk Sarawak. Antara projek² itu, 30 sekim taliayer ia-lah kerja lanjutan dan 12 ia-lah sekim taliayer baharu yang akan memberi faedah kepada 381,330 ekar sawah, 358 ekar daripada-nya boleh di-tanam padi dua kali sa-tahun.

524. Dalam Negeri² Tanah Melayu, Projek Taliayer Sungai Muda akan di-mulakan tahun ini. Bank Dunia telah memberi pinjaman sa-banyak \$135 juta untuk projek itu dan konterek untuk membena ampangan ayer telah di-beri kepada satu syarikat Jepun, sa-telah tender antara bangsa di-keluarkan. Kerja akan juga di-mulakan membuat taliayer² besar dan taliayer² bahagian dalam. Satu rombongan dari Bank Dunia baharu sahaja selesai mengkaji Sekim Taliayer Kemubu untuk menimbangkan satu pinjaman, keputusan-nya belum lagi di-dapati. Dalam Negeri Perak, 2,500 ekar tanah paya hutan akan di-majukan di-bawah Sekim Taliayer Trans-Perak Peringkat IV dan akan boleh di-tanam padi tahun ini. Sekim Sungai Lemal di-Kelantan akan siap dan baki 5,000 ekar tanah itu akan mendapat faedah taliayer; Sekim Taliayer Nerus di-Trengganu akan memberi faedah taliayer kepada 2,740 ekar dan Sekim Pekula di-Kedah akan memberi faedah taliayer kepada 3,900 ekar. Sekim²

taliayer yang baharu dan yang akan di-mulakan tahun ini di-Kedah ia-lah Sekim Padang Chempedak yang akan memberi faedah taliayer kapada 1,063 ekar, Sekim Penarek-ayer Pulau memberi faedah taliayer kapada 680 ekar, Sekim Sidim Kiri dan Sidim Kanan memberi faedah taliayer kapada 2,350 ekar; di-Pahang Kerja² Kechil akan memberi faedah taliayer kapada 2,450 ekar; di-Negri Sembilan Sekim Kampong Bangkakulu akan memberi faedah taliayer kapada 187 ekar, Sekim Sungai Layang akan memberi faedah taliayer kapada 610 ekar, Sekim Ulu Jempol akan memberi faedah taliayer kapada 1,300 ekar dan Sekim Sungai Lenggang akan memberi faedah taliayer kapada 620 ekar. Empat projek taliayer ia-itu projek Assam Bubok di-Johor, projek Besut Perengkat II di-Trengganu, projek Alor Pasir dan projek Tumpat Pengkalan di-Kelantan, telah di-masokkan ka-dalam senarai projek² untuk pertimbangan Kelab Bantu Malaysia. Kelab ini akan menimbangkan kemungkinan memberi bantuan untuk sekim² itu.

525. Di-Sabah, taliayer² akan di-adakan untuk 22,500 ekar tanah. Di-masa ini ada 6 sekim lanjutan dan satu sekim baharu. Sekim² lanjutan itu ia-lah di-Bendau, Kudat, Kota Belud, Luham dan Apin². Sekim baharu itu ia-lah di-Pantai Kesang.

526. Di-Sarawak, satu sekim taliayer, Sekim Hilir Sibuti untuk 8,000 ekar tanah akan di-adakan. 1,000 ekar daripada-nya akan mendapat taliayer pada tahun ini

527. Dalam Negeri² Tanah Melayu, 23 sekim lanjutan dan 16 sekim parit yang baharu untuk 65,500 ekar tanah telah di-masokkan dalam ranchangan Jabatan ini. Sekim² yang besar ia-lah Trans-Perak Perengkat II untuk memajukan 12,000 ekar tanah paya di-Perak; Sekim Serom untuk 3,600 ekar tanah yang sudah di-tanam, Sekim Pinggan untuk 2,200 ekar, Sekim Peserai untuk 3,800 ekar semua-nya di-Johor; Sekim Merbau Berdarah untuk 900 ekar, Sekim Dengkil untuk 200 ekar dan Sekim Jalan Kebun 2,200 ekar semua di-Selangor; Sekim Kampong Paya untuk 150 ekar dan Sekim Lukut untuk 300 ekar di-Negri Sembilan ada-lah sekim yang telah di-masokkan dalam ranchangan tahun ini. Dua projek ia-itu projek Parit dan Taliayer Sungai Prai di-Pulau Pinang dan projek lanjutan Krian Perengkat II di-Perak, telah di-masokkan ka-dalam senarai sekim² yang sedang di-timbangkan oleh Kelab Bantu Malaysia untuk mendapat bantuan.

528. Di-Sabah, satu sekim lanjutan parit ia-itu, Sekim Pembangunan Kelapa Sawit Klias telah di-adakan. Di-Sarawak telah ada 3 sekim lanjutan, ia-itu Sekim Kabong/Nyabor Perengkat I untuk 1,800 ekar, Sekim Mid-Sadong Perengkat I untuk 1,200 ekar dan Sekim Bukit Aup untuk 450 ekar. Beberapa sekim parit yang tidak di-tentukan nama-nya berjumlah lebih kurang 500 ekar telah juga di-masokkan dalam ranchangan itu.

C. PERKHIDMATAN HAIWAN

529. Kemajuan² besar yang di-chapai oleh Bahagian Perkhidmatan Haiwan dalam tahun lalu ia-lah dalam hal² yang berthabit dengan mengadakan satu perkhidmatan kesihatan haiwan yang lengkap dan chekap bagi negara ini, melateh pegawai² Bahagian ini mengenai kesihatan haiwan dan pengeluaran haiwan, mengajar ra'ayat mengenai chara² yang betul bagi mengeluarkan, memelihara dan mengurus ternakan dan yang terutama sa-kali ia-lah berthabit dengan zat² makanan, menternak, memilih dan meninggikan mutu ternakan² tempatan.

530. Tambahan kapada bangunan Pusat Penyelidikan Haiwan, Ipoh telah siap di-bena dalam tahun 1965 untuk memberi kemudahan² yang di-kehendaki untuk mengeluarkan ubat suntak (vaccines) dan juga bagi mengadakan bahagian² baharu di-Pusat itu saperti Bahagian Pathology, Bahagian Biochemistry, Bahagian Parasitology dan Bahagian Nutrition. Pusat Penyelidikan dan Menternak Ayam

Itek di-Johor Bahru terus menjalankan kajian mengenai menternak² zat² makanan, memelihara dan mengurus ayam itek. Ranchangan penyelidikan di-pusat ini telah di-susun dan di-jalankan untuk mengeluarkan ayam yang banyak bertelor dan ayam untuk makanan yang boleh hidup subur dalam suasana dan keadaan tempatan. Bahagian ini terus menjalankan kerja mengawasi penyakit² ternakan melalui 35 Pusat Haiwan dan Pusat Kechil Haiwan yang di-tubuhkan dalam kawasan² yang banyak ternakan di-beberapa tempat dalam negeri ini.

531. Di-bidang pendidekan, Pusat Latehan Haiwan yang di-tubuhkan dalam kawasan Pusat Ternakan Haiwan Kluang yang luas-nya 4,000 ekar itu telah melanjutkan kursus-nya dari satu tahun kepada dua tahun mulai tahun 1965, dengan tujuan memberi latehan kepada pegawai² Penolong Haiwan mengenai mengawasi penyakit dan chara mengurus dan menternak yang lebeh baik. Satu pusat tambahan saperti yang ada di-Port Swettenham, Selangor, untuk melateh ra'ayat telah siap di-bena dalam tahun 1965 di-Ayer Kroh, Melaka. Tiap² satu pusat ini boleh melateh sa-banyak 240 orang sa-tahun.

532. Kerja dalam teknik permanian beradas untuk memperchepatkan kerja memperbaiki jenis ternakan tempatan telah di-perhebatkan. Penyelidikan dalam semua hal² mengenai permanian beradas sedang di-jalankan di-Pusat Permanian Beradas, di-Paroi dengan tujuan mengadakan perkhidmatan chekap dalam kerja permanian beradas bagi babi dan lembu kerbau.

533. Kemudahan² di-pusat² ternakan Persekutuan telah di-tambah supaya pusat² itu dapat mengeluarkan ternakan² yang baik mutu-nya dengan lebeh banyak lagi untuk di-bahagikan ka-kawasan² luar bandar. Kerja memberi sa-chara pawah lembu, kerbau, kambing dan babi di-seluruh negara di-teruskan dan di-dapati berjaya. Tujuan projek ini ia-lah untuk membantu menambahkan pendapatan keluarga penduduk² luar bandar dan untuk menggalakkan ternakan dalam kawasan² yang kurang ternakan.

534. Dua pusat ternakan, satu di-Pantai, Negri Sembilan dan satu lagi di-Batu Arang, Selangor, telah di-tubuhkan dalam tahun lalu. Tujuan ranchangan ini ia-lah untuk menempatkan penternak² dalam satu kawasan supaya satu sistem kerjasama dalam usaha mengeluarkan susu yang berseh dan pemasaran susu pasteuran boleh di-jalankan di-bawah jagaan Bahagian ini, sa-kurang²-nya di-perengkat² permulaan.

535. Dalam kerja meranchang dan mengator projek² di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Bahagian ini terus menghebatkan gerakan²-nya berkenaan dengan menambah dan mengelokkan lagi pengeluaran ternakan², sentiasa menjaga kesihatan ternakan, dan mengembangkan lagi perusahaan susu, daging kerbau lembu, daging kambing, daging babi dan ayam itek dan mengajar orang² kampong berkenaan dengan teknik yang baik bagi menternak dan melateh orang supaya mahir dalam perusahaan menternak dan memberi nasihat² dengan perchuma kepada penternak².

D. PERKEMBANGAN SHARIKAT KERJASAMA²

536. Kerajaan terus menggalakkan perkembangan Pergerakan Sharikat Kerjasama² untuk menjadi satu alat bagi meninggikan ekonomi ra'ayat istimewa yang tinggal di-kawasan² luar bandar. Pergerakan ini telah berjaya juga mengadakan bantuan wang dan lain² bantuan saperti nasihat dan panduan bukan sahaja dalam pekerjaan pertanian bahkan juga dalam pemasaran-nya. Bantuan² saperti itu amat-lah berfaedah kepada petani² dan nelayan².

537. Dalam tahun 1965, usaha² Bahagian Perkembangan Sharikat Kerjasama² telah terus di-tumpukan kepada menyatu dan memajukan sharikat² kerjasama yang ada sekarang ini. Dalam tahun yang lalu sharikat² ini telah membantu ahli²-nya dengan wang sa-banyak lebeh kurang \$60,000,000. Di-kawasan² luar

bandar bantuan² telah di-beri bagi maksud mengerjakan tanah sawah, mengilang padi dan pemasaran-nya serta membeli alat² pertanian dan alat² menangkap ikan. Di-dalam kawasan bandar bantuan telah di-beri bagi maksud membeli rumah dan bagi perbelanjaan pelajaran.

538. Apex Bank Sharikat Kerjasama² Persekutuan Tanah Melayu telah memberi pinjaman musim untuk menchegeh "Padi Kuncha" sa-banyak \$827,739 dan pinjaman wang bagi sekim² pemasaran berjumlah \$5,707,000.

539. Sharikat² Kerjasama² di-kawasan² dalam bandar, terutama sa-kali Sharikat² Jimat Chermat dan Perumahan mempunyai harta lebeh daripada \$150,000,000 dan telah dapat membantu ahli²-nya dengan pinjaman wang sa-banyak lebeh kurang \$50,000,000 sa-tahun. Pada tahun lalu Sharikat Kerjasama² Perumahan telah mendapat membena lebeh kurang 2,000 buah rumah dengan harga lebeh \$40,000,000. Sharikat Kerjasama Insurance Tanah Melayu semenjak di-tubuhkan telah mengeluarkan lebeh kurang 35,000 polisi insurance nyawa yang berharga lebeh kurang \$135,000,000.

540. Beberapa Sharikat Kerjasama² telah masok bergerak dalam pekerjaan membekalkan jentera tertentu untuk berladang dan membahagikan baja berasaskan kerjasama². Gerakan² ini telah menambahkan pendapatan ahli²-nya.

541. Dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama dari tahun 1966 hingga tahun 1970, Bahagian Perkembangan Sharikat Kerjasama² telah menyediakan projek² dan sekim² untuk membantu Sharikat Kerjasama² luar bandar khas-nya dan pergerakan Kerjasama² 'am-nya. Wang yang di-untokkan bagi sekim² ini ia-lah berjumlah \$31,000,000. Projek² yang besar dalam Ranchangan itu termasuk-lah satu peruntokan sa-banyak \$5.7 juta sa-bagai wang pinjaman musim untuk menchegeh "Padi Kuncha" dan sa-banyak \$9.8 juta untuk membeli padi. Peruntokan² bagi projek² ini telah di-buat lebeh banyak daripada tahun² yang lalu kerana hendak mengadakan wang untuk menanam padi dua kali sa-tahun dalam kawasan² baharu yang termasuk dalam projek Sungai Muda dan Kemubu. Wang sa-banyak \$1,000,000 telah di-untokkan kepada Sharikat² Kenderaan Luar Bandar. Dengan peruntokan ini dapat-lah Sharikat² itu menjalankan perkhidmatan² teksi dan lori. Wang sa-banyak \$2.2 juta telah di-peruntokkan sa-bagai wang bantuan kepada Sharikat² Perikanan. Dengan ada-nya peruntokkan ini dapat-lah Sharikat² dalam sekim² menempatkan sa-mula nelayan² meminjam wang. Satu projek yang di-tunggu² oleh ahli² Sharikat Kerjasama² di-luar bandar ia-lah projek pinjaman wang jangka sederhana untuk membeli atau menebus kebun². Lain² projek di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama termasuk-lah projek² pemasaran getah, pemasaran kopi, pemasaran nenas, dan wang untuk berkedai barang² keperluan dan jua mengganti perkakas² kilang padi. Untuk melaksanakan sekim² ini dengan jaya-nya usaha² sedang di-lipat gandakan dalam bidang pelajaran dan mengadakan kemudahan² latehan kepada ahli² sharikat kerjasama² supaya mereka dapat dengan senang-nya faham dasar² dan perjalanan Sharikat² kerjasama dan supaya pegawai² Sharikat² Kerjasama dapat mempelajari dan menggunakan chara² dan teknik² pengurusan, kira² dan sa-bagai-nya yang moden.

E. PERIKANAN

542. Dalam tahun 1965 kejayaan terus di-chapai dalam usaha menangkap ikan dengan menggunakan chara² yang lebeh baik, umpama-nya pukat terkawal. Dalam tahun 1965 dalam Negeri² Tanah Melayu pendapatan ikan laut telah bertambah sa-banyak 3.2 peratus daripada dalam tahun 1964. Jumlah penangkapan ikan pada tahun 1965 ia-lah sa-banyak 198,377 tan yang berharga lebeh kurang \$168 juta. Dalam tempoh Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua pengeluaran ikan laut di-Negeri² Tanah Melayu telah bertambah sa-banyak 31.6 peratus ia-itu dari sa-banyak 150,650 tan dalam tahun 1961 menjadi 198,377 tan

dalam tahun 1965. Untuk mengekalkan pengeluaran sa-banyak yang bertambah itu Kerajaan telah mengadakan banyak kemudahan angkat-mengangkat, punggah-memunggah dan pemasaran ikan² di-pusat² perikanan. Sa-lain daripada itu untuk mendapatkan harga yang patut kepada nelayan², Bahagian ini telah menggalakkan nelayan² itu bersatu mengadakan sharikat bekerjasama² supaya mereka boleh menjual tangkapan mereka itu dengan chara besar²an dan juga supaya mereka dapat tawar menawar dengan penjual² ikan. Menerusi sharikat bekerjasama², makin bertambah banyak nelayan mempunyai perahu dan alat menangkap ikan sendiri dan membangunkan dan mengurus tempat² penyejok-nya sendiri.

543. Sa-lain daripada menubuhkan sharikat² bekerjasama² Kerajaan juga bermaksud hendak menubuhkan persatuan² nelayan sa-rupa chara-nya dengan persatuan² peladang. Melalui persatuan² itu Kerajaan berharap akan dapat menjalankan dengan lebih berkesan lagi bantuan² teknik dan ranchangan lanjutan-nya. Melalui persatuan² itu nelayan² boleh mengetahui mengenai kemajuan² di-lain² daerah dalam negeri ini atau kemajuan di-negeri² lain dan dengan yang demikian dapat-lah mereka menghargai usaha² yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi memodenkan perusahaan perikanan.

544. Sa-makin banyak nelayan membeli dan memasang enjin baharu kepada perahu² mereka dan ada pula yang mengganti enjin² lama dengan enjin² yang lebih kuat dan baik. Daripada sa-banyak 22,958 buah perahu menangkap ikan yang berlesen dalam tahun 1961 dalam Negeri² Tanah Melayu, 42.1 peratus mempunyai enjin—21 peratus mempunyai enjin dalam perahu dan 21.1 peratus mempunyai enjin sangkut. Dalam tahun 1965 bilangan perahu menangkap ikan yang berlesen telah kurang, hanya 21,888 buah sahaja. Walau bagaimana pun 53.5 peratus daripada-nya mempunyai enjin—35.9 peratus mempunyai enjin dalam perahu dan 17.6 peratus mempunyai enjin sangkut. Satu perkara yang menarik perhatian ia-lah tentang kegemaran nelayan² menggunakan enjin dalam perahu. Dengan menggunakan enjin² itu perbelanjaan sa-makin kurang dan perahu² mereka dapat belayar lebih jauh lagi.

545. Dalam bahagian pelajaran perikanan Sekolah² Perikanan Laut di-Pulau Pinang dan di-Trengganu dalam tahun 1965 telah melateh sa-jumlah 148 orang nelayan, termasuk mereka yang datang dari Sabah, Sarawak dan Singapura. Dari tahun 1961 hingga tahun 1965 sa-jumlah 723 orang nelayan telah di-lateh dalam kedua² buah sekolah itu. Ada-lah di-anggapkan bahawa sekolah² ini telah menunaikan kewajipan-nya dan Kerajaan pada masa ini sedang menyemak sa-mula ranchangan² latehan-nya. Untuk melateh pegawai² teknik perikanan yang lebih tinggi, Kerajaan telah pun membuat di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Pertama satu chadangan hendak mengadakan sa-buah Maktab Perikanan di-Pulau Pinang.

546. Kursus menternak ikan darat bagi penternak² terus di-jalankan di-Pusat² Menternak Ikan di-Enggor dan di-Tapah dalam Negeri Perak. Dalam tahun 1965, 18 kursus telah di-adakan dan 163 orang penternak telah menghadziri-nya. Sa-banyak 663 orang penternak ikan telah menghadziri kursus² dari tahun 1961 hingga tahun 1965. Sunggoh pun kemajuan perusahaan ikan laut di-utamakan dalam Ranchangan Lima Tahun Yang Kedua dan Ranchangan Malaysia Yang Pertama tetapi kemajuan perusahaan ikan darat terutama sa-kali di-luar² bandar tidak pula di-lupakan. Luas-nya kolam ikan darat dalam tahun 1964 ia-lah 2,434 ekar dan telah bertambah menjadi 2,958 ekar dalam tahun 1965. Anak ikan yang di-bahagi²kan telah bertambah daripada 1,643,327 ekor dalam tahun 1964 menjadi 2,440,000 ekor dalam tahun 1965.

547. Dalam tahun 1966 dan sa-panjang tempoh Ranchangan Malaysia Yang Pertama, Bahagian Perikanan akan terus menumpukan usaha-nya supaya puncha² perikanan yang boleh di-dapati akan di-guna dan di-usahakan. Tujuan

ini akan di-laksanakan dengan mengadakan ranchangan melateh nelayan² menjadi chekap membaiki kedudukan ekonomi dan social-nya memajukan penye-lidekan dan pemasaran supaya tidak membazir, dan memperelokkan mutu² ikan dengan mengadakan bilek sejok dan lain² lagi.

F. PERANCHANGAN DAN PENYELIDEKAN

548. Dalam tahun lalu Bahagian Peranchangan dan Penyelidekan Kementerian ini telah selesai membuat dua penyelidekan ekonomi yang penting dan hasil²-nya sedang di-analisakan. Satu daripada-nya ia-lah penyelidekan ekonomi penge-luaran kelapa oleh pekebun² kecil untuk mendapatkan dengan sa-penoh-nya ma'alumat² berkenaan dengan pengeluaran kelapa dan hal² yang kena mengena dengan-nya. Ma'alumat² ini akan menjadi panduan untuk membuat dasar dan ranchangan gerakan berkenaan dengan pemulehan perusahaan kelapa. Yang lagi satu ia-lah penyelidekan pemasaran ikan bagi mendapat ma'alumat mengenai kegunaan ikan dan chara² pasaran-nya di-negeri ini. Ma'alumat² itu akan membolehkan Kerajaan membuat ranchangan² bagi perkembangan pemasaran ikan yang terator supaya nelayan² akan mendapat hasil yang lebih banyak dan pem-beli² boleh mendapat ikan² yang baik dengan harga yang murah dan tetap.

549. Kementerian ini sedang mengukuhkan unit perangkaan-nya yang telah di-tubuhkan dalam Bahagian Peranchangan dan Penyelidekan untuk menyatukan pemungutan perangkaan pertanian yang berthabit dengan pekerjaan bahagian teknik Kementerian itu. Semua perangkaan pertanian yang telah di-pungut dan di-terbitkan berasing²an oleh berbagai² bahagian Kementerian telah di-kumpul-kan dalam "Statistical Digest" yang mula di-terbitkan dalam tahun 1965.

550. Dalam tahun lalu Kementerian ini telah giat berusaha menyediakan ranchangan berkenaan dengan sistem pemasaran hasil pertanian dalam negeri ini. Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan telah di-tubuhkan pada penghujung tahun lalu di-bawah Undang² Parlimen (Bilangan 49 tahun 1965) dan bergelar "Undang² Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan". Tugas² Pehak Berkuasa itu ada-lah seperti yang tersebut di-bawah ini:

- (a) menyatukan gerakan² berkenaan dengan pemasaran hasil pertanian yang di-jalankan oleh beberapa orang atau kumpulan orang (sama ada per-tubohan atau tidak, dan sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau tidak) yang ada kena mengena atau mungkin ada kena mengena dengan hal² pemasaran hasil pertanian;
- (b) menimbang dan memajukan apabila mustahak dan patut jalan² dan chara² yang pemasaran hasil pertanian dapat di-perelokkan, dan menchari dan memajukan pasar baharu untuk hasil² pertanian itu;
- (c) bekerjasama dengan orang² atau kumpulan orang² (sama ada pertubohan atau tidak dan sama ada dalam perkhidmatan Kerajaan atau tidak) untuk memajukan pemasaran hasil² pertanian yang chekap dan berkesan.

The English translation is as follows:

**SPECIAL APPENDIX TO THE ROYAL ADDRESS BY
HIS MAJESTY THE YANG DI-PERTUAN AGONG AT
THE OPENING OF PARLIAMENT ON TUESDAY,
JUNE 14, 1966**

The following additional information is issued herewith as a Special Appendix to the Royal Address given by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong at the Opening of Parliament on Tuesday, June 14, 1966

PRIME MINISTER'S DEPARTMENT

SEPARATION OF SINGAPORE

Last year records a painful event in the history of Malaysia—the separation of Singapore from Malaysia. Right from the beginning of Malaysia the Singapore State Government created conditions which were harassing to the Central Government so much so that it was quite impossible to find a solution whereby the Central and the State Governments could work together in the interest of the Nation. It was, therefore, resolved, with utmost reluctance, that the best solution to the problems was to let Singapore part from Malaysia.

2. The Government is fully aware of the necessity for co-operation, particularly in defence, trade, and commerce between Malaysia and Singapore in view of the many things in common between the two countries and their peoples. The Separation Agreement contains provisions for close co-operation between the two countries and the Government has time and again reiterated its desire to co-operate and work closely with Singapore for mutual benefit.

NATIONAL MOSQUE

3. The National Mosque was completed last year and declared open on 27th August, 1965. Costing approximately \$10 million, it took five years to complete and was made possible by the generous contributions of Malaysians of all communities, the State Governments and the Federal Government. Located on a prominent site in the heart of the Federal Capital, it stands as a symbol of the unity, faith, and aspirations of the people of this country.

TRANSLATION OF THE QUR'AN

4. The Government has long been aware of the need for a translation of the "tafsir" to the Qur'an in the National Language. Last year the Conference of Rulers gave its concurrence for the Federal Government to undertake this work. It is hoped that it will be completed within two years.

ACCIDENT BENEFITS

5. The Parliament last year passed an amending enactment which provides for payment of accident benefits to Members of Parliament including Ministers, Assistant Ministers and Parliamentary Secretaries who suffer serious injuries as a result of accidents or to their dependants if they die as a result of accidents.

STUDY TOUR

6. It is the Government's policy to send various groups in this country for study tours within Malaysia and abroad to enable them to observe and study the economic, social and political developments of this and other countries. Various groups from other countries were also invited to Malaysia for the same reason.

7. In 1965 about 1,400 persons participated in the tours. This included 1,170 persons taking part in domestic tours, 150 persons going abroad and 80 persons who were invited to visit this country.
8. A greater proportion of the study tour vote was used to make Malaysia known abroad. To this end foreign editors, correspondents and reporters, especially from Afro-Asian countries, were invited to visit this country.
9. Editors, Trade Union leaders, Members of Parliament and athletes from Malaysia sent abroad under the Study Tour Scheme were no less active in making Malaysia known to the world.
10. Domestic study tours included tours by groups from Sabah and Sarawak to Malaya and vice-versa and from the East Coast to the West Coast and vice-versa.

NATIONAL MONUMENT

11. The National Monument at Bukit Perwira, Kuala Lumpur, which took about 5 years to build was officially declared open by His Majesty the Yang di-Pertuan Agong on 8th February, 1966. Among the distinguished guests who witnessed the colourful ceremony were H.E. President Chong Hee Park of the Republic of South Korea and Madam Park. The National Monument stands as a symbol of victory of the people of Malaysia over the forces which try to destroy Malaysia.

RELATIONS WITH BORNEO STATES

12. The Malaysia Affairs Division continued the policy of establishing and maintaining smooth relationship between the Central Government and the Borneo States. Efforts were made to streamline administration and promote greater integration between Federal Ministries and the Borneo State Governments.

ECONOMIC SITUATION

13. The year 1965 was a fitting climax to the successful conclusion of the Second Five-Year Plan for the States of Malaya. It marked the end of another important phase of economic and social development and a record of all-round achievement not only for the States of Malaya but also for Sabah and Sarawak.
14. The output of the Malaysian economy as a whole grew at the impressive rate of 7% during 1965, a rate which was higher than the average growth of 6.2% attained between 1960 and 1964. The gross national product grew at the still higher rate of about 9%, reflecting an increase in export receipts from improved prices and higher export volume.
15. Cross capital formation rose steadily and maintained itself at a level of 19% of gross domestic product. Real consumption *per capita* rose at slightly more than 3% during 1965. This highly satisfactory increase in living standards was achieved despite rapid growth of the population and the high level of capital formation which the economy achieved.
